



KERTAS PUTIH PERTAHANAN

**Malaysia yang Selamat,
Berdaulat dan Makmur**



KERTAS PUTIH PERTAHANAN

**Malaysia yang Selamat,
Berdaulat dan Makmur**



Cetakan Kedua 2020

© Kementerian Pertahanan (MINDEF)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau kaedah lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan, Aras 5, Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak, 50634, Kuala Lumpur, Malaysia. Nombor telefon: (60)3-2059 8400.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kementerian Pertahanan

Kertas Putih Pertahanan

ISBN 978-967-16437-5-4

1. Defence 2. White Paper I. Judul

Dicetak oleh

Percetakan Nasional Malaysia Berhad
1, Jalan Chan Sow Lin, Chan Sow Lin,
50554 Kuala Lumpur.



ISI KANDUNGAN

PRAKATA PERDANA MENTERI	2
PRAKATA MENTERI PERTAHANAN	2
RINGKASAN EKSEKUTIF	4
BAHAGIAN SATU : VISI	
BAB 1 : PENGENALAN	10
Apakah Itu KPP?	11
Mengapakah KPP Diperlukan?	11
Bagaimanakah KPP Memenuhi Visi Negara?	16
BAB 2 : PERSPEKTIF STRATEGIK	20
Persekitaran Keselamatan yang Tidak Menentu	20
Strategi Jangka Panjang Nasional	28
BAHAGIAN DUA: STRATEGI	
BAB 3 : STRATEGI PERTAHANAN	34
Kerangka Pertahanan Negara	34
Prinsip Asas Pertahanan	39
Tonggak Strategi Pertahanan	40
BAB 4 : ANGKATAN MASA HADAPAN	44
Struktur Angkatan	44
Keperluan Keupayaan	46
Postur Angkatan	48
Pemangkin Bagi Membangunkan Angkatan Masa Hadapan	54
BAB 5: WARGA PERTAHANAN	56
Angkatan Tetap	56
Angkatan Sukarela	59
Veteran ATM	60
Kakitangan Awam Dalam Pertahanan	60
Penglibatan Rakyat	61

BAB 6 : HUBUNGAN PERTAHANAN` ANTARABANGSA	64
Matlamat Perkongsian Berwibawa	64
Skop dan Peringkat Hubungan Pertahanan	65
Hala Tuju Hubungan Pertahanan	74
 BAHAGIAN TIGA: PELAKSANAAN	
 BAB 7 : SAINS, TEKNOLOGI DAN INDUSTRI PERTAHANAN	78
Penyumbang Utama Bagi Sains, Teknologi dan Industri Pertahanan	79
Sokongan Kerajaan kepada Sains, Teknologi dan Industri Pertahanan	79
Kerangka Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN)	80
 BAB 8 : TRANSFORMASI, TADBIR URUS DAN PEMBIAYAAN	86
Transformasi Pertahanan	86
Tadbir Urus Terbaik	89
Pembiayaan	90
Kesimpulan	90
 RINGKASAN	91

PRAKATA PERDANA MENTERI

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya amat berbesar hati memperkenalkan Kertas Putih Pertahanan (KPP) Malaysia yang pertama. Tujuan dan objektif KPP ini merupakan lambang aspirasi Kerajaan Malaysia dalam mengukuhkan pertahanan negara serta mewujudkan hala tuju dan keutamaan strategik bagi keselamatan negara.

Dokumen yang bersejarah ini merupakan satu pernyataan niat dan keupayaan yang mengambil kira keberadaan dan kedudukan sektor pertahanan dalam rangka pendekatan keseluruhan kerajaan demi memastikan KPP terus diharmonikan dengan agenda dan aspirasi Kerajaan.

KPP ini merupakan satu manifestasi pentadbiran Kerajaan yang lebih telus, komitmennya kepada prinsip-prinsip demokrasi serta kepentingan pendekatan keseluruhan negara. Proses pembangunan KPP ini telah membuka ruang kerjasama di antara pelbagai pemegang taruh yang meliputi agensi kerajaan, ahli akademik dan pemikir, pemain industri pertahanan, sektor swasta serta organisasi bukan kerajaan yang tidak pernah dibayangkan pada awalnya.

Kerajaan melihat sektor pertahanan sebagai satu sektor yang terangkum. Sektor ini memerlukan kerjasama menyeluruh daripada masyarakat secara keseluruhannya. Selain menggalakkan pentadbiran yang lebih telus, pada masa yang sama mendukung keterbukaan, inklusiviti dan akauntabiliti; KPP ini juga akan mewujudkan satu komitmen berintegrasi agar masyarakat dapat sama-sama menggalas tanggungjawab untuk mempertahankan negara.

Profil Malaysia di peringkat serantau dan global dalam sektor pertahanan dan keselamatan telah mula dilakar melalui penglibatan aktif dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sejak 1960-an selain sebagai salah satu negara pengasas ASEAN pada tahun 1967. KPP akan berfungsi sebagai salah satu elemen yang akan menyemarakkan lagi profil geopolitik Malaysia dalam sektor pertahanan dan keselamatan pada masa kini.

Kertas Putih ini juga mengiktiraf peranan kemampanan ekonomi dalam menyokong sektor industri pertahanan yang bersepadu. Dokumen ini menggariskan satu pendekatan baru terhadap sektor sains, teknologi dan industri pertahanan negara dengan memperkenalkannya sebagai pemangkin kepada ekosistem pertahanan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Saya mengiktiraf kepentingan strategik KPP sebagai satu pelan tindakan bagi merangka dasar berkaitan pertahanan dan keselamatan negara selain peranan Kementerian Pertahanan sebagai sebuah organisasi transformatif. Saya yakin, setiap perkara yang digariskan di dalam KPP ini akan dilaksanakan melalui usaha bersepadu oleh Kerajaan dalam mendokong aspirasi nasional dalam mencapai visi Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur.



YAB TUN MAHATHIR MOHAMED
Perdana Menteri Malaysia

PRAKATA MENTERI PERTAHANAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Kertas Putih Pertahanan (KPP) berjaya dihasilkan.

Malaysia yang terletak di tengah-tengah Asia Tenggara adalah sebuah negara maritim dengan Laut China Selatan dan Lautan Pasifik di satu sisi serta Selat Melaka dan Lautan Hindi di sisi satu lagi. Malaysia juga adalah sebuah negara dengan susur galur kebenuaan yang dihubungkan ke tanah Asia Tenggara dan Eurasia melalui daratan. Kedudukan yang istimewa ini membolehkan Malaysia memainkan peranan sebagai gerbang penjalin yang menghubungkan kedua-dua rantau Asia-Pasifik dan Lautan Hindi bagi kemakmuran bersama.

Memandangkan persekitaran keselamatan yang tidak menentu, seyogianya penting untuk melindungi kepentingan negara serta mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah. Menyedari hakikat ini, Kementerian Pertahanan menghasilkan KPP dengan visi “Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur”.

KPP memperincikan rancangan untuk membangunkan Angkatan Tentera Malaysia sebagai angkatan masa hadapan yang mempunyai lima ciri utama iaitu kebersamaan, kebolehoperasian, berasaskan teknologi, keupayaan untuk beroperasi serentak dalam dua wilayah dan berorientasikan misi. Angkatan masa hadapan yang berpostur defensif ini adalah bersifat bersepadu, tangkas dan berfokus serta mampu bertindak balas terhadap semua ancaman kepada pertahanan negara. Usaha ini seterusnya diperkukuhkan dengan penglibatan keseluruhan kerajaan dan keseluruhan rakyat bagi menjamin keutuhan dalaman negara.

Sebagai sebuah negara berkecuali yang cintakan keamanan dan ingin bersahabat dengan semua, Malaysia bertekad untuk terus mempertingkatkan perkongsian berwibawa menerusi inisiatif diplomasi pertahanan yang bersifat inklusif. Menerusi diplomasi pertahanan, kekuatan dan sumber Malaysia dan negara-negara yang berkongsi aspirasi dapat disatukan untuk mencapai keselamatan negara, kestabilan serantau dan keamanan sejagat.

Kerajaan komited untuk melaksanakan reformasi sektor pertahanan dan memastikan pembiayaan yang stabil dan mampan bagi memastikan perancangan dan perolehan keupayaan pertahanan berjalan dengan baik serta pemacuan industri pertahanan sebagai pemangkin ekonomi negara. Insya-Allah, kesemua perancangan KPP akan berjaya dilaksanakan dengan keesahan, kebolehterimaan dan kebolehpercayaan yang tinggi menerusi tadbir urus terbaik.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terbabit dalam penghasilan KPP ini.



YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU
Menteri Pertahanan Malaysia



RINGKASAN EKSEKUTIF

Kertas Putih Pertahanan (KPP) adalah bukti komitmen kerajaan untuk memperkasakan pertahanan dan daya tahan negara untuk melindungi kepentingan negara dan mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah. Sebagai KPP Malaysia yang pertama, kertas ini menerangkan pendirian kerajaan berkaitan pertahanan negara, membentangkan perspektif strategik dan menggariskan Kerangka Pertahanan Negara bagi memastikan keselamatan negara, kestabilan serantau dan keamanan sejagat.

Terdapat tiga mesej utama yang dibawa oleh KPP ini iaitu (1) tidak mengambil mudah keselamatan dan kestabilan negara; (2) keperluan menggembelng pendekatan keseluruhan kerajaan (*whole-of-government*) dan keseluruhan masyarakat (*whole-of-society*) untuk pertahanan negara; dan (3) perkongsian berwibawa berasaskan prinsip berkecuali dan keselamatan bersama.

Pembangunan KPP adalah diselaras berdasarkan dokumen payung keselamatan negara iaitu Dasar Keselamatan Negara. KPP mengiktiraf peranan penting yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai peneraju pertahanan negara serta peranan pihak-pihak berkepentingan mahupun rakyat dalam ekosistem pertahanan negara.

KPP ini disusun kepada tiga bahagian iaitu (1) Visi, (2) Strategi dan (3) Pelaksanaan yang masing-masingnya mewakili “Matlamat” (Visi), “Cara” (Strategi) dan “Kaedah” (Pelaksanaan) untuk mempertahankan kepentingan Malaysia. Bahagian Pertama yang terdiri daripada Pengenalan (Bab 1) dan Perspektif Strategik (Bab 2) menetapkan hala tuju pertahanan negara. Bahagian Kedua, meliputi Strategi Pertahanan (Bab 3) serta Angkatan Masa Hadapan (Bab 4), Warga Pertahanan (Bab 5) dan Hubungan Pertahanan Antarabangsa (Bab 6) membincangkan bagaimana menggembelng sumber-sumber dalam dan luar negara bagi mendukung tiga tonggak Strategi Pertahanan Negara. Bahagian Ketiga iaitu Sains, Teknologi dan Industri Pertahanan (Bab 7) dan Transformasi, Tadbir Urus dan Pembiayaan (Bab 8), menyatakan pelaksanaan kerajaan bagi menjayakan KPP.

Bab 1 memperkenalkan KPP dengan menjawab soalan Apakah itu Kertas Putih Pertahanan? Mengapakah Kerajaan menerbitkan KPP?, dan Bagaimanakah hala tuju KPP akan memajukan kepentingan dan aspirasi negara?. KPP ini mempunyai tiga tujuan: (1) melibatkan rakyat dan pihak berkepentingan; (2) menilai perspektif strategik negara yang sentiasa berubah; dan (3) meneroka pendekatan bagi meningkatkan keupayaan dan kesiagaan pertahanan negara. Kedudukan geografi Malaysia yang terletak di tengah-tengah Asia Tenggara dengan Lautan Pasifik dan Laut China Selatan di satu sisi, serta Lautan Hindi dan Selat Melaka di satu sisi lagi mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara maritim dengan susur galur kebenuaan yang membolehkan Malaysia menjadi gerbang penjalin antara kedua-dua rantau Asia-Pasifik dan Lautan Hindi.

Bab 2 menganalisa perspektif strategik global dan serantau yang telah berubah dan menjadi semakin kompleks berbanding dekad yang lalu. Persekitaran keselamatan yang tidak menentu memberi cabaran atau peluang kepada negara, rantau serta masyarakat antarabangsa yang perlu perhatian dan diambil tindakan sewajarnya. Walaupun Malaysia tidak berhadapan dengan konflik bersenjata dengan negara lain dalam masa terdekat, Malaysia berdepan dengan pelbagai cabaran keselamatan. Tiga cabaran keselamatan utama yang dikenalpasti ialah (1) ketidaktentuan hubungan kuasa besar; (2) kejiranan Asia Tenggara yang kompleks; dan (3) peningkatan ancaman keselamatan bukan tradisional.

Bab 3 menggariskan Strategi Pertahanan negara menerusi Kerangka Pertahanan Negara yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu (1) Visi Pertahanan Negara; (2) Kepentingan Pertahanan Negara; dan (3) Objektif Pertahanan Negara. Visi Pertahanan Negara ialah “Malaysia sebagai Sebuah Negara yang Selamat, Berdaulat Dan Makmur” yang membentuk tiga Kepentingan Pertahanan Negara iaitu (1) Keselamatan; (2) Kedaulatan; dan (3) Kemakmuran. Kerangka ini menetapkan lima Objektif Pertahanan Negara yang perlu dicapai melalui pelaksanaan KPP. Bab ini memperkenalkan tiga Kawasan Lapisan Berpadu terdiri daripada: (1) Kawasan Teras; (2) Kawasan Lanjutan; dan (3) Kawasan Hadapan yang mengandungi kepentingan negara yang perlu dilindungi pada setiap masa. Seterusnya, tiga Tonggak Strategi Pertahanan dikenalpasti iaitu (1) Cegah Rintang Berpadu; (2) Pertahanan Komprehensif; dan (3) Perkongsian Berwibawa bagi mendukung Kerangka Pertahanan Negara.


Bab 4 menjelaskan perancangan Kerajaan bagi membangunkan Angkatan Masa Hadapan untuk merealisasikan strategi Cegah Rintang Berpadu. Postur angkatan adalah bercirikan postur bertahan (*defensive*) selaras dengan pendirian Malaysia yang menolak penggunaan kekerasan dalam menyelesaikan pertikaian atau konflik. Pembangunan struktur angkatan yang Bersepadu, Tangkas dan Berfokus adalah berlandaskan lima ciri yang dikenalpasti iaitu (1) Kebersamaan; (2) Kebolehooperasian; (3) Berasaskan Teknologi; (4) Keupayaan Operasi Secara Serentak di Dua Wilayah; dan (5) Berorientasikan Misi. Hal ini bagi membolehkan ATM melaksanakan Pengesanan, Pencegahan dan Penafian di Kawasan Lapisan Berpadu. Sejumlah sepuluh keperluan keupayaan dikenalpasti perlu dibangunkan di bawah tempoh KPP ini.

Bab 5 mengutarakan peranan Warga Pertahanan yang terdiri daripada rakyat dan warga kerja pertahanan dalam melaksanakan strategi Pertahanan Komprehensif. Warga kerja pertahanan terdiri daripada Angkatan Tetap, Angkatan Sukarela, veteran ATM dan kakitangan awam dalam sektor pertahanan dan keselamatan. Bab ini menyenaraikan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dan perlu disediakan kepada setiap warga kerja pertahanan agar pertahanan negara diurus dan dilaksanakan dengan cekap dan mampan. Seterusnya, bab ini membincangkan peranan rakyat dalam pertahanan negara selaras dengan konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH). Penerapan semangat patriotisme dan budaya keselamatan di kalangan rakyat ditekankan bagi memastikan penglibatan aktif rakyat dalam ekosistem pertahanan negara.

Bab 6 memfokuskan kepada hubungan pertahanan antarabangsa yang menjadi asas kepada strategi Perkongsian Berwibawa. Kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala dengan negara-negara jiran dan negara-negara berkepentingan diperkukuhkan bagi memenuhi lima matlamat: (1) Membentuk hubungan pertahanan antara Malaysia dengan negara-negara lain; (2) Mengurus cabaran keselamatan yang dikongsi bersama; (3) Memperkukuh kestabilan serantau selari dengan undang-undang antarabangsa, konvensi, peraturan dan norma; (4) Meningkatkan keupayaan ATM dan kesiapsiagaan pertahanan; dan (5) Mengetengahkan pendirian dan kepentingan Malaysia di arena antarabangsa. Bab ini menghuraikan negara-negara yang mempunyai hubungan pertahanan dengan Malaysia secara dua hala serta platform kerjasama pertahanan pelbagai hala yang disertai oleh Malaysia.

Bab 7 membincangkan sains, teknologi dan industri pertahanan sebagai komponen penting bagi mencapai keupayaan berdikari dalam menyokong ekosistem pertahanan negara di samping berpotensi untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan akan melabur melalui tiga pendekatan iaitu (1) merangsang penyelidikan dan pembangunan; (2) mendorong limpahan ekonomi kepada negara; dan (3) memenuhi keperluan pertahanan negara. Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN) akan digubal bagi menetapkan hala tuju berdasarkan lima teras utama iaitu (1) pembangunan modal insan; (2) pembangunan teknologi; (3) pembangunan industri; (4) keupayaan berdikari; dan (5) tembusi pasaran global.

Bab 8 mengenal pasti tiga blok binaan bagi pelaksanaan KPP iaitu: (1) mencapai transformasi pertahanan; (2) menginstitusikan tadbir urus terbaik; dan (3) ketetapan peruntukan kewangan pertahanan yang stabil dan mampan. Transformasi pertahanan memfokuskan kepada tiga perspektif: (1) transformasi keupayaan pertahanan; (2) transformasi kapasiti pertahanan; dan (3) transformasi industri pertahanan. Satu Pelan Pelaburan Pertahanan Negara (3PN) akan disediakan bagi mendaftarkan keperluan dan langkah yang akan diambil bagi melakukan transformasi pertahanan. Bagi memantau pelaksanaan KPP dan memastikan tadbir urus terbaik, Jawatankuasa Pelaburan Pertahanan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Jawatankuasa Dasar yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pertahanan, dan Jawatankuasa Transformasi Pertahanan yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha dan Panglima Angkatan Tentera akan ditubuhkan. Kerajaan beriltizam untuk menyediakan peruntukan yang stabil untuk tempoh jangka panjang merangkumi Rancangan Malaysia Ke-12 dan Ke-13 berdasarkan keupayaan semasa kewangan negara bagi memastikan KPP dapat dilaksanakan. Melalui keberhasilan keesahan, penerimaan dan kebolehpercayaan, KPP memenuhi Visi Pertahanan Negara untuk mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur.





BAHAGIAN 1

VISI

BAB 1



PENGENALAN

Kertas Putih Pertahanan (KPP) ini, yang kali pertama diperkenalkan, mengandungi komitmen Kerajaan dalam memperkukuhkan pertahanan negara. KPP menerangkan perspektif strategik serantau bagi tempoh sedekad akan datang, menentukan hala tuju Kerajaan dalam sektor pertahanan dan membentuk strategi jangka panjang untuk melindungi kepentingan negara terutamanya mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah daripada sebarang bentuk ancaman luar serta pelbagai cabaran keselamatan masa kini dan akan datang.

Sebagai sebuah dokumen Kerajaan, KPP menggariskan satu rangka pertahanan negara bagi memastikan kepentingan negara terpelihara. KPP mengiktiraf kepentingan peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta agensi keselamatan lain bagi memastikan Malaysia yang selamat, berdaulat dan makmur.

ATM dengan Yang di-Pertuan Agong, sebagai Pemerintah Tertinggi angkatan tentera Persekutuan (Perkara 41, Perlembagaan Persekutuan) berperanan sebagai perisai negara. Akta Angkatan Tentera 1972 telah menetapkan peranan dan fungsi tiga cabang Perkhidmatan, iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bersama Angkatan Sukarela.

JADUAL KESEMBILAN [Perkara 74, 77] Perlembagaan Persekutuan Senarai Perundangan

Senarai 1 - Senarai Persekutuan

“ 2. Pertahanan bagi Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, termasuk - ”

(a)	angkatan laut, darat dan udara dan angkatan tentera lain;	(b)	mana-mana angkatan tentera yang bertugas atau menjalankan operasi bersama dengan mana-mana angkatan tentera Persekutuan; angkatan pelawat;
(c)	kerja pertahanan; kawasan tentera dan kawasan larangan; pangkalan bagi angkatan laut, darat dan udara; berek, padang terbang dan kerja lain;	(d)	olah gerak;
(e)	peperangan dan keamanan; musuh orang asing dan orang asing musuh; harta musuh; perdagangan dengan musuh; kerosakan perang; insurans risiko perang;		
(f)	senjata, senjata api, amunisi dan bahan letupan;	(g)	perkhidmatan negara; dan
		(h)	pertahanan awam.

KPP menajjar dasar pertahanan negara dengan dasar keselamatan negara, dasar luar negeri dan dasar lain yang berkaitan, selaras dengan pendekatan keseluruhan kerajaan (*whole-of-government approach*). KPP menyatakan visi pertahanan negara untuk mengimbangi kepentingan negara, keperluan strategik dan pertimbangan fiskal bagi jangka pendek dan jangka panjang. KPP menegaskan komitmen Kerajaan dalam memastikan keupayaan dan ketahanan pertahanan Malaysia supaya sentiasa mencukupi dan mampan.

5. Bab pengenalan ini memberi gambaran keseluruhan mengenai KPP, tujuan Kerajaan menghasilkan dokumen KPP dan hala tuju KPP bagi mengukuhkan tunjang pertahanan dan keselamatan negara. KPP menggariskan visi mengenai kepentingan semasa dan aspirasi masa hadapan sebagai sebuah **negara maritim dengan susur galur kebenuaan** dan meneroka peranan unik negara sebagai **gerbang penjalin** yang menghubungkan kedua-dua rantau Asia-Pasifik dengan Lautan Hindi.

Apakah Itu KPP?

6. KPP merupakan satu dokumen mengenai hala tuju strategik dan perancangan pertahanan negara. Berbeza daripada dokumen Dasar Pertahanan Negara yang terperingkat, KPP ialah dokumen terbuka yang boleh diakses oleh rakyat, tanpa mengandungi sebarang maklumat rahsia. Kedua-dua dokumen menerangkan berkaitan penilaian keselamatan negara, postur pertahanan dan pembangunan keupayaan pertahanan, tetapi dengan tujuan dan penekanan yang berbeza.
7. Sebagai satu dokumen terbuka, KPP menyatakan kepada rakyat bahawa keselamatan merupakan satu perkara yang tidak boleh dipandang ringan. Kerajaan sentiasa komited untuk melindungi kepentingan negara dalam mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah, namun usaha ini tertakluk pada pelbagai risiko, ancaman, dan ketidakpastian berpunca daripada persekitaran keselamatan yang sentiasa berubah. Atas kesedaran ini, MINDEF dan ATM sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dalam negara mahupun luar negara untuk menangani cabaran di pelbagai peringkat. KPP menekankan keselamatan negara adalah tanggungjawab SEMUA agensi kerajaan dan SEMUA lapisan masyarakat, yakni kesedaran dan penglibatan semua pihak menjadi tunjang kepada ketahanan nasional. Kesemua perkara ini penting kerana ketahanan dalaman dan kerjasama luaran adalah asas dan peluasan jangkauan pertahanan untuk keselamatan negara.

Mengapakah KPP Diperlukan?

8. Terdapat tiga tujuan utama KPP iaitu: (1) melibatkan rakyat dan pihak berkepentingan; (2) menilai perspektif strategik negara yang sentiasa berubah; dan (3) meneroka pendekatan bagi meningkatkan keupayaan dan kesiagaan pertahanan negara.
9. **Melibatkan rakyat dan pihak berkepentingan.** Pertahanan negara merupakan satu proses yang memerlukan penglibatan aktif rakyat. Oleh itu, Kerajaan komited untuk melibatkan rakyat dalam hal pertahanan dan perkara lain yang berkaitan. KPP memberi peluang kepada Kerajaan untuk berinteraksi dan menyalurkan maklumat kepada rakyat sama ada individu atau kumpulan, dan semua pihak berkepentingan di sektor awam dan swasta mengenai perancangan semasa dan masa hadapan untuk mengukuhkan pertahanan negara.
10. Bagi tujuan ini, KPP menerangkan sumber risiko keselamatan, rancangan Kerajaan untuk membangunkan angkatan yang lebih bersepadu, tangkas dan berfokus, serta peranan dan tanggungjawab rakyat dalam pertahanan negara. KPP juga menekankan komitmen Kerajaan terhadap usaha mengemas kini dasar pertahanan negara secara berkala.
11. Setiap usaha ini merupakan manifestasi nilai-nilai demokrasi dan amalan tadbir urus yang baik melalui integriti, ketelusan, dan akauntabiliti. KPP dapat membina sokongan rakyat terhadap pertahanan negara melalui peningkatan kefahaman tentang peranan ATM dan seterusnya membantu rakyat memahami keperluan peruntukan pertahanan yang mampan.

12. Perkara ini amat penting sejajar dengan proses-proses demokrasi, juga mampu mengukuhkan aspek sosial dalam keselamatan negara. ATM memerlukan sokongan rakyat untuk memenangi konflik bersenjata di dalam dan di luar negara sebagaimana yang telah terbukti semasa Darurat Pertama dan Kedua (1948-1960 dan 1968-1989) dan Konfrontasi (1963-1966).
13. Libat urus rakyat dan pihak berkepentingan merupakan salah satu komponen yang diterapkan melalui konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH), dengan setiap individu memainkan peranan dalam mempertahankan negara. Konsep yang diperkenalkan pada tahun 1986 ini merupakan satu pendekatan yang menekankan penglibatan setiap lapisan masyarakat sama ada agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, dan rakyat dalam mempertahankan negara. Mendidik rakyat tentang isu-isu keselamatan merupakan satu langkah penting untuk melibatkan mereka dalam pertahanan negara.
14. Penglibatan rakyat dalam isu pertahanan dan keselamatan juga akan memberi lebih kefahaman tentang tanggungjawab yang dijalankan oleh Menteri Pertahanan, Ketua Setiausaha MINDEF (KSU), Panglima Angkatan Tentera (PAT) serta peranan dan sumbangan ATM.
15. Menteri Pertahanan bertanggungjawab kepada Perdana Menteri, Jemaah Menteri dan Parlimen dalam memastikan pelaksanaan serta keberkesanan dasar-dasar Kementerian. KSU pula berperanan sebagai Ketua Eksekutif Kementerian, Pegawai Pengawal dan Ketua Kira-Kira Kementerian di samping menjadi penasihat utama kepada Menteri. KSU juga merupakan pemimpin utama dalam membangunkan dasar-dasar dan pelan pembangunan Kementerian bagi mencapai matlamat dan objektif dasar Kementerian. PAT pula merupakan penasihat terkanan kepada Menteri Pertahanan dari segi ketenteraan dalam semua perkara berkaitan pertahanan. PAT bersama dengan Panglima-Panglima Perkhidmatan berkewajipan menasihatkan Majlis Angkatan Tentera (MAT) yang bertanggungjawab bagi pemerintahan, tatatertib dan pentadbiran ATM serta perkara lain yang berkaitan selain daripada perkara yang berkenaan dengan operasi angkatan tentera. PAT seterusnya bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan perkara-perkara yang telah diputuskan oleh MAT.
16. **Peranan utama ATM** adalah untuk mengekalkan keamanan dan sentiasa bersiap sedia menghadapi sebarang konflik bersenjata demi mempertahankan kepentingan negara daripada ancaman luar. Peribahasa Latin ada menyebut, "*Si vis pacem, para bellum*" yang bermaksud "Jika mahukan keamanan, bersedia untuk berperang". Kesiapsiagaan pertahanan adalah jaminan terbaik untuk keamanan sesebuah negara. Sebagai sebuah negara yang cintakan keamanan dan rahmah, Malaysia menekankan pendekatan diplomasi dalam urusan dengan negara luar. MINDEF dan ATM giat menjalankan aktiviti diplomasi pertahanan yang melibatkan rakan strategik serantau dan global. ATM juga mengambil bahagian dalam beberapa operasi pengaman di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di seluruh dunia. ATM turut membantu pihak berkuasa awam dalam menangani isu-isu keselamatan negara selain menyokong usaha pembangunan negara.
17. Dasar Pertahanan Negara (DPN) merupakan dokumen terperingkat yang dibangunkan oleh Kerajaan sebelum KPP. Dasar berkaitan pertahanan telah dibangunkan pada tahun 1971, 1979 dan 1981. Pada tahun 1986, DPN yang komprehensif telah disediakan dan melalui proses kajian semula pada tahun 1993 dan 2006. Pada tahun 2010, DPN versi terbuka telah diterbitkan untuk edaran umum selari dengan semangat HANRUH.
18. KPP digubal berdasarkan proses libat urus dengan pihak berkepentingan. Dokumen utama yang menjadi rujukan ialah Dasar Keselamatan Negara (DKN) yang diterbitkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada tahun 2017. DKN berfungsi sebagai dokumen utama yang memayungi semua polisi berkaitan keselamatan. Sejajar dengan KPP terdapat dua dokumen lain, iaitu Kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu yang diterbitkan oleh Kementerian Luar Negeri (KLN), dan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) yang diterbitkan oleh

Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada tahun 2019. Kesemua dokumen utama ini menzahirkan penekanan Kerajaan terhadap penyelarasan antara agensi di bawah sektor keselamatan.

19. **Menilai perspektif strategik negara yang sentiasa berubah.** Persekitaran keselamatan yang tidak menentu di peringkat global dan serantau memerlukan penilaian semula persekitaran keselamatan. Perkara ini diterangkan di dalam Bab 2: Perspektif Strategik.
20. Penilaian berterusan terhadap persekitaran keselamatan yang tidak menentu adalah sangat penting memandangkan perubahan merupakan satu realiti yang tidak dapat dielakkan dalam ekosistem keselamatan antarabangsa. Keadaan geografi, kejuruan yang kompleks dan keupayaan ketenteraan yang relatif mempengaruhi kepentingan negara secara langsung dan tidak langsung.
21. **Geografi ialah satu ketentuan.** Malaysia merupakan sebuah negara yang secara relatifnya kecil, dengan dua wilayah daratan: Semenanjung Malaysia, dan Sabah dan Sarawak, terletak di lokasi strategik di antara kedua-dua rantau Asia-Pasifik dengan Lautan Hindi. Malaysia kaya dengan sumber asli menjadikannya sebuah negara yang mempunyai kelebihan dengan cabarannya tersendiri.
22. Sejarah Malaysia sememangnya dikaitkan dengan sejarah kuasa-kuasa besar politik dunia yang telah memberi kesan terhadap keselamatan dan kemakmuran negara. Di samping membuka peluang perdagangan dan perkembangan tamadun, faktor geografi juga menarik perhatian dan minat kuasa-kuasa besar untuk mengeksploitasi dan mendominasi Kepulauan Melayu.
23. Situasi ini digambarkan dalam runut sejarah negara, bermula dengan jatuh bangun Kesultanan Melayu Melaka, penjajahan oleh Portugis (1511-1641), Belanda (1641-1795, 1818-1825), Inggeris (1795-1818, 1826-1957), perubahan Tanah Melayu sebagai sebuah koloni selepas Perjanjian Inggeris-Belanda (1824) dan pendudukan Jepun (Disember 1941-Ogos 1945). Seterusnya penubuhan Persekutuan Tanah Melayu (31 Ogos 1957) diikuti dengan pembentukan persekutuan yang lebih besar (16 September 1963) melalui gabungan Malaya dengan bekas jajahan Inggeris di Singapura, Sabah dan Sarawak menjadi sebuah negara Malaysia yang merdeka semasa kemuncak Perang Dingin.
24. Cabaran geopolitik terhadap negara tetap wujud walaupun berlaku peralihan kuasa-kuasa besar. Sungguhpun Malaysia tidak lagi diancam dengan kuasa ketenteraan yang lebih kuat seperti pada zaman penjajahan Eropah dan Perang Dunia Kedua, kepentingan negara terus terkesan akibat tindakan dan interaksi oleh kuasa-kuasa besar pada masa kini.
25. Sebagai sebuah negara dengan dua wilayah daratan yang terpisah, Malaysia bukan sahaja berhadapan dengan cabaran politik kuasa besar malah berhadapan ancaman keselamatan bukan tradisional seperti yang akan dijelaskan dalam Bab 2: Perspektif Strategik.
26. Disebabkan oleh saiz dan kapasiti negara yang terhad, Kerajaan akur akan keperluan untuk menjadi lebih proaktif dan pragmatik dalam menangani risiko strategik. Bagi tujuan ini, penilaian terhadap persekitaran keselamatan perlu dilaksanakan secara berterusan.
27. Penilaian terhadap persekitaran keselamatan membolehkan Kerajaan melaksanakan penyesuaian atau perubahan kepada perancangan strategik. Penilaian semula pada 1980-an telah membawa kepada transformasi ATM daripada angkatan melawan insurgensi kepada angkatan yang lebih konvensional. Situasi ini mengubah dasar pertahanan daripada yang berasaskan ancaman kepada yang berasaskan keupayaan. Penilaian terkini telah menyelaraskan dasar pertahanan kepada pendekatan **berasaskan kepentingan**. Hal ini akan dijelaskan dalam Bab 3: Strategi Pertahanan dan Bab 4: Angkatan Masa Hadapan.

28. Penilaian semula terhadap perubahan realiti di peringkat antarabangsa telah menyebabkan Malaysia mengubah bentuk **kerjasama pertahanan**. Sebelum ini, Malaysia mengamalkan konsep pakatan ketenteraan yang dapat dilihat melalui Perjanjian Pertahanan Tanah Melayu/ Malaysia-British (*Anglo-Malayan/Malaysian Defence Agreement*, AMDA) dengan United Kingdom (UK). Pendekatan pakatan ketenteraan kemudiannya digantikan dengan kerjasama luar yang lebih seimbang, apabila AMDA digantikan dengan Peraturan Pertahanan Lima Negara (*Five Power Defence Arrangements*, FPDA) pada tahun 1971. Pada masa yang sama, Malaysia mula mendukung dasar berkecuali dan kerjasama serantau Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (*Association of Southeast Asian Nations*, ASEAN) dalam perspektif strategik serantau. Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (*Zone of Peace, Freedom and Neutrality*, ZOPFAN) telah ditandatangani oleh Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN pada tahun 1971 di Kuala Lumpur. Penubuhan pelbagai mekanisme yang diketuai oleh ASEAN sejak tahun 1990-an telah memperkukuh peranan ASEAN sebagai batu asas dasar luar negeri Malaysia.
29. Perubahan dasar luar turut mengubah **ketahanan dalaman** negara. 'Ketahanan' bermaksud keupayaan negara untuk bertahan dalam menempuh cabaran melalui penyelarasan antara agensi, serta keupayaan dan kesepakatan daripada segenap lapisan masyarakat dalam menangani masalah negara. Hal ini merangkumi perpaduan nasional, koherensi kerajaan, pembangunan dan penglibatan masyarakat dalam kesiapsiagaan keselamatan. Dari perspektif negara, pertahanan dan pembangunan sentiasa bergerak seiring, seperti yang ditekankan dalam KESBAN (Keselamatan dan Pembangunan), iaitu konsep yang diguna pakai ketika Darurat Kedua.
30. Pendekatan keseluruhan kerajaan dan pendekatan keseluruhan masyarakat merupakan kaedah utama untuk meningkatkan ketahanan negara. Pendekatan yang diambil Kerajaan berkaitan ketahanan diperincikan dalam Bab 5: Warga Pertahanan. Usaha untuk membina ketahanan dalaman adalah seiring dengan usaha untuk menjalin perkongsian luar merupakan fokus dalam Bab 6: Hubungan Pertahanan Antarabangsa. Kedua-dua usaha ini menjadi asas kepada keselamatan negara yang dihasratkan.
31. **Mempertingkatkan keupayaan dan kesiagaan pertahanan negara.** Tujuan ketiga dan terpenting dalam KPP adalah untuk mengenal pasti kaedah dan pendekatan untuk mempertingkatkan keupayaan pertahanan negara dan kesiapsiagaan ketenteraan. Perkara ini digariskan dalam Bab 3 hingga Bab 8, berasaskan visi dan analisis perspektif strategik yang dibentangkan dalam Bab 1 dan Bab 2.
32. Bab 3: Strategi Pertahanan, menterjemah visi kepada hala tuju dengan menjelaskan tiga tonggak strategi pertahanan sebagai perancangan untuk mempertingkatkan kesiagaan pertahanan negara. Tonggak tersebut ialah Cegah Rintang Berpadu, Pertahanan Komprehensif, dan Perkongsian Berwibawa. Setiap tonggak ini akan dijelaskan dalam Bab 4 hingga Bab 6.
33. Bab 7: Sains, Teknologi dan Industri Pertahanan serta Bab 8: Transformasi, Tadbir Urus dan Pembiayaan menumpukan kepada pelaksanaan KPP. Kedua-dua bab ini menerangkan pelan Kerajaan dalam melaksanakan tiga tonggak dengan mengukuhkan pelan pembangunan pertahanan, melaksanakan pembaharuan pertahanan, memperkasakan industri pertahanan negara sebagai pemangkin ekonomi dan memastikan pembiayaan pertahanan yang stabil. Kesemua ini bertujuan untuk mentransformasikan ATM menjadi sebuah angkatan yang bersepadu, tangkas dan berfokus.
34. Sangat penting untuk memahami perkembangan ATM dan agensi-agensi yang berkaitan dalam menjaga keselamatan negara. Semasa Tanah Melayu mencapai kemerdekaan daripada Inggeris pada 31 Ogos 1957, *Malayan Armed Forces* terdiri daripada Tentera Darat yang berusia 24 tahun

dan Tentera Laut yang berusia 23 tahun. Pasukan Tentera Tanah Melayu (*Malayan Army*) merangkumi Rejimen Askar Melayu, Rejimen Persekutuan dan Skuadron Kereta Perisai Persekutuan telah ditubuhkan bagi melaksanakan operasi melawan insurgency Parti Komunis Malaya (PKM). Tentera Laut Diraja Malaya ketika itu hanyalah angkatan laut yang kecil. Tentera Udara Diraja Persekutuan pula ditubuhkan selepas kemerdekaan iaitu pada 2 Jun 1958.

35. Rentetan penubuhan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 apabila Tanah Melayu bergabung dengan Sabah, Sarawak dan Singapura (Singapura berpisah daripada Persekutuan Malaysia pada bulan Ogos 1965), *Malayan Armed Forces* diubah menjadi Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Memandangkan ancaman yang diterima ketika itu datang daripada insurgency dan Konfrontasi, pembangunan ATM pada dekad awalnya tertumpu kepada keperluan operasi daratan.
36. Usaha-usaha pembangunan keupayaan pertahanan dinyatakan di dalam beberapa dokumen, terutamanya Pelan Pembangunan Strategik Angkatan Tentera Malaysia yang dikenali sebagai Dimensi Keempat Angkatan Tentera Malaysia (*Fourth Dimension Malaysian Armed Forces*, 4D MAF).
37. Pada dekad yang berikutnya, ketiga-tiga cabang perkhidmatan di bawah ATM telah berkembang dari segi saiz dan fungsi. Setiap perkhidmatan sentiasa berusaha dalam mempertingkatkan keupayaan pertahanan darat, laut dan udara secara efektif. Usaha pembangunan Pemerintahan Angkatan Bersama bermula apabila Markas Angkatan Tentera Malaysia (MK ATM) ditubuhkan pada tahun 1992. Setelah itu, Markas Angkatan Bersama (MK AB) yang ditubuhkan pada tahun 2004 menerapkan konsep kebersamaan ketiga-tiga perkhidmatan dalam tadbir urus dan kawalan operasi. MK AB diamanahkan untuk melaksanakan eksekusi bersama, operasi bersama dan gabungan serta operasi melibatkan berbilang negara.



38. Di peringkat Perkhidmatan, terdapat beberapa siri dokumen dihasilkan untuk mentransformasikan Perkhidmatan dan memperkasakan keupayaan pertahanan. Dokumen ini dibangunkan dengan mengimbangi sumber sedia ada dengan kepentingan strategik negara. Dokumen tersebut ialah: (1) Pelan Pembangunan Strategik Tentera Darat (*Army 4nextG*) untuk mempertingkatkan keupayaan TDM sehingga tahun 2050; (2) RMN #15to5 *Transformation Programme* (#15to5), untuk memacu TLDM ke arah menjadi “angkatan laut yang seimbang, kredibel dan versatil” menjelang tahun 2050; dan (3) RMAF *Capability Development Plan 2055*, (CAP55), yang memperincikan pelan modenisasi TUDM sehingga tahun 2055.
39. KPP yang dibangunkan berdasarkan dokumen Kerajaan yang sedia ada, membentangkan strategi transformasi yang menyasarkan peningkatan keupayaan pertahanan secara koheren. Rangka tindakan jangka panjang ini berhasrat untuk menterjemahkan elemen kuasa nasional kepada kekuatan nasional, yang cukup teguh untuk mencegah ancaman yang berpotensi menjejaskan kedaulatan negara dan keutuhan wilayah sepanjang kawasan lapisan berpadu, untuk memastikan kesinambungan dalam membina ketahanan keselamatan tanah air secara menyeluruh, serta berwibawa untuk menarik dan meluaskan rangkaian perkongsian luar.

Bagaimanakah KPP Memenuhi Visi Negara?

40. KPP memenuhi visi negara melalui pelbagai cara. Bagi jangka pendek dan jangka sederhana, KPP membolehkan Kerajaan untuk mencapai tiga keberhasilan yang dihasratkan iaitu **keesahan**, **penerimaan** dan **kebolehpercayaan**. Bagi jangka panjang, KPP mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara maritim dengan susur galur kebenuaan dengan meletakkan dan memaksimumkan potensi sebagai gerbang penjalin di antara kedua-dua rantau Asia-Pasifik dengan Lautan Hindi.



41. **Keesahan** adalah berkaitan punca kuasa Kerajaan, satu elemen utama dalam ketahanan dalaman. KPP telah dibahas dan disediakan selepas rundingan secara meluas antara pihak awam dan tentera dengan ahli akademik, pemikir, wakil industri, organisasi masyarakat sivil, agensi kerajaan dan sektor swasta. KPP mencerminkan sudut pandangan yang luas berkaitan pertahanan negara, termasuk fungsi-fungsi yang diperlukan daripada angkatan tentera. Penglibatan inklusif pelbagai lapisan masyarakat dan pihak berkepentingan merupakan amalan demokrasi dalam proses penggubalan dasar. Perkara ini menunjukkan keesahan tatacara penyediaan KPP dan dasar-dasar berkaitan.
42. **Penerimaan** merupakan hasrat keberhasilan kedua, adalah berkaitan dasar yang dipersetujui dalam kalangan agensi kerajaan bersesuaian dengan pendekatan keseluruhan kerajaan. KPP bertujuan meningkatkan penerimaan visinya oleh semua agensi kerajaan, terutamanya dalam membentuk perkongsian perspektif berkaitan ancaman dan peluang yang ada, serta memenuhi keperluan sebagai rakan kongsi yang saling memerlukan. Semakin tinggi penerimaan, semakin meningkat kesepakatan tadbir urus dan semakin kuat ketahanan dalaman. Mencapai persetujuan bersama dan pemaksimuman penyelarasan antara agensi secara berterusan merupakan keberhasilan yang dihasratkan oleh KPP ini.
43. **Kebolehpercayaan** merupakan salah satu keberhasilan yang dihasratkan oleh KPP dalam meningkatkan kesiagaan ketenteraan dan keupayaan operasi ATM yang optimum untuk menangani cabaran keselamatan secara berkesan. KPP menyediakan hala tuju bagi mentransformasikan ATM kepada sebuah angkatan bersepadu, tangkas dan berfokus. Sehubungan dengan itu, sebuah angkatan tentera yang dipercayai seharusnya berupaya melindungi kepentingan negara dengan efektif, “hindari konflik mendatang, andai berperang mesti menang”.
44. Keberhasilan ini mencerminkan sasaran utama KPP. Keesahan terpahat dalam hati rakyat, penerimaan termaktub dalam pemikiran agensi berkaitan, manakala kebolehpercayaan merujuk kepada keupayaan ATM dalam mempertahankan kedaulatan negara daripada kaca mata rakan kongsi luaran.
45. Ketiga-tiga keberhasilan ini adalah penting untuk dijadikan asas kepada negara bagi meraih manfaat hasil amalan demokrasi dalam membentuk satu visi terangkum sebagai gerbang penjalin di antara kedua-dua rantau Asia-Pasifik dengan Lautan Hindi. Visi ini memanfaatkan kedudukan geografi, kepelbagaian masyarakat dan demokrasi dalam menonjolkan Malaysia di peringkat antarabangsa.
46. Visi ini disokong dengan aktiviti diplomasi yang diamalkan sekian lama dalam pendekatan pertahanan dan aspirasi pembangunan. Hal ini dipacu dengan keazaman Kerajaan dalam menyumbang kepada kesatuan ASEAN, kestabilan serantau, dan pembangunan global, termasuk merealisasikan Matlamat Pembangunan Lestari PBB dan diijarkan bersama dengan agenda serantau seperti Visi Komuniti ASEAN 2025 dan *ASEAN Outlook on the Indo-Pacific*.
47. Visi Malaysia sebagai gerbang penjalin di antara kedua-dua rantau Asia-Pasifik dengan Lautan Hindi menghubungkan masa lampau, masa kini dan masa hadapan negara seperti yang berikut:
 - i. **Masa lampau.** Kesultanan Melayu Melaka, yang merupakan dinasti kerajaan Melayu yang memerintah Melaka dan mengawal pelabuhan serta laluan laut utama yang menghubungkan negara India dan China, merupakan pusat perdagangan terulung di Asia Tenggara pada abad ke-15. Melaka memanfaatkan kedudukannya di tengah laluan utama kapal-kapal perdagangan dan dikenali sebagai Pusat Dagangan Timur. Sebagai sebuah pelabuhan perdagangan yang makmur, Melaka mampu menarik pedagang-

pedagang dari negara Arab, Afrika, Parsi, Eropah, India dan China. Melaka menjadi pusat pertembungan kebudayaan dan pembelajaran agama, yang berkembang menjadi pusat penyebaran Islam di gugusan kepulauan Melayu. Walau bagaimanapun, kedudukan geografi ini juga telah mengundang kuasa-kuasa besar ke Melaka, menjadikannya destinasi pertama penjajahan oleh kuasa barat di Asia Tenggara apabila Portugis menakluk Melaka pada tahun 1511.

- ii. **Masa kini.** Sejak kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Malaysia telah membentuk pelbagai kerjasama dengan negara-negara di kedua-dua rantau Asia-Pasifik dan Lautan Hindi. Inisiatif Malaysia bermula dengan kerjasama serantau Asia Tenggara dan terus berkembang merentasi rantau kejiranan sejak 1990-an. Untuk beberapa dekad, inisiatif yang dilaksanakan Malaysia telah membentuk pelbagai kerjasama diplomatik, platform kerjasama dan pembangunan antara kedua-dua rantau. Inisiatif ini termasuklah kerjasama yang diterajui oleh ASEAN seperti *East Asian Integration*, *ASEAN-Plus Three* dan pelbagai wacana yang diterajui ASEAN, Kerjasama Selatan-Selatan, idea berkaitan pembinaan projek *Singapore-Kunming Rail Link* (SKRL), *ASEAN-Mekong Basin Development Cooperation* (AMBDC), *Malacca Straits Patrol* (MSP), *Trilateral Cooperative Arrangement* (TCA) di Laut Sulu dan Laut Sulawesi, Hospital Medan Malaysia di Cox's Bazar, Bangladesh, kerjasama pertahanan pelbagai peringkat dengan negara-negara di rantau Asia-Pasifik dan Lautan Hindi, serta sumbangan berpanjangan dalam operasi pengaman PBB di seluruh dunia. Platform ini merupakan instrumen paling penting dalam mencapai agenda nasional dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa.
 - iii. **Masa hadapan.** Seiring dengan perkembangan antarabangsa yang pantas, tiba masanya untuk Malaysia membentuk hala tuju baharu bagi memastikan kesinambungan kuasa pertengahan dengan membuka peluang-peluang baharu. Visi gerbang penjalin ini adalah langkah penting untuk melonjakkan Malaysia ke kedudukan yang lebih ampuh dalam ketidaktentuan persekitaran keselamatan merentasi dua rantau akibat dinamik kuasa-kuasa besar.
48. Visi ini diharap dapat meningkatkan keutuhan pertahanan dalam negara dan kerjasama luar. Sebagai sebuah negara sedang membangun yang terdiri daripada pelbagai kaum dengan majoritinya beragama Islam, Malaysia mengamalkan nilai-nilai inklusif, dialog dan progresif selari dengan konsep 'Rahmatan lil 'alamin' (rahmat untuk seluruh alam) dan 'Maqasid syariah' (objektif syariah). Kepelbagaian budaya boleh menjadi aset dan kekuatan negara sebagai gerbang penjalin kedua-dua rantau Asia-Pasifik dan Lautan Hindi. Malaysia terkenal sebagai sebuah negara yang pintar dan berani, seperti Sang Kancil yang diceritakan dalam Sejarah Melayu. Semangat Sang Kancil boleh dijadikan teladan kerana tindakannya yang pantas dan bijak demi kelangsungan hidup. Ketetapan visi ini mentakrifkan Malaysia sebagai sebuah negara berkecuali yang berpotensi tinggi antara rantau, seterusnya menjulang Malaysia sebagai rakan kongsi yang berwibawa di mata dunia.

BAB 2



PERSPEKTIF STRATEGIK

1. Kepentingan negara pada masa kini dan masa hadapan terikat kepada persekitaran keselamatan yang tidak menentu. Permulaan bab ini menerangkan perspektif strategik negara bagi tempoh sepuluh tahun yang akan datang. Seterusnya, bab ini menggariskan strategi jangka panjang Kerajaan bagi melakar hala tuju untuk melindungi kepentingan negara, terutamanya mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah seiring dengan perubahan persekitaran keselamatan serantau dan global.
2. Kesan daripada persekitaran keselamatan serantau dan global yang tidak menentu, perspektif strategik antarabangsa adalah lebih kompleks dan sukar diramal pada tahun mendatang. Meskipun Malaysia tidak berhadapan dengan ancaman ketenteraan mahupun konflik buat masa sekarang, negara berdepan dengan tiga bentuk cabaran keselamatan. Cabaran tersebut adalah: (1) ketidaktentuan hubungan kuasa besar; (2) kejiranan Asia Tenggara yang kompleks; dan (3) peningkatan ancaman keselamatan bukan tradisional.

Persekitaran Keselamatan yang Tidak Menentu

3. Persekitaran luaran yang tidak stabil mewujudkan pelbagai ketidaktentuan yang mampu menggugat kepentingan negara. Perkembangan ini mampu menjejaskan kestabilan serantau dan keamanan global dalam jangka panjang.
4. Di peringkat global, berlaku peralihan imbalan kuasa ekonomi dan ketenteraan. Peralihan ini diperlihatkan oleh persaingan kuasa semakin tegang dan potensi polarisasi, kebangkitan xenofobia, peranan pelaku bukan negara yang makin ketara, ancaman rentas sempadan yang lebih berbahaya, proses globalisasi yang tidak dapat dielakkan, capaian teknologi yang tidak setara dan sistem ekologi yang rapuh.
5. Di peringkat serantau, persaingan kuasa besar kini semakin tertumpu di Asia Tenggara. Pergeseran ini telah meningkatkan ketegangan yang kian berlarutan, bahkan telah merebak kepada sektor perdagangan dan teknologi, pengurusan sumber dan pertukaran fungsian, hinggalah kepada infrastruktur dan pembangunan kesalinghubungan.
6. Persaingan tersebut dan usaha pelebaran pengaruh oleh kuasa-kuasa besar mungkin mewujudkan peluang baharu untuk Malaysia dan negara serantau, namun pada masa yang sama boleh merumitkan kerjasama serantau. Kuasa-kuasa besar ini berkemungkinan menjejaskan kestabilan dan kemakmuran Asia Tenggara, dan berpotensi mencabar *centrality* ASEAN. Perkembangan ini menjurus kepada perspektif yang lebih rumit, sukar dijangka dan berpotensi menggugat persekitaran keselamatan serantau. Negara berkemungkinan berdepan dengan cabaran-cabaran pada skala dan skop yang lebih serius dan tidak pernah dialami sebelum ini.
7. Tiga cabaran yang dikenal pasti membentuk perspektif strategik Malaysia untuk tempoh sepuluh tahun yang akan datang adalah seperti berikut:
 - i. **Ketidaktentuan hubungan kuasa besar.** Faktor ini merujuk kepada interaksi antara Amerika Syarikat dengan China serta hubungan mereka dengan kuasa-kuasa lain. Hubungan dua kuasa besar ini merupakan hubungan dua hala terpenting di dunia pada masa kini dan merupakan faktor luaran paling penting bagi Malaysia. Hubungan dua hala ini yang diselangi dengan kerjasama dan persaingan memberi implikasi terhadap kestabilan, keselamatan dan kemakmuran serantau. Interaksi kuasa besar ini seterusnya mempengaruhi dasar dan tindakan negara-negara lain.

- ii. **Kejiranan Asia Tenggara.** Sementara kuasa besar mempengaruhi Malaysia dengan kuasanya, kejiranan Asia Tenggara pula mempengaruhi Malaysia kerana **jaraknya**. Disebabkan kedudukan geografi yang berhampiran, keselamatan dan kepentingan negara terkesan dengan tindakan, dasar dan limpahan pembangunan negara jiran selain hubungan dua hala dalam kalangan negara anggota ASEAN. Kedudukan geografi yang berhampiran jugalah yang meningkatkan saling kebergantungan negara serantau. Oleh yang demikian, Kerajaan memberi penekanan terhadap perkongsian kemakmuran, perkongsian keselamatan dan perkongsian identiti serantau.
 - iii. **Ancaman keselamatan bukan tradisional.** Ancaman ini terutamanya yang menjejaskan keselamatan manusia dan alam sekitar semakin meruncing. Ancaman ini datang dalam pelbagai bentuk seperti ekstremisme dan keganasan, penculikan untuk tebusan, rompakan di laut dan pelanunan serta serangan siber. Ancaman tersebut termasuklah pencerobohan Lahad Datu pada tahun 2013, kes-kes penculikan yang didalangi oleh kumpulan Abu Sayyaf di perairan timur Sabah, rampasan kapal MT Orkim Harmony di timur Tanjung Sedili, Kota Tinggi pada tahun 2015 dan serangan siber di Singapura pada tahun 2018. Bencana alam juga adalah satu bentuk ancaman keselamatan bukan tradisional yang selalu berlaku di rantau Asia Tenggara. Ancaman keselamatan bukan tradisional ini adalah **tidak dijangka**, boleh berlaku **di mana-mana**, pada **bila-bila masa** dan **kepada sesiapa** sahaja. Ancaman ini bersifat rentas sempadan dan tidak boleh ditangani secara bersendirian oleh sesebuah negara tanpa kerjasama negara-negara lain.
8. Perkembangan semasa menunjukkan bahawa ketiga-tiga cabaran ini mampu menjadi lebih rumit dan mendatangkan kerugian yang besar sekiranya tidak ditangani dengan baik.

Ketidaktentuan Hubungan Kuasa Besar

9. Hubungan kuasa-kuasa besar menjadi semakin sukar diramal. Di sebalik rundingan dan kerjasama antara Amerika Syarikat dengan China yang masih berterusan, hubungan kedua-dua negara telah memasuki fasa baharu yang lebih cenderung kepada saing-menyaing berbanding dengan saling toleransi. Dokumen *National Security Strategy* dan *National Defense Strategy* yang diterbitkan pada bulan Disember 2017 dan bulan Januari 2018 oleh Amerika Syarikat menyifatkan China sebagai “pesaing strategik” dan “kuasa pengubah”. Kedua-dua negara terbabit di dalam perang perdagangan yang semakin sengit, diikuti oleh penyahgandingan teknologi, ketegangan maritim dan pergeseran lain. Pendudukan dan pententeraan serta aktiviti lain oleh China di Laut China Selatan dan *Freedom of Navigation Operations* (FONOPs) yang dijalankan oleh Amerika Syarikat serta kuasa-kuasa lain, telah mengubah isu perebutan wilayah kepada persaingan kuasa-kuasa besar dunia. Ketegangan di Laut China Selatan bertambah semarak dengan kehadiran kapal perang dari pelbagai negara luar rantau. Pencerobohan kapal kerajaan asing di luar pesisir Sabah dan Sarawak jelas bertentangan dengan hak kedaulatan negara di Zon Ekonomi Eksklusif di Laut China Selatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang antarabangsa. Persaingan yang sengit dan saling tindak balas antara kuasa-kuasa besar telah meningkatkan risiko polarisasi serantau.
10. Pada masa kini, apabila keyakinan terhadap multilateralisme dan pakatan tradisi semakin merosot, politik proteksionisme dan transaksional semakin rancak. Seiring dengan kemerosotan uni polar dan kemelut *Brexit*, pengaruh kuasa Barat akan terus berkurangan. Perkembangan ini menimbulkan persoalan mengenai kepimpinan global, mewujudkan keraguan mengenai keupayaan komuniti antarabangsa dalam mencapai kesepakatan dan bertindak secara kolektif dalam pelbagai isu rentas sempadan dan rantau. Sementara itu, perselisihan Rusia-Barat dan konflik Afghanistan, Syria, Yaman dan beberapa negara lain di rantau Asia Barat dan Afrika menjadi bertambah tegang.

Ketegangan hubungan Amerika Syarikat dengan Iran juga semakin memuncak. Peningkatan penajajaran kepentingan-kepentingan Rusia, Iran dan Turki telah mengubah landskap geopolitik Eurasia. Peristiwa-peristiwa geopolitik lain termasuk peluasan *Shanghai Cooperation Organisation* (SCO) pada tahun 2018 (India dan Pakistan menyertai kumpulan serantau yang dianggotai Rusia, China, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Tajikistan dan Uzbekistan) telah membentuk semula jalinan keselamatan dan kesalinghubungan ekonomi yang merentasi rantau Asia Tengah dan Asia Selatan. Di sebalik pembentukan semula geopolitik pasca-Perang Dingin di Eurasia dan Timur Tengah, Asia Selatan masih terus dibelenggu konflik. Ketegangan antara India dengan Pakistan semakin memuncak selepas peristiwa berbalas-balas tembakan di sempadan Kashmir yang menjadi pertikaian kedua-dua buah negara kuasa nuklear tersebut pada akhir tahun 2019.

11. China giat melaksanakan Inisiatif Jalur dan Jalan (*Belt and Road Initiative*, BRI) yang bertujuan untuk menghidupkan semula Laluan Sutera dengan membina rangkaian prasarana yang luas, pengangkutan dan hubungan perdagangan melalui Asia, Eropah dan Afrika. Pendekatan ekonomi dan diplomasi oleh negara ini selari dengan langkah pemodenan ketenteraannya, inisiatif-inisiatif institusi (*the Asian Infrastructure Investment Bank* [AIIB], *the Mekong-Lancang Cooperation* [MLC], *Xiangshan Forum*) dan tindakan yang dilihat agresif di sekitar Laut China Selatan. Negara-negara serantau telah memberikan reaksi yang berbeza terhadap perkembangan ini. Sesetengah negara melihat BRI sebagai peluang untuk meningkatkan pembangunan negara manakala ada yang khuatir terhadap pelaksanaannya. Sesetengah negara boleh menerima peranan China yang semakin meluas dalam membentuk rantau ini dan aturan global, namun terdapat sebahagian yang kurang selesa dengan perkara tersebut.
12. Selari dengan perkembangan BRI, Dialog Keselamatan *Quadrilateral* (*The Quad*) telah diaktifkan semula melibatkan Australia, India, Jepun, dan Amerika Syarikat pada tahun 2017. Pada tahun 2018, negara-negara *The Quad* telah mengumumkan strategi “Indo-Pasifik” versi masing-masing yang menerangkan peranan keselamatan negara dan rangka kerjasama perhubungan. Negara-negara *The Quad* mementingkan *rules-based order*, mengetengahkan kebebasan navigasi dan keterbukaan laluan maritim di samping menggalakkan amalan pembangunan prasarana yang mampan.
13. Di sebalik persaingan kuasa antara pihak-pihak berkepentingan, keselamatan maritim dan kerjasama kesalinghubungan prasarana telah menjadi percaturan geopolitik Asia.
14. Dalam aspek maritim, Amerika Syarikat telah menjalankan FONOPs di kawasan pertikaian sekitar Laut China Selatan. Australia, Jepun, Jerman, Perancis dan United Kingdom telah menyatakan pendirian terhadap isu ini menerusi pendekatan masing-masing atau melalui pernyataan bersama. India dan beberapa negara lain turut sama menyeru jaminan kebebasan pelayaran di perairan tersebut.
15. Dalam aspek kesalinghubungan, Jepun rancak melaksanakan *The Partnership for Quality Infrastructure* sejak tahun 2015. Inisiatif ini dimulakan serentak dengan penubuhan AIIB yang disokong oleh China. Seterusnya inisiatif ini diikuti oleh pengumuman kerjasama dua hala, tiga hala dan kerjasama antara negara pakatan *The Quad* dari segi kesalinghubungan. Amerika Syarikat telah melancarkan *Indo-Pacific Economic Vision* pada bulan Julai 2018 manakala Suruhanjaya Eropah telah menerbitkan *the EU-Asia Connectivity Strategy* pada bulan September 2018.
16. Semua perkembangan ini mempunyai kesan langsung dan tidak langsung kepada Asia Timur, termasuk Asia Tenggara, sekali gus mewujudkan peluang dan cabaran. Kepentingan Malaysia paling banyak tertumpu di rantau Asia Timur. Perspektif strategik serantau adalah bercampur baur. Dari sudut ekonomi, Asia Timur kekal sebagai rantau yang paling rancak dan terintegrasi. Namun demikian, dari sudut keselamatan, rantau ini mempunyai pelbagai titik nyala (*flashpoint*). Walaupun terdapat usaha-usaha pemulihan hubungan

diplomasi di Asia Timur melibatkan antara Korea Selatan dengan Korea Utara, antara Amerika Syarikat dengan Korea Utara, antara China dengan Jepun, keselamatan di rantau ini masih tidak menentu. Keadaan di Semenanjung Korea masih lagi tegang. Selat Taiwan dianggap zon berisiko konflik. Di Asia Tenggara dan sekitar rantau Asia Timur, pertikaian wilayah dan tuntutan bertindih sesama negara kekal tanpa sebarang penyelesaian.

17. Malaysia mengekalkan hubungan baik dengan semua negara dan mencari jalan penyelesaian secara damai bersandarkan undang-undang antarabangsa. Laut China Selatan seharusnya menjadi platform menjalin kerjasama dan kesalinghubungan, bukannya medan konfrontasi atau konflik, selaras dengan aspirasi Zon Aman, Bebas dan Berkecuali, (*Zone of Peace, Freedom and Neutrality*, ZOPFAN). Kerjasama ini adalah penting untuk memastikan kebebasan pelayaran dan penerbangan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang antarabangsa termasuk 1982 *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS). Malaysia menekankan pendekatan diplomasi dan pemakaian undang-undang antarabangsa dalam menguruskan pertikaian.
18. ASEAN dan mekanisme yang diterajui ASEAN terus berperanan sebagai platform penting bagi menangani cabaran-cabaran ini. Perpaduan dan *centrality* ASEAN merupakan asas untuk menguruskan pergolakan kuasa-kuasa dan ketidaktentuan serantau. Pada bulan Jun 2019 ASEAN telah menerbitkan "*ASEAN Outlook on the Indo-Pacific*". Dokumen ini telah menekankan prinsip inklusif ASEAN dan pada masa yang sama menekankan peranan ASEAN dalam mewujudkan kerjasama yang lebih erat, membentuk struktur serantau, dan memastikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran khususnya untuk penduduk Asia Tenggara dan kedua-dua rantau Asia-Pasifik dan Lautan Hindi. Secara keseluruhannya, dokumen ini menterjemahkan komitmen ASEAN untuk menjadi pengantara yang tidak berpihak untuk mewujudkan persekitaran yang selamat, aman dan makmur.

Kejiranan Asia Tenggara yang Kompleks

19. Keselamatan Malaysia sangat bergantung terhadap kestabilan serantau Asia Tenggara. Meskipun ASEAN, sebagai sebuah komuniti, telah berjaya menguruskan pelbagai konflik serantau, namun hakikatnya hubungan sesama negara anggota adalah lebih dinamik dan kompleks.
20. Malaysia merupakan satu-satunya negara di rantau ini yang berkongsi sempadan darat dan maritim dengan majoriti negara Asia Tenggara. Disebabkan kedudukan geografi Malaysia di tengah-tengah Asia Tenggara dan legasi penjajah di rantau ini, Malaysia masih belum memuktamadkan beberapa isu persempadanan darat dan maritim dengan beberapa negara jiran.
21. Selain daripada pertikaian wilayah, kepentingan Malaysia di rantau ini turut dipengaruhi oleh beberapa isu dua hala yang lain: (1) percanggahan kepentingan lanjutan pertikaian wilayah (contohnya kegiatan perikanan secara haram di perairan Malaysia); (2) kesan limpahan konflik dalaman negara jiran; dan (3) krisis pelarian yang tercetus akibat isu domestik negara serantau.
22. Selain daripada perselisihan dua hala, terdapat masalah yang dikongsi bersama yang telah menyatukan Malaysia dengan negara-negara serantau lain. Masalah tersebut: (1) memberi kesan terhadap hampir semua negara di rantau ini; (2) tidak mampu ditangani secara berkesan oleh satu negara sahaja; dan (3) memerlukan kerjasama serta tindakan kolektif oleh negara-negara terbabit. Masalah ini merangkumi ancaman keselamatan tradisional dan bukan tradisional seperti ancaman keganasan, rompakan di laut, pelanunan serta masalah alam sekitar rentas sempadan seperti masalah jerebu akibat kebakaran hutan di negara jiran.

23. Kedudukan geografi memberi kelebihan dan kekurangan. Sungguhpun kedudukan yang berdekatan boleh menjadi punca isu dua hala, Malaysia dan negara-negara jiran terdekat juga saling bergantung khususnya dalam bidang keselamatan, ekonomi dan sosial, contohnya cabaran keselamatan maritim. Terletak di sepanjang Selat Melaka dan Singapura, Malaysia berada di persimpangan laluan perdagangan strategik di antara Timur dengan Barat. Lebih daripada 30 peratus perdagangan antarabangsa melalui Selat Melaka sekali gus menjadikannya penting kepada negara-negara pesisir iaitu Indonesia, Malaysia, dan Singapura untuk terus mengekalkan dan memperkukuh jalinan perkongsian antara mereka. Tanggungjawab mengekalkan keselamatan laluan strategik ini tidak mampu digalas secara bersendirian oleh mana-mana negara tersebut.
24. Pada masa ini, Malaysia bersama Indonesia, Singapura dan Thailand sedang melaksanakan rondaan maritim di bawah kerangka kerjasama *Malacca Straits Patrol* (MSP), bertujuan memerangi rompakan di laut dan sebarang bentuk ancaman keselamatan maritim. Keempat-empat negara ini seterusnya telah bekerjasama dengan Pertubuhan Maritim Antarabangsa (*International Maritime Organisation*, IMO), sebuah agensi pakar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berpangkalan di London, untuk memastikan keselamatan pelayaran dan mengurangkan risiko pencemaran daripada kapal-kapal yang melalui perairan Selat Melaka. Inisiatif yang serupa sedang dilaksanakan bagi meningkatkan tahap keselamatan maritim di Laut Sulu dan Laut Sulawesi melalui *Trilateral Cooperative Arrangement* (TCA) antara Malaysia, Indonesia dan Filipina yang dimeterai pada tahun 2016. Kolaborasi ini merupakan ilustrasi usaha negara serantau dalam mencapai objektif utama iaitu, keselamatan, keamanan dan kestabilan berdasarkan kepentingan bersama. Kolaborasi ini dan mekanisme kerjasama keselamatan yang lain akan dihuraikan dalam Bab 6: Hubungan Pertahanan Antarabangsa.
25. Kerajaan komited melaksanakan pelbagai pendekatan bagi melindungi keselamatan dan kepentingan negara di rantau Asia Tenggara. Pendekatan ini bukan sahaja melibatkan mekanisme yang diterajui ASEAN malah turut merangkumi pendekatan-pendekatan lain yang terbukti berkesan dalam menangani isu serantau. Pendekatan-pendekatan ini termasuk diplomasi dua hala, perundangan antarabangsa dan jaringan kerjasama melibatkan negara-negara di dalam dan luar rantau Asia Tenggara. Satu contoh kerjasama tersebut ialah *Five Power Defence Arrangements* (FPDA) yang dianggotai oleh Australia, Malaysia, New Zealand, Singapura dan United Kingdom yang akan dibincangkan dalam Bab 6.
26. ASEAN kekal sebagai teras dasar luar Malaysia. Platform ini penting bagi membolehkan Malaysia dan negara-negara anggota menangani pelbagai isu serantau, menggalakkan usaha pembinaan keyakinan intra-ASEAN, menjalinkan kerjasama dengan kuasa-kuasa besar, memudah cara perdagangan dan pelaburan di Asia, serta menangani cabaran ekonomi, masalah alam sekitar, penyakit berjangkit dan ancaman keselamatan bukan tradisional yang lain.

Ancaman Keselamatan Bukan Tradisional

27. Keselamatan bukan tradisional melibatkan pelaku bukan negara dan jenayah rentas sempadan yang bersifat asimetrik telah memberi impak kepada sektor sosial, politik, ekonomi dan alam sekitar. Keganasan merupakan ancaman keselamatan bukan tradisional paling utama kepada negara, serantau dan antarabangsa. Di samping itu, ancaman seperti ekstremisme, rampasan pesawat laut dan udara dan serangan siber berpotensi menggugat kestabilan dalaman, menyebabkan kehilangan nyawa serta mampu melumpuhkan Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (*Critical National Information Infrastructure*, CNII). Ancaman lain seperti rompakan di laut, penculikan dan kegiatan perikanan haram boleh menjejaskan Laluan Perhubungan Laut (*Sea Line of Communication*, SLOC), menggugat keselamatan navigasi dan mendatangkan kerugian kepada negara.

28. Antara faktor penyumbang kepada ancaman ini adalah kebholosan di sempadan antara negara, globalisasi, kemudahan perhubungan dan pengangkutan serta lahirnya trend-trend baharu di seluruh dunia. Trend ini termasuk radikalisasi diri (*self-radicalisation*) melalui media sosial, penyebaran mendadak *Internet of Things* (IoT), ideologi ekstremis, politik identiti dan sebagainya.
29. Ancaman-ancaman bukan tradisional yang masih berterusan sehingga menjejaskan kepentingan Malaysia ialah keganasan dan ekstremisme, ancaman siber, ancaman keselamatan maritim, percambahan senjata pemusnah besar-besaran (*Weapons of Mass Destruction*, WMD) dan ancaman bahan kimia, biologi, radiologi, nuklear dan letupan (*Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and Explosives*, CBRNe) serta bencana alam.
30. **Keganasan dan Ekstremisme.** Ancaman keganasan dan ekstremisme terhadap keselamatan negara semakin meningkat. Di antara tempoh bulan Februari 2013 sehingga bulan September 2019, pihak berkuasa telah menangkap seramai 511 orang yang mempunyai hubungan dengan kegiatan penganas. Daripada jumlah ini, seramai 336 adalah warga tempatan manakala 175 adalah warga asing. Kesemua yang ditahan ini mempunyai hubungan dengan Kumpulan Abu Sayyaf yang merancang untuk menyerang rumah-rumah ibadat serta menyalurkan wang kepada ahli-ahli warga Malaysia Daesh di Syria dan kumpulan Jemaah Anshorut Daulah (JAD) di Indonesia. Kes ini jelas menunjukkan ancaman ini adalah merentas sempadan.
31. Magnitud dan bentuk ancaman keganasan kepada negara adalah selari dengan perkembangan semasa di negara jiran serta Asia Barat dan rantau lain. Penganas yang pulang (*returning fighters*) telah datang ke Asia Tenggara dan mengambil peluang untuk menjalinkan hubungan dengan rangkaian penganas tempatan. Beratus-ratus militan yang berasal dari Asia Tenggara termasuk warga Malaysia yang berperang di Syria, Iraq dan Afghanistan telah kembali ke rantau ini dan menimbulkan kebimbangan Kerajaan.
32. Aktiviti keganasan seperti penyebaran ideologi radikal, pengrekrutan, serangan berani mati dan penculikan telah menyebabkan keadaan kacau bilau, menimbulkan ketakutan dan menjejaskan keselamatan awam pelbagai tempat di rantau ini. Kebanyakan serangan telah mensasarkan kerajaan, kepentingan Barat, rumah-rumah ibadat dan pusat-pusat hiburan. Pada bulan Jun 2016, sebuah bar di Puchong telah diserang dengan bom tangan mengakibatkan lapan orang tercedera. Seterusnya pada tahun 2017, militan-militan Filipina cuba meniru *modus operandi* Daesh dengan cubaan mengisytiharkan satu daerah di bawah pengaruh Daesh di Marawi. Peristiwa ini membawa kepada peperangan kawasan terbina di antara militan-militan tersebut dan pasukan keselamatan yang cuba merampas kembali daerah tersebut. Selanjutnya pada bulan Julai 2018, satu serangan berani mati menggunakan sebuah kereta telah membunuh 11 orang di Basilan, Filipina. Penganas tersebut dipercayai merupakan ahli Daesh dari Maghribi yang menetap di Selatan Filipina. Insiden-insiden seperti ini berkemungkinan berlaku di mana-mana tempat di rantau ini.
33. Insiden-insiden keganasan yang berlaku di Malaysia dan negara-negara jiran membuktikan bahawa kepulauan penganas yang berpengalaman selepas kekalahan Daesh di Syria dan Iraq menimbulkan ancaman besar kepada Asia Tenggara. Untuk kekal relevan setelah kejatuhannya, Daesh telah menyeru penyokong-penyokongnya supaya meneruskan peperangan di negara asal mereka. Organisasi penganas antarabangsa ini telah memanipulasikan media sosial untuk menyebarkan naratif Daesh kepada para pengikutnya. Kematian pemimpin Daesh, Abu Bakr Al-Baghdadi pada bulan Oktober 2019, telah menimbulkan kebimbangan kepada kesemua negara tentang kemungkinan tindakan balas dendam oleh pengikut-pengikutnya.
34. Ancaman ekstremisme sering dikaitkan dengan radikalisasi diri secara dalam talian. Penganas amatur atau *lone wolf* mudah mengumpulkan maklumat melalui sumber-sumber internet yang mendorong mereka untuk menjadi penganas.

35. Ancaman rentas sempadan memerlukan penyelesaian rentas sempadan. Ancaman pengganas dan ekstremisme di Asia Tenggara dapat dimitigasikan melalui pengumpulan maklumat yang cekap melalui kerjasama rapat dalam kalangan negara anggota ASEAN. Menyedari keperluan untuk memperbaiki mekanisme perkongsian maklumat risikan mengenai aktiviti-aktiviti militan di rantau ini, ASEAN telah melancarkan inisiatif *ASEAN Our Eyes*, sebagai satu platform perkongsian maklumat strategik bertujuan meningkatkan kerjasama antara negara anggota ASEAN bagi melawan keganasan.
36. Malaysia akan terus aktif memerangi segala bentuk ancaman keganasan dan ekstremisme di peringkat antarabangsa. Sebagai sebahagian kempen antikeganasan yang holistik, Kerajaan telah menubuhkan Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan (*Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism, SEARCCT*) sebagai sebuah institusi utama dalam memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju isu keselamatan di rantau ini.
37. **Ancaman Siber.** Ruang siber ialah domain baharu keselamatan dan geopolitik negara. Pelaku negara dan bukan negara menggunakan pelbagai kaedah untuk melemahkan keselamatan negara tanpa perlu menggunakan tindakan kinetik. Ancaman siber terus meningkat di Malaysia seiring perkembangannya di seluruh dunia. CNII termasuk sistem perbankan, bekalan kuasa, pelabuhan laut dan lapangan terbang serta perkhidmatan kesihatan terdedah kepada ancaman penggodaman dan bentuk jenayah siber yang lain. Terdapat peningkatan yang ketara dalam jumlah serangan siber di seluruh dunia, terutama sejak tahun 2006. Serangan terhadap prasarana kritikal telah berlaku di Iran, Jerman, Ukraine dan beberapa negara lain. Pada tahun 2015, serangan siber terhadap grid kuasa di Ukraine telah mematikan 30 pencawang dan kira-kira 230 ribu penduduk terputus bekalan elektrik. Serangan siber tersebut berlaku semasa konflik berterusan yang dipercayai dilakukan oleh kumpulan penggodam yang didalangi oleh pelaku negara. Serangan ini menunjukkan bahawa ruang siber sudah menjadi medan pententeraan.
38. Tambahan pula, kemajuan teknologi seperti IoT, *Cloud Computing*, *Big Data*, *Deep Learning*, 5G dan *Artificial Intelligence* (AI) telah mendedahkan operasi ketenteraan kepada ancaman siber. Ancaman ini berupaya mengganggu kefungsi sistem, dan juga mengubah dan mencuri data. Tadbir urus keselamatan siber negara yang diterajui oleh Agensi Keselamatan Siber Negara (*National Cyber Security Agency, NACSA*) memerlukan lebih banyak pelaburan, koordinasi, penguatkuasaan dan strategi tindak balas yang aktif secara inklusif di peringkat kebangsaan, negeri, korporat dan komuniti. ATM melalui *Cyber Defence Operation Centre* (CDOC) merupakan rakan strategik *National Cyber Coordination and Command Centre* (NC4) NACSA, memainkan peranan penting dalam melindungi CNII, meliputi tindak balas, komunikasi dan penyelarasan semasa krisis siber. CDOC memantau kesedaran situasi pertahanan siber manakala NC4 memantau kesedaran situasi keselamatan siber di peringkat nasional melibatkan entiti awam dan swasta.
39. Prasarana kritikal di kebanyakan negara termasuk Malaysia dibangunkan dengan teknologi analog yang kurang terdedah kepada serangan siber. Namun keadaan ini telah berubah, kebanyakan CNII mula bertukar kepada digital dan bergantung kepada internet menyebabkan mereka terdedah kepada serangan siber. Oleh itu, Malaysia telah mengenal pasti 10 CNII untuk dilindungi dan dipelihara sepanjang masa.¹
40. Mendepani ketidakpastian dalam kepesatan era digital, Kerajaan bertekad untuk mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk melindungi CNII daripada serangan siber. Perancang pertahanan negara membangunkan doktrin siber yang koheren selaras dengan Strategi

¹ 10 CNII merujuk kepada sektor pertahanan dan keselamatan, perbankan dan kewangan, maklumat dan komunikasi, tenaga, pengangkutan, air, perkhidmatan kesihatan, kerajaan, perkhidmatan kecemasan, makanan dan pertanian.

Keselamatan Siber Negara (*Malaysia Cyber Security Strategy*, MCSS) bagi meningkatkan daya tahan pertahanan dan keselamatan siber yang memerlukan, antara lain, mekanisme pengurusan dan tadbir urus operasi, dengan tenaga pakar yang mencukupi dan teknologi yang bersesuaian.

41. ATM telah mengiktiraf siber elektromagnetik sebagai domain operasi baharu. Domain ini menyediakan keupayaan kritikal yang membolehkan ATM menjalankan operasi di semua domain lain dengan selamat.
42. Penggunaan Sistem Tanpa Pemandu (*Unmanned Systems*) seperti dron sebagai senjata pemusnah kini semakin meluas. Pada bulan September 2019 telah berlaku satu serangan menggunakan dron terhadap kemudahan pemprosesan minyak di Arab Saudi. Kumpulan pemberontak di Syria pula telah melaksanakan beberapa serangan ke atas pangkalan tentera menggunakan dron yang membawa muatan letupan. Kejadian ini membuktikan bahawa ancaman ini adalah satu realiti yang perlu dihadapi.
43. Bagi tujuan operasi ketenteraan, kombinasi keupayaan operasi siber dengan peperangan elektronik (*Electronic Warfare*, EW) akan menjana usaha *Cyber Electromagnetic Activities* (CEMA) untuk melindungi CNII. EW merupakan elemen serang balas yang berpotensi dalam memerangi dron pelbagai saiz dan profil misi. Melalui EW, pertahanan dapat dilaksanakan melalui gangguan terhadap sistem navigasi, komunikasi, fuis dan pemicu senjata malah mampu mengambil alih pengendalian dron.
44. Dalam masa terdekat, kombinasi senjata dan teknologi AI berpotensi mencetuskan ancaman keselamatan baharu terhadap negara. AI tidak hanya akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan senjata kinetik, tetapi tidak lagi memerlukan intervensi manusia. Senjata AI, juga dikenali sebagai Sistem Senjata Autonomi (*Autonomous Weapon System*, AWS), ditakrifkan sebagai senjata yang boleh memilih dan menyerang sasaran dengan sendiri tanpa kawalan manusia. Sehubungan dengan itu, doktrin semasa ATM menggariskan CEMA dalam menyokong operasi ketenteraan yang lain bagi mendepani cabaran baharu ini.
45. Memandangkan ancaman siber bersifat rentas sempadan, pendekatan yang diambil menangani ancaman ini memerlukan kerjasama di peringkat serantau dan global. Oleh yang demikian, negara anggota ASEAN perlu mengambil langkah-langkah praktikal bagi membina keyakinan dan mengamalkan norma dan tanggungjawab yang dipersetujui bersama secara sukarela dan tidak mengikat tingkah laku sesebuah negara di ruang siber. Langkah yang diambil juga bertujuan untuk meningkatkan tahap kepercayaan dan keyakinan negara-negara anggota dalam menggarap sepenuhnya potensi ruang siber dalam membawa kemakmuran dan integrasi ekonomi serantau yang lebih besar.
46. **Ancaman Keselamatan Maritim.** Rompakan di laut dan pelanunan telah lama menjadi ancaman kepada kapal dan pelaut yang belayar melalui perairan Malaysia. Ancaman ini telah mendorong kerjasama pelbagai hala seperti MSP dan TCA bagi membanteras rompakan di laut dan pelanunan secara berkesan. Kerajaan juga telah menubuhkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi menangani ancaman keselamatan maritim yang semakin berleluasa. Ancaman bukan tradisional yang saling berkait seperti penculikan untuk tebusan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan pelbagai aktiviti yang menyalahi undang-undang dalam domain maritim telah mendatangkan cabaran kepada Malaysia. Sebagai contoh, *Kidnap for Ransom Group* (KFRG) dan Kumpulan Abu Sayyaf aktif melakukan penculikan di perairan timur Sabah bertujuan menuntut wang tebusan. Justeru, kerjasama erat antara agensi penguatkuasaan Malaysia dengan negara jiran, pertubuhan maritim antarabangsa serta sektor swasta adalah penting untuk menangani kesemua ancaman ini secara berkesan.
47. Kegiatan perikanan haram adalah satu lagi ancaman keselamatan maritim kepada negara. Isu yang berleluasa ini menjejaskan ekonomi negara dan menyukarkan usaha untuk memastikan industri perikanan yang mampan di Zon Maritim Malaysia (ZMM). Malaysia kehilangan

hasil negara sehingga RM6 bilion setiap tahun akibat kegiatan perikanan haram. Dianggarkan sebanyak 980 ribu tan hasil laut negara telah lesap setiap tahun. Kegiatan ini menjejaskan kepelbagaian biologi, spesis berkaitan dan saling kebergantungan dan ekosistem maritim yang lebih luas. Penceroobohan kapal nelayan asing telah menjejaskan ekonomi, keselamatan dan kedaulatan negara. Kerajaan sedang menangani isu ini melalui kolaborasi agensi penguatkuasaan maritim melalui operasi bersepadu seperti Op Naga yang dilaksanakan di pantai timur Semenanjung Malaysia.

48. **Percambahan Senjata Pemusnah Besar-besaran (*Proliferation of WMD*) dan Ancaman CBRNe.** Percambahan WMD masih lagi menjadi satu kebimbangan antarabangsa dan negara. Ditambah dengan kelonggaran elemen kawalan dalam pergerakan komponen dwiguna telah menyumbang kepada percambahan WMD. Berkaitan dengan ini, wujud kebimbangan penggunaan bahan CBRNe oleh penganas di negara ini. Teknologi biologi yang mudah diperoleh dan kos penghasilannya yang rendah memudahkan penganas menghasilkan senjata biologi. Perkara ini diambil serius oleh Kerajaan yang mana MINDEF menjadi agensi peneraju bagi pelaksanaan *Biological and Toxin Weapons Convention* (BTWC). Kerajaan sedang meningkatkan keupayaan dan koordinasi untuk menghadapi situasi ancaman dan bencana CBRNe.
49. **Bencana Alam dan Bahaya Alam Sekitar.** Malaysia menghadapi pelbagai isu keselamatan alam sekitar. Negara ini terdedah kepada bencana alam dan bahaya alam sekitar seperti banjir, ribut taufan, tanah runtuh, jerebu, kemarau, tsunami, masalah sisa berbahaya dan toksik, serta pencemaran udara dan air. Bencana alam berkaitan dengan iklim dan kejadian cuaca yang melampau semakin meningkat, mengancam keselamatan dan kesihatan rakyat serta pembangunan negara. Dari tahun 1998 hingga 2018, Malaysia telah mengalami 51 kejadian bencana alam, dengan lebih 3 juta rakyat terjejas dan mengakibatkan kematian 281 orang. Dari jumlah ini, banjir telah menjejaskan lebih 770 ribu rakyat, mengakibatkan kematian 148 orang dan menyebabkan kerosakan bernilai kira-kira RM5.82 bilion. Kejadian banjir pada tahun 2015 adalah yang terburuk dalam sejarah alam sekitar Malaysia, mengatasi bencana yang sama pada tahun 1967. Tahun 2016 telah merekodkan cuaca paling panas yang pernah dialami oleh negara. Masalah jerebu yang berulang-ulang berpunca daripada kebakaran hutan di negara jiran mendatangkan kesan yang memudaratkan terhadap kesihatan rakyat dan gangguan terhadap ekonomi negara. Indeks pencemaran udara (*Air Pollutant Index*, API) yang amat tinggi pada masa lalu telah memaksa Kerajaan untuk mengisytiharkan darurat iklim di beberapa daerah sebanyak tiga kali setakat ini (bulan September 1997, bulan Ogos 2005 dan bulan Jun 2013).
50. Kerajaan komited untuk menangani isu pemanasan global. Kerajaan terus memberi keutamaan terhadap mengurangkan pembebasan karbon selaras dengan Perjanjian Iklim Paris 2016. Kerajaan akan memperkenalkan Akta Perubahan Iklim yang menggariskan satu plan mitigasi dan penyesuaian iklim negara.

Strategi Jangka Panjang Nasional

51. Untuk mempertahankan dan memacu kepentingan Malaysia dalam menghadapi cabaran dan peluang baharu yang diuraikan sebelum ini, Kerajaan bertekad untuk melaksanakan strategi jangka panjang yang proaktif.
52. Elemen pertahanan ialah komponen utama strategi ini. Strategi pertahanan menyokong strategi negara melalui perkongsian kemakmuran, perkongsian keselamatan dan perkongsian identiti di peringkat kebangsaan dan serantau. Proses ini akan mewujudkan ekosistem strategik yang seimbang, mencipta ruang untuk kerjasama yang lebih luas dan opsyen dasar yang lebih banyak untuk menambah potensi yang lebih meluas sebagai gerbang penjalin di antara kedua-dua rantau Asia-Pasifik dengan Lautan Hindi.

53. Strategi jangka panjang ini memanfaatkan geografi, karakter negara dan profil Malaysia sebagai negara berpengaruh dalam meneraju hal ehwal serantau. Malaysia, bersama-sama negara anggota ASEAN dan negara sahabat lain telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam domain pertahanan, pembangunan dan diplomatik sepanjang dekad (rujuk Jadual 2.1). Inisiatif-inisiatif ini mencorak hala tuju hal ehwal rantau dengan menghubungkan negara-negara, membina kerjasama dan mencipta perkongsian berinstitusi di sepanjang bahagian kedua-dua rantau lautan. Kelebihan ini yang ingin terus dibina oleh Malaysia bagi melindungi kepentingan negara dan pada masa yang sama menyumbang kepada *centrality* ASEAN, kestabilan serantau dan kemakmuran global dalam persekitaran keselamatan yang tidak menentu.

Jadual 2.1: Inisiatif Pertahanan, Pembangunan dan Diplomatik Malaysia.

BIDANG	INISIATIF UTAMA DAN PENGLIBATAN MALAYSIA
Pertahanan	- ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM) & ADMM-Plus - ASEAN Militaries Ready Group (AMRG) on HADR - Malacca Straits Patrol (MSP) - Trilateral Cooperative Arrangement (TCA) - International Monitoring Team (IMT) di Mindanao - Hospital Medan Malaysia di Cox's Bazar, Bangladesh - Program Kerjasama Pertahanan Malaysia (MDCP)
Pembangunan	- Singapore-Kunming Rail Link (SKRL) dan ASEAN Mekong Basin Development Cooperation (AMBDC) - Kerjasama Selatan-Selatan - Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP)
Diplomasi	- Neutralisasi Asia Tenggara/ZOPFAN - Menggalakkan penggunaan terma-terma antarabangsa seperti "common but differentiated responsibility" dan "common and shared heritage of mankind" - ASEAN Plus Three (APT) dan East Asia Summit (EAS)

54. Malaysia terletak di tengah-tengah rantau Asia yang dinamik. Malaysia adalah sebuah **negara maritim dengan susur galur kebenuaan** yang dihubungkan ke tanah besar Asia Tenggara dan Eurasia melalui daratan, di samping Laut China Selatan dan Lautan Pasifik di satu sisi, serta Selat Melaka dan Lautan Hindi di sisi satu lagi.
55. Sebagai negara yang dikelilingi lautan dan bergantung padanya untuk kesejahteraan, Malaysia jelas sebuah **negara maritim**. Semua negara maritim, besar atau kecil mempunyai tiga ciri iaitu sumber, risiko dan tekad. Malaysia mempunyai ketiga-tiga elemen ini:
- Sumber dan Kepentingan.** Domain maritim merupakan salah satu sumber utama kemakmuran negara. Lautan, dasar laut, lapisan bawah tanah, laluan air, ruang udara di atasnya, dan pelantar benua ialah elemen penting untuk perdagangan, perikanan laut dan sumber perikanan, kaedah pengangkutan, kesalinghubungan dan sumber lain yang boleh menjana kekayaan negara;
 - Risiko dan Cabaran.** Pada masa yang sama, kawasan maritim juga merupakan punca ancaman dari luar yang mencabar kedaulatan negara dan hak kedaulatan di ZMM, laluan perairan strategik, ruang udara dan laluan komunikasi kritikal. Cabaran ini merangkumi pertelingkahan wilayah termasuk tuntutan bertindih, tindakan dan interaksi kuasa besar, rompakan di laut dan pelanunan dan juga isu-isu keselamatan bukan tradisional yang datang menerusi laut; dan
 - Tekad dan Tindakan.** Domain maritim dapat mengungkapkan tekad Malaysia untuk melindungi kepentingan negara serta mempengaruhi dan menyumbang kepada rantau ini. Untuk mempertahankan sumber dan memitigasi risiko dari laut seperti di atas, domain maritim adalah satu saluran penting untuk menzahirkan iltizam

negara kepada bentuk mekanisme kerjasama serantau. Dengan melaksanakan inisiatif bersama negara anggota ASEAN, Malaysia telah berjaya menukarkan idea-idea kepada kerjasama konkrit dalam bidang pertahanan, pembangunan dan diplomatik. Beberapa mekanisme dan kerjasama berkaitan dibincangkan secara lebih terperinci dalam Bab 6.

56. **Susur Galur Kebenuaan.** Penekanan pada domain maritim tidak bermaksud kepentingan kebenuaan Malaysia diabaikan. Kepentingan daratan negara yang merangkumi sumber dan aset boleh mendatangkan cabaran tetapi boleh juga menjadi penyelesaian. Cabaran dan ancaman luaran sejak dulu, kini dan masa hadapan berpunca daripada asal-usul kebenuaan dan maritim merangkumi ruang udara. Kesungguhan melindungi kepentingan negara juga adalah berlandaskan susur galur kebenuaan, dari utara ke Asia Tenggara, dengan potensi menghubungkan bahagian-bahagian Eurasia yang berlainan. Antara usaha Malaysia berdasarkan kepentingan kebenuaan ialah SKRL serta AMBDC pada tahun 1995 dan *Malaysia-Vietnam Joint Submission on the Extended Continental Shelf* pada tahun 2009.
57. Pertambahan projek pembangunan prasarana dan kesalinghubungan pengangkutan dalam dekad seterusnya akan mengundang lebih banyak usaha yang bersepadu untuk melindungi kepentingan negara. Perkara ini memerlukan ATM dan agensi keselamatan melakukan transformasi bagi bersiap sedia menangani cabaran yang lebih kompleks memerlukan peningkatan keupayaan pertahanan yang menekankan kepada misi dan operasi bersama.
58. **Peranan Malaysia sebagai Gerbang Penjalin.** Malaysia berkeupayaan memainkan peranan yang saling berkait iaitu **menghubung, membangun dan mempererat**. Setiap satu peranan tersebut memberi nilai tambah tersendiri dan lebih pilihan kepada negara di kedua-dua rantau Asia-Pasifik dan Lautan Hindi. Setiap satunya merupakan pemangkin untuk mewujudkan peluang pembangunan yang lebih strategik untuk Malaysia, meningkatkan daya tahan dalaman negara dan keupayaan perkongsian luar yang dimanfaatkan melalui susur galur kebenuaan dan negara maritim.
 - i. **Menghubung.** Kedudukan geostrategik negara yang terletak di tengah-tengah Asia Tenggara dan di antara Lautan Hindi dengan Lautan Pasifik serta kebenuaan utara dan maritim selatan berpotensi menjadikan Malaysia sebagai **hab serantau** untuk memperkukuh kesalinghubungan dalam aspek peradaban, komersial dan keselamatan. Di sinilah perkongsian kemakmuran bertemu dengan perkongsian identiti dan perkongsian keselamatan sejajar dengan aspirasi ASEAN. Inilah peranan yang pernah dimainkan oleh Kesultanan Melayu Melaka dan diteruskan dalam era moden. Negara boleh membentuk kesaling hubungan dan menjalinkan kerjasama dalam pelbagai aktiviti seperti menangani ancaman keselamatan bukan tradisional, dan pengukuhan Malaysia sebagai **hab keselamatan maritim** di Selat Melaka dan Laut China Selatan, **hab perdagangan merentas rantau** dan logistik e-dagang, **hab pengangkutan rentas sempadan** dan kesalinghubungan fizikal yang lain.
 - ii. **Membangun.** Peranan kedua ialah menarik minat dan penglibatan pelbagai rakan kerjasama dari kedua-dua rantau Asia-Pasifik dan Lautan Hindi untuk membina kepentingan di Malaysia dan di rantau Asia Tenggara. Kedudukan geografi yang strategik membolehkan **Malaysia berperanan sebagai hab serantau** dan pintu masuk kepada pasaran, sumber dan kepentingan yang lain seperti *Disaster Emergency Logistics Systems for ASEAN (DELSA)* dan *World Food Programme-United Nations Humanitarian Response Depot (WFP-UNHRD)* di Subang serta pejabat *International Maritime Bureau (IMB)* di Kuala Lumpur. Kerjasama seumpama ini menggalakkan perkongsian kepentingan bersama, pewujudan peluang pekerjaan, mengagihkan semula sumber, pemindahan teknologi, peluasan eksport, seterusnya mewujudkan

pengkhususan untuk profil pembangunan dan strategik Malaysia. Pembangunan kepentingan bersama dapat mengelakkan kebergantungan atau dominasi oleh mana-mana kuasa besar.

iii. **Mempererat.** Peranan ketiga sebagai gerbang penjalin ini melibatkan pendekatan yang diselaraskan untuk mewujudkan hubungan kerjasama yang formal (berbanding kerjasama secara *ad hoc*) yang mengikat negara-negara tersebut. Sejak beberapa dekad yang lepas, Malaysia telah bekerjasama dengan negara anggota ASEAN dan negara rakan bagi mewujudkan mekanisme-mekanisme kerjasama yang formal. Berdasarkan mekanisme-mekanisme ini, Malaysia boleh memainkan peranan utama dalam memperkukuh hubungan antara kesemua negara terbabit dan meneroka peluang kerjasama baharu bagi memaksimumkan perkongsian kemakmuran, perkongsian keselamatan dan perkongsian identiti bersama negara-negara di kedua-dua rantau Asia-Pasifik dan Lautan Hindi. Kerjasama ini berperanan untuk mempertingkatkan ikatan jalinan hubungan serta *centrality* ASEAN.

59. Angkatan pertahanan yang kukuh merupakan kunci utama dalam melindungi kepentingan Malaysia sama ada di domain darat, maritim, udara dan siber elektromagnetik. Kedudukan Malaysia sebagai negara maritim dengan susur galur kebenuaan memerlukan ATM dan agensi keselamatan memainkan peranan masing-masing secara bersama dalam melindungi kepentingan negara dan mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah.
60. Kesemua faktor di atas memberi pelbagai kesan kepada struktur angkatan pertahanan. Berdasarkan faktor geografi negara yang meliputi realiti dua wilayah serta landskap keselamatan semasa, transformasi ATM amat diperlukan bagi membentuk satu angkatan **bersepadu, tangkas dan berfokus**. Angkatan yang lebih bersepadu mampu mempertahankan kepentingan negara dengan lebih berkesan dalam menangani ancaman keselamatan tradisional dan bukan tradisional. ATM yang tangkas dapat diatur gerak secara pantas dalam menghadapi pelbagai senario operasi masa hadapan. Angkatan yang berfokus dapat mengoptimumkan sumber ke arah mencapai objektif dan matlamat operasi yang ditetapkan. Kesemua ini adalah amat penting untuk melindungi kepentingan Malaysia sebagai negara maritim dengan susur galur kebenuaan dan gerbang penjalin antara kedua-dua rantau Asia-Pasifik dengan Lautan Hindi.

BAHAGIAN 2

STRATEGI

BAB 3



STRATEGI PERTAHANAN

1. Dalam mendepani ketidaktentuan persekitaran keselamatan yang semakin mencabar, kerajaan komited untuk merancang strategi pertahanan dengan pendekatan baharu bagi mempertingkatkan keupayaan pertahanan secara menyeluruh. Strategi pertahanan ini adalah berdasarkan Kerangka Pertahanan Negara yang baharu, bertujuan mempertingkatkan kesiapsiagaan pertahanan negara dan pada masa yang sama memaksimumkan keupayaan negara sebagai sebuah negara maritim dengan susur galur kebenuaan dan gerbang penjalin antara kedua-dua rantau Asia-Pasifik dengan Lautan Hindi.
2. Strategi pertahanan negara ini berteraskan tiga tonggak utama iaitu **Cegah Rintang Berpadu, Pertahanan Komprehensif dan Perkongsian Berwibawa**. Bab ini menjelaskan usaha Kerajaan melaksanakan ketiga-tiga tonggak tersebut yang akan menyumbang kepada Kepentingan dan Objektif Pertahanan Negara.
3. Bagi merealisasikan strategi pertahanan jangka panjang, langkah-langkah yang akan diambil adalah: (1) mempertingkatkan **keupayaan pertahanan** dan memperkukuh **kebersamaan** dalam ATM serta dengan agensi keselamatan; (2) mempertingkatkan **kesedaran keselamatan** dan **kesiapsiagaan pertahanan** melalui **pendekatan keseluruhan negara**; dan (3) **berperanan lebih aktif** dalam memacu inisiatif yang lebih progresif, memperluas perkongsian dan mencorakkan hubungan serantau.
4. Secara asasnya, strategi pertahanan negara menjadi penggerak kepada transformasi ATM menjadi angkatan bersepadu, tangkas dan berfokus dalam melindungi kepentingan negara, dan terutamanya mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah. Malaysia mengguna pakai postur defensif, iaitu hanya menggunakan kekerasan sebagai pilihan terakhir untuk mempertahankan negara, selaras dengan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). KPP mengenal pasti cara dan kaedah untuk melindungi kepentingan negara, menghindari ancaman dan pada waktu yang sama mengekalkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau yang dikongsi bersama.
5. **Geografi ialah satu penghubung utama**. Kerajaan mengambil kira kedudukan Malaysia yang terletak di tengah-tengah perairan strategik Asia Tenggara dan dikelilingi Laluan Perhubungan Laut (SLOC) yang penting, serta realiti kuasa besar dan keperluan domestik, bagi membentuk strategi pertahanan negara yang bersifat tegas dan berhemah. Kerajaan juga akan memastikan ATM mampu beroperasi di dua wilayah secara serentak kerana kedudukan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak yang dipisahkan oleh Laut China Selatan.

Kerangka Pertahanan Negara

6. Dalam menyelaraskan postur pertahanan negara sejajar dengan dasar keselamatan negara dan keutamaan dasar luar negeri, satu Kerangka Pertahanan Negara telah dibangunkan mengandungi visi, kepentingan dan objektif pertahanan (rujuk Jadual 3.1). **Visi Pertahanan Negara** dikenal pasti sebagai “Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur”. Visi ini membentuk asas kepada **Kepentingan Pertahanan Negara**:
 - i. **Keselamatan**. Mempertahankan kawasan daratan, Zon Maritim Malaysia, laluan perairan strategik, ruang udara dan laluan komunikasi kritikal;
 - ii. **Kedaulatan**. Memelihara kemerdekaan negara dan menyekat campur tangan pihak luar; dan

- iii. **Kemakmuran.** Mempertahankan kemakmuran, pembangunan dan peluang pertumbuhan ekonomi negara termasuk kepentingan di luar negara.

7. **Objektif Pertahanan Negara** dikategorikan seperti berikut:

- i. Membangunkan pelbagai domain keupayaan untuk mengesan, mencegah dan menafikan sebarang ancaman terhadap kepentingan pertahanan Malaysia di sepanjang kawasan lapisan berpadu di kawasan-kawasan teras, lanjutan dan hadapan;
- ii. Mempertingkatkan daya ketahanan dalaman Malaysia melalui pertahanan komprehensif dengan melaksanakan pendekatan keseluruhan kerajaan dan keseluruhan masyarakat;
- iii. Memperkuatkan keselamatan dan kapasiti pertahanan Malaysia melalui perkongsian berwibawa dengan mengutamakan inisiatif yang berinovasi, mengeratkan kerjasama dan merapatkan hubungan pertahanan melalui kerjasama pelbagai lapisan yang saling melengkapi antara satu sama lain;
- iv. Memajukan industri pertahanan nasional sebagai pemangkin ekonomi dan kepakaran terpilih yang lebih berdikari melalui program-program yang progresif dalam memajukan bidang sains, teknologi dan industri pertahanan negara; dan
- v. Memastikan amalan tadbir urus yang terbaik bagi memperkuatkan sektor pertahanan melalui ketelusan, akauntabiliti dan kecemerlangan di dalam mengejar transformasi organisasi.

Jadual 3.1: Kerangka Pertahanan Negara.


VISI PERTAHANAN NEGARA				
“Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur”				
KEPENTINGAN PERTAHANAN NEGARA				
Keselamatan	Kedaulatan		Kemakmuran	
Mempertahankan kawasan daratan, Zon Maritim Malaysia, laluan perairan strategik, ruang udara dan laluan komunikasi kritikal	Memelihara kemerdekaan negara dan menyekat campur tangan pihak luar		Mempertahankan kemakmuran, pembangunan dan peluang pertumbuhan ekonomi negara termasuk kepentingan di luar negara	
OBJEKTIF PERTAHANAN NEGARA				
Membangunkan pelbagai domain keupayaan untuk mengesan, mencegah dan menafikan sebarang ancaman terhadap kepentingan pertahanan Malaysia di sepanjang kawasan lapisan berpadu di kawasan-kawasan teras, lanjutan dan hadapan	Mempertingkatkan daya ketahanan dalaman Malaysia melalui pertahanan komprehensif dengan melaksanakan pendekatan keseluruhan kerajaan dan keseluruhan masyarakat	Memperkuatkan keselamatan dan kapasiti pertahanan Malaysia melalui perkongsian berwibawa dengan mengutamakan inisiatif yang berinovasi, mengeratkan kerjasama dan merapatkan hubungan pertahanan melalui kerjasama pelbagai lapisan yang saling melengkapi antara satu sama lain	Memajukan industri pertahanan nasional sebagai pemangkin ekonomi dan kepakaran terpilih yang lebih berdikari melalui program-program yang progresif dalam memajukan bidang sains, teknologi dan industri pertahanan negara	Memastikan amalan tadbir urus terbaik bagi memperkuatkan sektor pertahanan melalui ketelusan, akauntabiliti dan kecemerlangan di dalam mengejar transformasi organisasi
[Bab 4]	[Bab 5]	[Bab 6]	[Bab 7]	[Bab 8]







8. **Kawasan Lapisan Berpadu.** Berdasarkan kepada kedudukan geografi dan pertimbangan strategik negara, kawasan berkepentingan Malaysia dibahagikan kepada tiga lapisan berpadu, seperti Rajah 3.1.



Rajah 3.1: Kawasan Lapisan Berpadu.

9. Kawasan-kawasan berkepentingan ini hendaklah dilindungi dan dipertahankan dengan apa-apa cara sekalipun daripada ancaman luar. **Kawasan Teras** merangkumi pusat pentadbiran kerajaan, kawasan sosioekonomi dan kawasan penempatan utama negara. **Kawasan Lanjutan** pula kaya dengan sumber alam semula jadi dan hidrokarbon yang merupakan antara penyumbang utama kepada pendapatan negara. **Kawasan Hadapan** menjangkau kepentingan negara di luar kawasan lanjutan, termasuk kestabilan serantau dan usaha-usaha ke arah keamanan sejagat.

Prinsip Asas Pertahanan

10. Strategi pertahanan negara dibangunkan berpandu kepada prinsip-prinsip berikut:
- Berasaskan kepentingan.** Membuat perancangan berdasarkan kepentingan negara berlandaskan kawasan lapisan berpadu;
 - Keneutralan aktivis.** Mengamalkan dasar berkecuali dan mempromosikan kerjasama dengan memberi penekanan terhadap keterangkuman dan perkongsian kemakmuran, seiring dengan perkongsian keselamatan dan perkongsian identiti;
 - Aspirasi keupayaan berdikari.** Mengurangkan kebergantungan kepada pihak-pihak lain dengan memperkasakan industri pertahanan tempatan melalui kemajuan sains dan teknologi pertahanan;
 - Inovasi dan integrasi.** Mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan (*Research and Development*, R&D) dalam bidang sains dan teknologi pertahanan dengan mengutamakan pembangunan keupayaan pertahanan melalui kebersamaan merentasi semua sektor; dan

- v. **Tadbir urus terbaik.** Menginstitusikan tadbir urus terbaik dalam pengurusan pertahanan negara.

Tonggak Strategi Pertahanan Negara

11. Mengambil kira Kerangka Pertahanan Negara dan Prinsip Asas Pertahanan, Kerajaan menggariskan tiga tonggak strategi pertahanan untuk melindungi kepentingan negara di kawasan lapisan berpadu. Tiga tonggak strategi pertahanan ini ialah Cegah Rintang Berpadu, Pertahanan Komprehensif dan Perkongsian Berwibawa. Tiga tonggak ini saling berkait dan menyokong antara satu sama lain melibatkan pelbagai pihak, tujuan dan proses (rujuk [Rajah 3.2](#)).

Tonggak 1: CEGAH RINTANG BERPADU	Tonggak 2: PERTAHANAN KOMPREHENSIF	Tonggak 3: PERKONGSIAN BERWIBAWA
Siapa Angkatan Tentera Malaysia	Siapa Seluruh Kerajaan dan Masyarakat	Siapa Rakan Luar (Dua Hala & Pelbagai Hala)
Tujuan "Cegah Rintang"	Tujuan "Keutuhan Pertahanan"	Tujuan "Perkongsian"
Menghindar daripada sebarang bentuk pencerobohan atau konflik	Membina dan memperkuat ketahanan dalaman	Memperkukuh dan memperluas kerjasama pertahanan
Proses "Berpadu"	Proses "Komprehensif"	Proses "Berwibawa"
Kebersamaan dalam melindungi kepentingan negara berpandukan tiga kawasan lapisan berpadu	Membina perpaduan dalaman secara berterusan, keupayaan pertahanan, kesiapsiagaan keselamatan, kerjasama antara agensi dan daya tahan menyeluruh	Mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara rakan kongsi berwibawa dan pada masa yang sama bermanfaat untuk pembangunan kapasiti dan kestabilan serantau

Rajah 3.2: Tiga Tonggak Strategi Pertahanan Malaysia.

12. **Cegah Rintang Berpadu** ialah tonggak utama melibatkan peranan ATM untuk melindungi kepentingan negara, terutamanya mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah dengan menghindar daripada sebarang bentuk pencerobohan dan konflik. Pertahanan negara dilaksanakan sepanjang kawasan lapisan berpadu meliputi domain darat, maritim, udara dan siber elektromagnetik. Pelaksanaan tonggak ini diuraikan dalam Bab 4: Angkatan Masa Hadapan.
13. **Pertahanan Komprehensif** melibatkan penyertaan seluruh kerajaan dan masyarakat bagi mempertahankan negara selaras dengan konsep HANRUH. Proses ini merangkumi usaha-usaha berterusan dalam membina kesepakatan dalaman, mempertingkatkan kesiapsiagaan pertahanan, memperbaiki kerjasama antara agensi, memperkuat pembangunan negara bangsa serta mempertingkatkan kapasiti ekonomi dan aspek daya ketahanan negara yang lain secara menyeluruh dan mampan. Pertahanan negara juga dapat dipertingkatkan melalui KESBAN yang menekankan keselamatan dalam setiap aspek pembangunan. Pelaksanaan tonggak ini diuraikan dalam Bab 5: Warga Pertahanan.

14. **Perkongsian Berwibawa** merujuk kepada kerjasama pertahanan secara dua hala atau pelbagai hala dengan rakan luar lain. Perkongsian ini adalah berwibawa dari dua sudut. Pertama, kewibawaan Malaysia sebagai rakan kongsi yang boleh dipercayai adalah asas kepada kerjasama pertahanan dengan negara-negara serantau dan luar rantau. Kedua, perkongsian ini memberi manfaat kepada kedua-dua negara dan rakan kongsi dari segi kesiagaan pertahanan, keperluan keselamatan dan kestabilan serantau. Pelaksanaan tonggak ini dihuraikan dalam Bab 6: Hubungan Pertahanan Antarabangsa.
15. Kerajaan komited untuk melaksanakan ketiga-tiga tonggak ini bagi mencapai Visi Pertahanan Negara. Tonggak strategi pertahanan ini mencerminkan kesepakatan dan pengemblengan usaha kerajaan dan masyarakat ke arah pendekatan keseluruhan negara bagi mengekalkan Malaysia sebagai negara yang selamat, berdaulat dan makmur.



BAB 4



ANGKATAN MASA HADAPAN

1. Membina Angkatan Masa Hadapan ialah komponen terpenting dalam KPP bagi melaksanakan tonggak strategi pertahanan, **Cegah Rintang Berpadu**. ATM berperanan sebagai “Perisai Negara” yang diamanahkan oleh Kerajaan untuk mendukung Objektif Pertahanan Negara yang pertama. Justeru, peranan ATM boleh diringkaskan seperti berikut:
 - i. **Peranan Utama.** Melindungi kepentingan negara, terutamanya mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah daripada ancaman keselamatan tradisional dan bukan tradisional melalui pelaksanaan operasi maritim, udara, darat dan siber elektromagnetik; dan
 - ii. **Peranan Sekunder.** Melaksanakan Operasi Ketenteraan Selain Peperangan (*Military Operations Other Than War*, MOOTW) termasuk Bantuan Kemanusiaan dan Bencana (*Humanitarian Assistance and Disaster Relief*, HADR), Mencari dan Menyelamat (*Search and Rescue*, SAR), Operasi Evakuasi Awam (*Non Combatant Evacuation Operation*, NEO) dan lain-lain, membantu pihak berkuasa awam dalam penguatkuasaan dan usaha pembangunan negara bangsa serta mendukung usaha keamanan sejagat di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
2. Struktur dan postur angkatan perlu dibentuk semula untuk menangani persekitaran keselamatan yang tidak menentu. Walaupun kekuatan ATM dikekalkan pada saiz semasa untuk tempoh KPP ini, namun penjurusan semula dan pengutamaan akan dilaksanakan untuk memenuhi keperluan masa hadapan. Penekanan yang khusus akan diberikan untuk meningkatkan keupayaan bersama untuk kesiapsiagaan menghadapi sebarang kontingensi; daripada intervensi bersenjata kepada bencana alam; serta merealisasikan keperluan melaksanakan operasi dua wilayah secara serentak merangkumi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
3. Hal ini, termasuk kesedaran nasional tentang persekitaran keselamatan yang tidak menentu, koordinasi antara ATM dengan agensi keselamatan, serta perkongsian luar adalah merupakan komponen-komponen ekosistem pertahanan negara.
4. Bab ini akan menghuraikan struktur angkatan yang bertujuan memapar dan memperjelas matlamat “cegah rintang” untuk menghalang pelaku negara dan pelaku bukan negara daripada mengancam kepentingan negara yang boleh menggugat kedaulatan dan keutuhan wilayah. Seterusnya bab ini akan membincangkan keperluan keupayaan dan struktur ATM dalam **mengesan, mencegah** dan **menafikan** ancaman keselamatan tradisional dan bukan tradisional di sepanjang **kawasan teras, lanjutan** dan **hadapan**. Akhirnya, bab ini akan mengenal pasti serta memaparkan pemangkin dalam pembangunan keupayaan Angkatan Masa Hadapan.

Struktur Angkatan

5. Kerajaan akan membangunkan ATM untuk menjadi angkatan yang **bersepadu, tangkas**, dan **berfokus** yang mampu bertindak balas terhadap ancaman keselamatan tradisional dan bukan tradisional semasa aman atau konflik, dengan tahap kesiagaan yang tinggi untuk melaksanakan operasi ketenteraan dalam persekitaran keselamatan yang tidak menentu. Bahagian penting dalam pembangunan angkatan ini ialah pelaburan jangka panjang Kerajaan dalam meningkatkan kesiapsiagaan ATM dengan penyediaan aset dan kelengkapan yang diperlukan, keupayaan tenaga kerja yang berasaskan pengetahuan dan kemahiran ke arah askar pintar, serta keupayaan lain. Konsep angkatan ini dihuraikan seperti berikut:

- i. **Bersepadu.** Kebersamaan dan kerjasama yang erat merentasi Perkhidmatan dalam semua peringkat proses ketenteraan, bermula dari penyelidikan dan perancangan, hingga ke perolehan, latihan dan operasi;
 - ii. **Tangkas.** Kebolehan untuk menyesuaikan diri dan bertindak balas dengan pantas terhadap pelbagai bentuk ancaman atau situasi kritikal serta cukup lincah untuk bertindak balas kepada sebarang kontingensi; dan
 - iii. **Berfokus.** Menumpukan keutamaan perancangan pembangunan keupayaan angkatan yang diperlukan berasaskan kepentingan (*interest-based*).
6. Angkatan Masa Hadapan terdiri daripada lima ciri utama iaitu **kebersamaan, kebolehoperasian, berasaskan teknologi, keupayaan untuk beroperasi serentak dalam dua wilayah dan berorientasikan misi**. Ciri-ciri ini akan membentuk angkatan yang berupaya diaturgerak dengan pantas serta pelbagai peranan, mampu beroperasi di empat domain utama, iaitu maritim, udara, darat, dan siber elektromagnetik, dan berdepan dengan pelbagai cabaran di kawasan lapisan berpadu.
- i. **Kebersamaan.** Operasi semasa dan masa hadapan oleh ATM akan terus dilaksanakan dalam konteks bersama, di bawah perintah dan kawalan Markas Angkatan Bersama (MK AB). Konsep operasi bersama merupakan integrasi trup dan aset ketiga-tiga Perkhidmatan ATM, yang ditugaskan di bawah perintah MK AB. Konflik masa hadapan adalah bersifat hibrid dan pelbagai dimensi yang memerlukan penggabungan angkatan bersama dalam semua domain untuk memenangi konflik tersebut. Hal ini merangkumi semua peringkat proses ketenteraan; daripada penyelidikan kepada perolehan hingga pelaksanaan operasi; tanpa mengira aktiviti domain tunggal atau berganda. Konsep bersama ini penting untuk mencapai sinergi maksimum ketumbukan ATM;
 - ii. **Kebolehoperasian.** Keseragaman doktrin, prosedur, sistem dan peralatan adalah sangat penting untuk mencapai kebolehoperasian antara ketiga-tiga Perkhidmatan ATM dan antara agensi keselamatan yang turut meningkatkan kecekapan operasi bersama atau operasi gabungan serta mengurangkan kos operasi. Pemilihan aset dan kelengkapan harus mempertimbangkan keperluan ATM dan agensi keselamatan dengan memberi keutamaan kepada produk atau perkhidmatan daripada industri pertahanan tempatan. Kebolehoperasian juga boleh diperluas kepada negara anggota ASEAN dan negara-negara berkepentingan strategik untuk mencapai skala ekonomi dan tahap kesianan yang tinggi untuk Angkatan Masa Hadapan. Ciri ini juga membolehkan pembinaan kepakaran serta pengukuhan keyakinan dalam kalangan tentera negara terlibat khususnya melalui latihan, eksesais dan operasi;
 - iii. **Berasaskan Teknologi.** Angkatan Masa Hadapan akan menggabungkan teknologi terkini dalam struktur dan postur angkatan untuk memenuhi keperluan operasi semasa dan operasi masa hadapan. Semua perancangan harus mengambil kira IR 4.0,¹ IoT dan AI untuk meningkatkan kecekapan, mengurangkan beban kerja dan mencapai kos operasi yang mampan dalam jangka panjang. Untuk memperbaharui struktur dan postur angkatan, ATM akan mengkaji semula doktrin sedia ada dan menggabungkan lebih banyak teknologi yang mengutamakan automasi dan autonomi berbanding dengan kaedah tradisional yang banyak bergantung pada tenaga manusia;
 - iv. **Keupayaan untuk Beroperasi Serentak di Dua Wilayah.** Faktor geografi Malaysia adalah satu cabaran besar bagi ATM untuk mempertahankan dua wilayah secara

¹Sembilan teras Revolusi Industri 4.0 ialah: *Autonomous Robots, Simulation, System Integration, Internet of Things, Cyber Security, Cloud Computing, Artificial Intelligence, Augmented Reality dan Big Data*.

serentak. Dengan mengambil kira perkembangan terkini di Laut China Selatan dan iktibar daripada insiden pencerobohan Lahad Datu pada tahun 2013, Sabah dan Sarawak kini menghadapi risiko yang lebih besar dan sangat memerlukan pertahanan yang lebih kuat. Keupayaan atur gerak angkatan bersepadu di antara kedua-dua wilayah adalah penting untuk mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah. Oleh itu, mobiliti dan jangkauan ialah kunci untuk kejayaan Angkatan Masa Hadapan demi membolehkan atur gerak pantas dan lancar antara dua wilayah apabila diperlukan. Penjajaran dan atur gerak semula antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak ialah satu lagi langkah untuk memastikan kejayaan operasi dua wilayah; dan

- v. **Berorientasikan Misi.** Wilayah maritim Malaysia meliputi empat laluan penting, iaitu Selat Melaka, Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi. Laluan strategik laut dan ruang udara serta kawasan laut yang kaya dengan sumber hidrokarbon dan hasil laut perlu dilindungi dan dipertahankan. Kerajaan perlu memastikan laluan ini bebas dan selamat untuk aset negara berulang-alik antara kedua-dua wilayah. ATM mesti berupaya untuk mengatur gerak ketumbukan melangkaui daratan serta memerlukan keupayaan udara dan maritim yang mencukupi untuk meningkatkan Kesedaran Domain Maritim (*Maritime Domain Awareness*, MDA) di kawasan berkenaan.
7. ATM akan terus membantu pihak berkuasa awam dalam memastikan keamanan dan keselamatan negara apabila diperlukan dan mendapat arahan daripada Kerajaan.

Keperluan Keupayaan

8. Pelan jangka panjang Kerajaan untuk membangunkan Angkatan Masa Hadapan ditumpukan kepada keperluan membina keupayaan dan menangani jurang yang dikenal pasti untuk melindungi kepentingan negara dan mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah. Keperluan keupayaan berikut mengikut keutamaan:
 - i. Memperkukuhkan perisikan pertahanan ATM;
 - ii. Membangunkan keupayaan Aktiviti Elektromagnetik Siber (*Cyber Electromagnetic Activities*, CEMA);
 - iii. Meningkatkan keupayaan Perisikan, Pengawasan, Perolehan Sasaran dan Peninjauan (*Intelligence, Surveillance, Target Acquisition and Reconnaissance*, ISTAR);
 - iv. Membangunkan *Network Centric Operation* (NCO);
 - v. Membangunkan Komunikasi Satelit (*Satellite Communication*, SATCOM) untuk meningkatkan keupayaan Perintah dan Kawalan Bersama;
 - vi. Mengekal dan meningkatkan keupayaan dan tempo operasi Pasukan Khas ATM;
 - vii. Domain Maritim - Meningkatkan keupayaan Tempur Maritim, dan keupayaan Daya Tahan Operasi Maritim;
 - viii. Domain Udara - Meningkatkan keupayaan Pertahanan Udara dan Serangan Udara;
 - ix. Domain Darat - Meningkatkan keupayaan kuasa tembakan, mobiliti, komunikasi, logistik; dan
 - x. Membangunkan keupayaan amfibi.

9. Ringkasan keperluan keupayaan Angkatan Masa Hadapan digambarkan dalam Jadual 4.1. Keperluan keupayaan ini akan memastikan ATM mempunyai kesiapsiagaan yang tinggi bagi melaksanakan operasi secara efektif di kawasan yang ditetapkan.

Jadual 4.1: Keperluan Keupayaan Angkatan Masa Hadapan.

PELBAGAI DOMAIN	PERINTAH, KAWALAN, KOMUNIKASI DAN KOMPUTER		
	PERISIKAN, PENGAWASAN, PEROLEHAN SASARAN DAN PENINJAUAN		
	OPERASI PASUKAN KHAS		
	BANTUAN KHIDMAT TEMPUR		
DOMAIN SIBER ELEKTROMAGNETIK	AKTIVITI SIBER ELEKTROMAGNETIK		
DOMAIN UDARA		SERANGAN STRATEGIK	
	PERTAHANAN UDARA/RONDAAN UDARA		
	BANTUAN UDARA RAPAT		
		RONDAAN UDARA MARITIM/PEPERANGAN ANTI-KAPAL SELAM/PEPERANGAN ANTI-PERMUKAAN	
	PEGANGKUTAN UDARA STRATEGIK DAN TAKTIKAL/ MENCARI DAN MENYELAMAT TEMPUR/MOOTW		
DOMAIN MARITIM		PEPERANGAN ANTI-UDARA/PEPERANGAN ANTI-PERMUKAAN/PEPERANGAN ANTI-KAPAL SELAM	
		RONDAAN/MENCARI DAN MENYELAMAT	
		PEPERANGAN PERIUK API	
		PEGANGKUTAN LAUT STRATEGIK/ OPERASI AMFIBI/MOOTW	
DOMAIN DARAT	MOOTW/CBRNe		
	PERTAHANAN UDARA BERASASKAN DARATAN/PERTAHANAN PANTAI		
		MOBILITI PERAIRAN/ OPERASI AMFIBI	
	PEGANGKUTAN UDARA TAKTIKAL/TINJAUAN TEMPUR		
	KEUPAYAAN MOBILITI & MANUVER DARAT/KUASA TEMBAKAN		
	TERAS	LANJUTAN	HADAPAN

10. Kerajaan memahami keperluan untuk menangani jurang keupayaan bagi mengelakkan tahap kesiagaan daripada terus merosot. Langkah ini termasuklah penggantian aset lama dan usang di samping mengekalkan keupayaan aset operasi semasa. Walau bagaimanapun, menyedari cabaran ekonomi yang dihadapi negara, rancangan jangka panjang perolehan dan pengekalan keupayaan yang diperlukan untuk sepuluh tahun akan datang perlu realistik dan sentiasa dikaji semula secara berkala.

11. Kerajaan akan menyediakan sokongan prasarana yang lengkap seperti kem, pangkalan, Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dan lain-lain yang diperlukan untuk pelaksanaan operasi semasa dan masa hadapan. Usaha ini melibatkan atur gerak semula ketumbukan ATM ke Sabah dan Sarawak yang memerlukan kem, pangkalan dan RKAT baharu. Sokongan prasarana adalah antara elemen penting dalam memastikan kesiagaan angkatan dan kejayaan operasi dua wilayah.
12. Dalam membangunkan keupayaan yang diperlukan, ATM akan menggunakan pakai teknologi moden seperti AI, dron dan teknologi pengawasan terkini dalam mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja dalam pelaksanaan operasi yang berkaitan.

Postur Angkatan

13. Malaysia menolak penggunaan tindakan kekerasan dalam menyelesaikan sebarang pertikaian atau konflik. Sebaliknya, Malaysia mengambil pendekatan penyelesaian secara aman dalam menangani semua bentuk pertikaian. Kerajaan menzahirkan iltizam ini dengan menggunakan pakai postur defensif, iaitu Cegah Rintang Berpadu yang menjadi salah satu tonggak utama strategi pertahanan negara. Sejajar dengan prinsip Berasaskan Kepentingan, ATM akan melindungi kepentingan negara secara sistematik mengikut kawasan teras, lanjutan dan hadapan.

Kawasan Teras

14. ATM dipertanggungjawabkan untuk melindungi kepentingan negara terutamanya mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah meliputi daratan, perairan wilayah dan ruang angkasa di atasnya. Kawasan ini merangkumi sempadan daratan dan maritim yang dikongsi bersama negara jiran, dilitupi hutan hujan tropika yang padat serta bergunung-ganang dengan garis pantai yang panjang. Anasir luar seperti kumpulan militan, mampu menyusup masuk dan bertapak di dalam kawasan hutan di Malaysia bagi menjalankan operasi insurgensi. Insiden pencerobohan Lahad Datu pada tahun 2013 merupakan satu pengalaman getir bagi Malaysia dan telah memberikan satu pengajaran berguna tentang pentingnya ketumbukan Angkatan Masa Hadapan untuk terus membangunkan keupayaan pertempuran hutan dan melawan insurgensi (*Counter-Insurgency*, COIN) yang kekal relevan dalam zaman moden ini.
15. Kawasan daratan mengalami urbanisasi akibat dari kemunculan bandar-bandar besar berikutan kepesatan pembangunan ekonomi negara. Situasi ini menimbulkan cabaran baharu kepada ATM terutamanya dalam kemampuan bertempur di kawasan bandar dengan berkesan. Kesan operasi di kawasan terbina (*Operations in Built-Up Areas*, OBUA) yang tidak teratur boleh mengakibatkan kehancuran seperti yang berlaku di Mosul dan di Marawi pada tahun 2017. Oleh yang demikian, Angkatan Masa Hadapan mestilah berupaya untuk melaksanakan OBUA dan pertempuran jarak dekat (*Close-Quarter Battle*, CQB) dengan lebih cekap bagi memenuhi keperluan peperangan masa kini dan masa hadapan.
16. Sebagai sebuah negara maritim, dengan wilayah utamanya dipisahkan oleh Laut China Selatan dan mempunyai lebih daripada 800 buah pulau di sepanjang perairannya, ATM akan mewujudkan Angkatan Amfibi bagi melindungi kepentingan negara melangkaui kawasan teras. Angkatan Amfibi ini perlu dilengkapi **Kapal Sokongan Pelbagai Guna** (*Multi Role Support Ship*, MRSS) yang baharu kerana kapal bantuan logistik sedia ada tidak direka untuk pelaksanaan operasi amfibi.² Selain itu, MRSS juga penting dalam pelaksanaan operasi dua wilayah dan MOOTW apabila diperlukan.

²Kapal KD Sri Indera Sakti (1503) dan Kapal KD Mahawangsa (1504) yang telah beroperasi sejak tahun 1980 dan 1983 telah melebihi tempoh masa perkhidmatan.

17. Dalam tempoh pelaksanaan KPP ini, keutamaan diberikan kepada peningkatan keupayaan pengesanan dengan menggunakan sistem ISTAR yang moden yang disokong dengan keupayaan membuat keputusan pantas melalui rangkaian komunikasi di bawah inisiatif NCO. Dalam penggal pertama KPP ini, ATM akan meningkatkan aspek keupayaan pengesanan. Untuk tujuan ini, Angkatan Masa Hadapan memerlukan penambahan **sistem radar pertahanan udara, sistem radar pengawasan pantai dan sistem tanpa pemandu (*unmanned system*)** yang baharu untuk menyokong operasi di kawasan teras. **Peralatan komunikasi** semasa juga perlu ditingkatkan untuk mencapai komunikasi selamat dan liputan yang lebih meluas.
18. ATM perlu meningkatkan keupayaan kuasa tembakan tidak langsung bagi atur gerak pantas dan menembak sasaran melangkaui daratan untuk menghalang pihak yang mengancam daripada menghampiri kawasan teras. Angkatan Masa Hadapan memerlukan **155mm Self-Propelled Howitzer (SPH)** sebagai bantuan tembakan tidak langsung yang utama yang juga boleh digunakan untuk pertahanan pantai. ATM juga perlu menggantikan **105mm Light Howitzer** yang telah usang dengan senjata baharu yang mempunyai jarak tembakan yang lebih jauh dan mempunyai ketepatan menembak yang lebih baik. ATM akan mengekalkan Sistem Roket Lancar Berganda (*Multiple Launch Rocket System, MLRS*) sedia ada untuk kuasa tembakan tidak langsung jarak jauh.
19. Penggunaan pesawat pejuang moden dan Senjata Jarak Jauh (*Stand-Off Weapon, SOW*) bermakna ATM perlu memiliki keupayaan pertahanan udara yang lebih ampuh untuk mempertahankan kawasan teras dan ruang udara di atasnya. Angkatan Masa Hadapan memerlukan sistem **Pertahanan Udara Jarak Sederhana (*Medium Range Air Defence, MERAD*)** baharu yang boleh menewaskan ancaman udara dari jarak sederhana. ATM akan mengekalkan sistem Pertahanan Udara Jarak Sangat Dekat (*Very Short Range Air Defence, VSHORAD*) sedia ada untuk perlindungan angkatan. Dengan penambahan MERAD, ATM akan memperoleh sistem pertahanan udara berlapis bersepadu seperti yang ditetapkan dalam Strategi Pertahanan Udara Nasional (SPUN).
20. Mobiliti dan kuasa tembakan penting untuk maneuver dan bertempur dalam peperangan moden. ATM perlu menggantikan **Kenderaan Perisai (*Armoured Vehicle, AV*)** yang uzur kepada yang lebih baharu dengan perlindungan yang lebih baik, meningkatkan daya tembak, ketahanan yang lebih tinggi dan kemampuan amfibi. Keperluan ini bagi memastikan pasukan Armor dan Mekanize boleh diatur gerak di seluruh kawasan teras yang bentuk muka buminya boleh menjadi sangat mencabar terutama di Sabah dan Sarawak. Angkatan Masa Hadapan juga memerlukan **Helikopter Pengangkut Taktikal (*Tactical Transport Helicopter*)** untuk diatur gerak secara cepat dan bot tempur untuk operasi sungai dan pantai. Sementara itu, ATM akan mengekalkan kenderaan perisai sedia ada untuk keperluan operasi semasa. **Kenderaan Pembawa Trup (*Troop-Carrying Vehicle, TCV*)** dan kelengkapan jambatan jurutera tempur perlu ditambah untuk meningkatkan daya mobiliti dalam kawasan teras.
21. Bagi melindungi ruang udara dan menyokong operasi daratan, operasi maritim dan operasi amfibi di kawasan teras, Angkatan Masa Hadapan memerlukan **Pesawat Tempur Ringan (*Light Combat Aircraft, LCA*)** untuk Bantuan Udara Rapat (*Close Air Support, CAS*), Serangan Udara Medan Tempur (*Battlefield Air Interdiction, BAI*) dan operasi pemintasan untuk menyokong Pesawat Tempur Pelbagai Guna (*Multi Role Combat Aircraft, MRCA*). LCA juga akan melaksanakan peranan berganda sebagai pesawat latihan pejuang (*Fighter Lead-In Trainer, FLIT*) yang kini ditugaskan kepada pesawat BAE Hawk 108/208 dan Aermacchi MB-339CM. Pesawat baharu ini akan menjadi aset yang dapat mencapai keberkesanan kos serta boleh digunakan untuk pelbagai jenis misi, operasi dan latihan. ATM memerlukan LCAs dengan kadar yang segera untuk meningkatkan program latihan juruterbang dan memastikan pesawat tempur yang mencukupi untuk operasi akan datang.

22. Bagi operasi maritim di dalam kawasan teras, ATM akan mengatutgerak **Kapal Misi Pesisir (*Littoral Mission Ship, LMS*)** yang boleh menjalankan pelbagai misi termasuk SAR dan HADR, antikeganasan dan antipelanunan, pengumpulan risikan dan peninjauan, hidrografi dan antiperiuk api. LMS adalah reka bentuk modular dan boleh dilengkapi dengan senjata dan sistem tambahan untuk memenuhi keperluan operasi masa hadapan. Oleh sebab keperluan operasi yang mendesak, ATM perlu memperoleh LMS tambahan dalam tempoh KPP ini. Angkatan Masa Hadapan juga memerlukan **Bot Pemintas Pantas (*Fast Interceptor Craft, FIC*)** dan **Bot Pasukan Khas (*Special Force Boat, SFB*)** yang sesuai untuk melaksanakan operasi di laut pesisir. ATM juga merancang untuk memperoleh **Kenderaan Bawah Permukaan Autonomi (*Autonomous Underwater Vehicle, AUV*)** dan **Kenderaan Pemusnah Periuk Api (*Mine Disposal Vehicle, MDV*)** untuk menyokong operasi maritim di kawasan teras.

Kawasan Lanjutan

23. ZMM sangat luas meliputi ZEE, pelantar benua dan ruang udara di atasnya. Keupayaan udara dan maritim diperlukan untuk meningkatkan MDA untuk memberi gambaran operasi yang lebih baik di kawasan lanjutan. ATM perlu mencapai Kawalan Laut (*Sea Control*) di permukaan dan bawah permukaan melalui Penafian Laut (*Sea Denial*) dan Penegasan Laut (*Sea Assertion*). Justeru, ATM bergantung pada dua kelas kapal perang iaitu Kapal Tempur Pesisir (*Littoral Combat Ship, LCS*) dan Kapal Ronda Generasi Baru (*New Generation Patrol Vessel, NGPV*) yang mampu melaksanakan operasi di kawasan ini dengan jarak, ketahanan dan keupayaan yang diperlukan. LCS baru yang dilengkapi dengan helikopter dan memiliki keupayaan Peperangan Anti Udara (*Anti-Air Warfare, AAW*), Peperangan Anti Permukaan (*Anti-Surface Warfare, ASuW*) dan Peperangan Anti Kapal Selam (*Anti-Submarine Warfare, ASW*) untuk kegunaan setiap misi yang dilaksanakan. Sementara itu, NGPV sedia ada juga boleh dilengkapi dengan sistem senjata tambahan jika diperlukan. LCS baru ini bakal menggantikan frigat dan korvet yang lebih berusia secara berperingkat.



24. MDA akan dipertingkatkan lagi dengan **Pesawat Ronda Maritim (*Maritime Patrol Aircraft, MPA*)** dan **Sistem Udara Tanpa Pemandu Aras Sederhana Ketahanan Tinggi (*Medium Altitude Long Endurance Unmanned Aerial System, MALE UAS*)** untuk melaksanakan rondaan pengawasan maritim dari udara. ATM memerlukan **Helikopter Misi Maritim** untuk meningkatkan keupayaan kapal tempur baru yang dijangka beroperasi pada akhir tempoh KPP ini. Setiap sistem penerima (*sensor*) dan sistem komunikasi dari kapal tempur, MPA, MALE UAS dan helikopter akan dirangkaikan ke Pusat NCO ATM untuk MDA yang lebih menyeluruh di kawasan lanjutan. Sistem Radar Pertahanan Udara tambahan akan membantu mencapai liputan radar yang menyeluruh dan pengawasan ruang udara sepanjang masa 24/7, kawalan ruang udara dan tindakan penguatkuasaan.
25. Kerajaan memperakui bahawa melindungi dan mempertahankan kawasan lanjutan adalah sangat mencabar untuk ATM. Sehubungan itu, kerjasama dengan agensi keselamatan yang lain seperti APMM dan pihak berkuasa seperti Jabatan Perikanan dapat memperluaskan liputan untuk melindungi ZMM. ATM juga dipertanggungjawabkan untuk membantu tugas penguatkuasaan bagi menyokong agensi keselamatan yang lain.



Kawasan Hadapan

26. Untuk melindungi dan mempertahankan kepentingan nasional di luar negara dan memenuhi tanggungjawab global serta melaksanakan operasi di kawasan hadapan, ATM bergantung pada kuasa udara (MRCA, Pesawat Pengangkut Bahan Api, Pesawat Pengangkut Strategik), Angkatan Kapal Selam, dan Pasukan Khas. Untuk mempertahankan kawasan hadapan secara efektif, MRCA berupaya melaksanakan serangan strategik dan Gerak Balas Serangan Udara (*Offensive Counter Air, OCA*) terhadap sasaran udara, maritim dan darat. Pada masa kini, ATM bergantung kepada pesawat F/A-18D dan SU-30MKM untuk misi ini dan penggantian akan dibuat setelah pesawat-pesawat ini mencapai tempoh tamat perkhidmatan pada Rancangan Malaysia ke-14 dan ke-15.³ MRCA adalah sebahagian daripada elemen penting bagi mencapai kekuasaan udara (*control of the air*) yang merangkumi radar (*sensor*) dan pesawat pejuang (*shooter*).

³ TUDM berhasrat untuk melengkapkan No 18 Skuadron kepada 18 buah pesawat Hornet dalam RMKe-12. Kombinasi F/A-18D dan SU-30MKM adalah paling ampuh di rantau ini yang memberi kelebihan kepada Malaysia berbanding negara-negara terdekat.

⁴ KD Tunku Abdul Rahman dan KD Tun Razak dibina berasaskan kapal selam Scorpene yang direka bentuk oleh DCNS Perancis merupakan kapal selam terancang di rantau Asia Tenggara.

27. Bagi serangan jarak jauh dan cegah rintang oleh angkatan laut di kawasan hadapan, ATM kini mengoperasikan dua kapal selam kelas Perdana Menteri dengan keupayaan antiperiuk api serta antipermukaan dan antikapal selam untuk melaksanakan maneuver jarak jauh secara halimunan.⁴ Kedua-dua kapal selam ini telah ditauliahkan masing-masing pada tahun 2009 dan 2010, yang memberi ATM keupayaan unggul dalam memantau pergerakan kapal perang dan kapal selam asing yang melalui perairan negara.
28. ATM memberi keutamaan tinggi kepada kemampuan Pasukan Khas dalam melaksanakan operasi khas di kawasan hadapan. Pasukan Khas memberi kelebihan kepada kerajaan dalam melindungi kepentingan negara di kawasan hadapan. Keutamaan akan diberikan kepada Pasukan Khas ATM dalam perolehan senjata dan peralatan khusus untuk melaksanakan operasi mereka. Di samping itu, latihan dan pembangunan keupayaan akan diteruskan dengan Pasukan Khas negara sahabat dan rakan pertahanan.
29. ATM sentiasa menyokong *United Nations Peace Keeping Operations* (UN PKOs) di seluruh dunia dan operasi pemantauan badan antarabangsa yang lain. ATM mengambil bahagian secara aktif dalam misi PKO, staf dan pegawai pemerhati ketenteraan sejak tahun 1960 dengan penempatan utama sebuah batalion di *United Nations Interim Force in Lebanon* (UNIFIL). ATM akan terus menyokong komitmen dasar luar Malaysia untuk keamanan sejagat serta keselamatan kolektif.
30. Keupayaan operasi ATM di kawasan hadapan telah terbukti berkesan dan berjaya melindungi kepentingan rakyat dan negara di luar negara. Pasukan Khas ATM adalah antara anggota keselamatan Malaysia yang pertama berada di Wilayah Donetsk, untuk merundingkan pemulangan “kotak hitam” pesawat dan jenazah kakitangan dan penumpang MH17 pada tahun 2015. Pesawat TUDM telah membawa pulang 3,482 rakyat Malaysia yang terperangkap dalam konflik di Mesir melalui Op Piramid pada tahun 2011. ATM juga terlibat dalam operasi antipelanun di Teluk Aden, Laut Arab dan Lautan Hindi semasa Op Fajar. Kapal TLDM dan Pasukan Khas ATM diatur gerak untuk mengiringi kapal-kapal dagang Malaysia dan negara lain di sepanjang perairan berisiko tinggi dan berjaya menyelamatkan MT Bunga Laurel dan anak kapalnya daripada rampasan lanun Somalia pada tahun 2011 tanpa sebarang pertumpahan darah.

Perisikan Pertahanan

31. Perisikan yang boleh dipercayai dan boleh dilaksanakan merangkumi semua spektrum ancaman adalah penting untuk menjaga kepentingan negara, dalam dan luar. Pengumpulan dan analisis maklumat, keselamatan dan risikan-balas serta operasi perisikan khas perlu dilaksanakan di seluruh kawasan lapisan berpadu. Risikan juga boleh dilaksanakan melalui kerjasama dengan agensi perisikan di peringkat negara, serantau dan antarabangsa.
32. Aset dan peralatan yang lebih canggih diperlukan untuk meningkatkan pengumpulan risikan pada tahap taktikal, operasional, dan strategik. Aset-aset ini diperlukan untuk mengesan tindakan subversif atau campur tangan asing sebelum menjangkau perairan negara. Antara aset yang diperlukan termasuklah Sistem Maklumat Geografi (*Geographic Information System*, GIS), Sistem Pemantauan Satelit dan pengembangan Pusat Perisikan Bersepadu (*Integrated Intelligence Centre*, IIC).


Network-Centric Operations (NCO)

33. Perangkaian sistem perintah dan kawalan adalah penting untuk memastikan kelancaran pelaksanaan perintah dan penyelarasan bersama daripada pelbagai Perkhidmatan ATM dalam melaksanakan operasi pelbagai domain. Kesenambungan dan kelancaran integrasi operasi dari peringkat taktikal ke strategik memerlukan peralatan dan sistem komunikasi yang baharu serta peningkatan komunikasi satelit yang selamat untuk dioperasikan dalam lingkaran membuat keputusan, perintah dan kawalan serta penyampaian maklumat secara optimum. Perkara ini membolehkan keputusan dibuat dengan lebih cepat untuk menghasilkan tempo operasi yang lebih pantas.
34. ATM perlu meningkatkan keupayaan Pusat NCO melalui perolehan peralatan dan prasarana termasuk keupayaan *remote sensing* yang diperlukan bagi Pemerintahan, Kawalan, Komunikasi, Pengkomputeran, Perisikan, Pengawasan, Peninjauan dan Penyasaran (*Command, Control, Communications, Computer, Intelligence, Surveillance, Reconnaissance and Targeting, C4ISRT*). Pusat NCO ini juga bakal mengendalikan Operasi Bersama yang optimum menggabungkan domain darat, maritim, udara dan siber elektromagnetik untuk mencapai kesedaran situasi yang maksimum dan proses membuat keputusan yang cepat dalam mengatasi dan menewaskan ancaman pelbagai domain.
35. Sistem rangkaian perintah dan kawalan penting untuk memastikan kelancaran perintah dan penyelarasan bersama unit ketenteraan pelbagai Perkhidmatan di beberapa medan operasi. NCO ialah sistem yang menggunakan penderia rangkaian untuk mencapai kesedaran bersama di kawasan operasi dan pusat kawalan. Pada masa kini, keupayaan NCO telah dibangunkan berdasarkan persekitaran operasi bersama secara eksperimen bagi membolehkan ATM beroperasi bersama dan operasi bersepadu melalui perkongsian maklumat masa nyata untuk beroleh keputusan cepat dan tindakan tepat bagi mencapai impak yang maksimum.
36. C4ISRT menyumbang secara signifikan ke arah keunggulan maklumat dalam mencapai keberkesanan misi. Elemen ini bermatlamat untuk mendapatkan kelebihan berbanding pihak lawan di kawasan operasi. Kerajaan komited dalam meningkatkan keupayaan NCO yang diperlukan dalam tempoh KPP.

Domain Siber Elektromagnetik

37. ATM, melalui kerjasama rapat dengan NACSA dan agensi berkepentingan lain, memainkan peranan penting dalam menyokong perlindungan CNII dari serangan siber dan elektronik yang berterusan. Operasi ATM bergantung kepada kesambungan internet dan komunikasi siber yang selamat dalam memastikan keanjalan tindakan dalam operasi harian. NCO juga memerlukan penggunaan prasarana siber yang sangat besar bagi pautan data. Semua nod ini adalah terdedah kepada tipu helah, eksploitasi atau serangan siber. Secara jelasnya domain siber adalah satu wilayah kedaulatan baru yang perlu dipertahankan dan dilindungi sepanjang masa.
38. Justeru, ATM merancang untuk menubuhkan Pemerintahan Siber Elektromagnetik (PSE) bagi memperkasa dan menyelaraskan CEMA. Tanggungjawab PSE yang dirancang untuk ditubuhkan akan meliputi operasi-operasi berikut:
 - i. **Meningkatkan Operasi Siber.** Melaksana operasi pertahanan siber, operasi eksploitasi siber, operasi serangan siber serta pembangunan kepakaran siber, selaras dengan konsep pertahanan aktif seperti yang terkandung dalam MCSS;

- ii. **Meningkatkan Keupayaan Peperangan Elektronik.** Melaksana perlindungan elektronik, Sokongan Peperangan Elektronik (PE) dan serangan elektronik; dan
 - iii. **Meningkatkan Pengurusan Spektrum.** Merancang, menyelaraskan dan menguruskan penggunaan Spektrum Elektromagnetik melalui prosedur operasi, kejuruteraan dan pentadbiran bagi menyahkonflik semua sistem ini.
39. Di bawah PSE, ATM bakal menubuhkan Pusat Sokongan Peperangan Elektronik (PSPE), Pusat Peperangan Elektronik dan Siber (PPES) serta Pusat Penggabungan Maklumat Aktiviti Siber Elektromagnetik (PPM-ASE) yang akan mengoperasi CEMA, seperti di Rajah 4.2.



Rajah 4.2: Pengoperasian Aktiviti Siber Elektromagnetik ATM.

Pemangkin Bagi Membangunkan Angkatan Masa Hadapan

40. Keupayaan dan aset yang diterangkan dalam dokumen KPP untuk Angkatan Masa Hadapan adalah keperluan ATM bagi mendukung Visi Pertahanan Negara. **KPP menyatakan keperluan realistik yang diperlukan ATM untuk melaksanakan Cegah Rintang Berpadu berteraskan keupayaan sebenar.** Kerajaan akan terus mengukuhkan struktur dan postur angkatan agar ATM dapat melindungi kepentingan negara, terutamanya mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah.
41. ATM akan terus bersandar kepada perkongsian berwibawa untuk meningkatkan keupayaan pertahanan negara. Pada masa yang sama, ATM akan mengkaji semula peranan sekundernya yang melibatkan aset dan kelengkapan yang bernilai tinggi dan kritikal dalam membantu tugas pihak berkuasa awam serta peranan dalam pembangunan negara bangsa.
42. Perancangan keupayaan pertahanan yang diterangkan dalam bab ini akan memacu penyusunan semula dan penyediaan keupayaan ATM untuk pembangunan Angkatan Masa Hadapan. Pembangunan keupayaan pertahanan yang dikenal pasti ini membolehkan ATM mencapai objektif yang ditetapkan berteraskan kepentingan negara manakala pembiayaan yang mapan, menjamin kejayaan perancangan ini.

BAB 5



WARGA PERTAHANAN

1. Pertahanan negara adalah demi rakyat, yang memerlukan penglibatan rakyat, selaras dengan penekanan terhadap perkongsian tanggungjawab keselamatan. Bab ini menjelaskan peranan warga pertahanan yang terdiri daripada rakyat dan warga kerja pertahanan dalam mempertahankan negara. Bab ini turut menjelaskan bagaimana kedua-dua kumpulan ini memainkan peranan sebagai unsur teras dalam **Pertahanan Komprehensif**, iaitu tonggak kedua dalam strategi pertahanan negara.
2. Warga kerja pertahanan negara terkenal dengan tahap profesionalisme yang tinggi, kebolehsesuaian dan berintegriti. Warga kerja pertahanan memainkan peranan utama mempertahankan kedaulatan dan kepentingan negara juga menyumbang ke arah pembangunan negara bangsa dan turut membantu pihak berkuasa awam dalam memastikan keselamatan negara.
3. Warga kerja pertahanan merangkumi anggota ATM yang terdiri daripada tiga Angkatan Tetap; Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia termasuk Simpanan Angkatan Tetap, Angkatan Sukarela, veteran dan kakitangan awam dalam sektor pertahanan.
4. Integrasi warga kerja pertahanan dan kolaborasinya bersama rakyat adalah kunci bagi memastikan pertahanan Malaysia yang komprehensif, berkesinambungan dan mampan. Bagi memastikan kesiapsiagaan pertahanan, warga kerja perlu bekerjasama rapat untuk meningkatkan kekuatan keseluruhan dengan membentuk langkah-langkah inovatif bagi menghadapi risiko dan ketidakpastian. Rakyat perlu mengekalkan tahap kesedaran keselamatan yang tinggi di samping terlibat dalam inisiatif pertahanan dan keselamatan. Hal ini akan memastikan ketahanan keseluruhan negara berupaya dicapai.
5. Bab ini memberi penekanan kepada Pertahanan Komprehensif sebagai salah satu pendekatan utama KPP. Kerajaan komited untuk memberi tumpuan kepada setiap aspek pendekatan keseluruhan negara. Tanggungjawab mempertahankan negara tidak hanya diletakkan ke atas ATM malahan agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat secara keseluruhannya.

Angkatan Tetap

6. Untuk membangunkan keupayaan baharu bagi operasi masa hadapan, ATM akan menjajarkan struktur semasa dan mengkaji semula penempatan anggota untuk dekad akan datang. Bagi memenuhi tuntutan masa hadapan dan pemerkasaan pengurusan sumber manusia, adalah penting untuk meningkatkan kesiapsiagaan ATM secara berterusan. Kesiagaan operasi dan pencapaian misi hanya boleh dicapai sekiranya anggota ATM direkrut, dibentuk dan dikekalkan kemahiran anggota ATM bagi meningkatkan kemampuan keseluruhan negara dalam mendepani segala cabaran mendatang. Hal ini memerlukan ATM melihat kembali konsep bina, latih dan kekal (*raise, train and maintain*) ke arah Pertahanan Komprehensif.
7. Bagi memenuhi keperluan masa hadapan ATM, Kerajaan akan mengkaji semula peranan Pasukan Simpanan Angkatan Tetap (SAT). SAT ini terdiri daripada bekas tentera yang dikehendaki untuk berkhidmat dalam SAT untuk tempoh lima tahun selepas menamatkan perkhidmatannya.
8. Kerajaan juga akan mempertingkatkan aktiviti kerjasama awam-tentera (*Civil-Military Cooperation, CIMIC*) bagi menyokong tonggak Pertahanan Komprehensif. Aktiviti CIMIC merupakan wadah utama ATM dalam sinergi dengan agensi kerajaan dan rakyat.

9. Bagi mengharungi cabaran persekitaran keselamatan yang sentiasa berubah, Kerajaan akan terus memodenkan ATM melalui pengambilan, pembangunan kerjaya dan pengekalan anggota bersesuaian dengan keperluan Angkatan Masa Hadapan.

Pengambilan Anggota

10. Kerajaan akan menekankan pengambilan calon yang berkeelayakan dan kompeten terutamanya dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, pengurusan dan kemahiran-kemahiran lain yang berkaitan bagi memastikan Angkatan Tetap yang mampan dan bersesuaian dalam melaksanakan Objektif Pertahanan Negara yang digariskan dalam KPP ini.
11. Kerajaan mengambil serius peningkatan penggunaan teknologi, maklumat dan komunikasi (TMK) dan aplikasinya dalam pelaksanaan operasi ketenteraan semasa dan masa hadapan. Oleh yang demikian, penekanan akan diberikan terhadap pengambilan anggota Angkatan Tetap berpandukan sembilan teras dalam IR 4.0.
12. Sebagai usaha menyerlahkan kepelbagaian dalam ATM, Kerajaan akan menjadikan ATM sebagai satu kerjaya pilihan bagi menarik penyertaan daripada latar belakang yang berbeza. Pada masa ini, Kerajaan sedang menjalankan usaha-usaha bagi mencapai sasaran 10% golongan wanita menyertai ATM dalam masa terdekat. Bagi menggalakkan penyertaan wanita sebagai tenaga kerja, Kerajaan akan terus menyediakan sokongan yang sewajarnya kepada wanita dalam ATM. Sokongan ini termasuk peluang peningkatan kerjaya yang saksama, kemudahan bilik penyusuan dan subsidi perkhidmatan penjagaan anak.

Pembangunan Kerjaya

13. Dalam aspek pembangunan dan peningkatan kerjaya, Kerajaan memperaku kepentingan pendidikan. Pembangunan anggota ATM yang profesional dilaksanakan melalui kombinasi latihan, pendidikan dan program pembangunan sendiri. Keutamaan akan diberikan kepada peningkatan kepakaran teknikal dan pengurusan.
14. Pada masa ini, usaha pembangunan anggota ATM sedang mengalami perubahan disebabkan senario operasi yang semakin kompleks dan teknologi yang semakin canggih yang memerlukan keupayaan teknikal, analisis dan kepimpinan yang lebih tinggi sejajar dengan pembentukan askar pintar dan agenda nasional ke arah “masyarakat berasaskan pengetahuan”.
15. Kombinasi faktor ini telah mewujudkan keperluan tahap pengetahuan dan kemahiran yang berbeza berbanding dengan keperluan dahulu. Menyedari hakikat ini, ATM akan terus mendukung konsep angkatan berpengetahuan (*Knowledge Force, K-Force*) yang memberi penekanan terhadap penerapan ilmu berkualiti tinggi dan memupuk budaya pembelajaran dalam kalangan tenaga kerja. Kerajaan akan menubuhkan kumpulan pakar (contohnya keselamatan siber) dalam sektor pertahanan yang terdiri daripada ahli akademik dan profesional.
16. Bagi memupuk profesionalisme dalam kalangan anggota ATM, Kerajaan akan meneruskan kerjasama dengan universiti-universiti terkemuka dan kolej-kolej pertahanan di seluruh dunia. Anggota tentera yang kompeten akan dikenal pasti dan ditaja untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang yang bersesuaian melalui program Skim Pengajian Tinggi ATM bagi meningkatkan keupayaan dan kompetensi mereka dalam kepakaran masing-masing. ATM sentiasa menggalakkan anggotanya melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.
17. Berdasarkan cabaran persekitaran keselamatan yang tidak menentu, tahap kebergantungan ATM ke atas sistem dan teknologi semakin meningkat. Kerajaan akan terus menyediakan

latihan dan pendidikan yang berkualiti tinggi kepada semua peringkat anggota ATM bagi tujuan penjurusan semula individu dan organisasi.

18. Kerajaan juga akan terus memperkukuhkan institusi latihan dan pendidikan ketenteraan melalui kerjasama dengan institusi akademik yang diiktiraf bagi menyediakan pendidikan terbaik dalam bidang berkaitan. Ini bagi memastikan anggota ATM dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.
19. Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS) merangkumi Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT), Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) dan Maktab Ketahanan Nasional (MKN) menawarkan pelbagai program dalam pengajian strategik dan pertahanan. Objektif PUSPAHANAS adalah untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan dan pengajian bidang strategik dan ketenteraan yang dinamik melalui program-program pembangunan kepimpinan bagi meningkatkan profesionalisme ATM dan pihak berkepentingan dalam bidang keselamatan serta pertahanan.
20. Kerajaan akan menyediakan pelan transformasi tenaga kerja yang komprehensif bagi merealisasikan aspirasi ATM untuk menjadi angkatan yang lebih berpengetahuan dan profesional supaya dapat menghadapi cabaran masa akan datang. Pelan transformasi ini akan menambah baik pengurusan sumber manusia ATM bagi tujuan **penjurusan semula** tenaga kerja sedia ada.
21. Bersandarkan keseluruhan konteks ini, peluang kenaikan pangkat turut menjadi insentif bagi peningkatan kerjaya individu. Oleh itu, setiap anggota adalah layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat mengikut proses-proses yang sewajarnya. Penghargaan yang setimpal juga akan diberikan kepada anggota ATM yang menunjukkan prestasi kerja cemerlang.

Pengekalan Anggota ATM

22. Kerajaan komited untuk mempromosikan kerjaya ketenteraan sebagai kerjaya pilihan yang bertujuan untuk menarik bakat baru serta mengekalkan anggota sedia ada yang berkemahiran tinggi dan berbakat. Oleh yang demikian, kerjaya ATM mestilah cukup menarik dan memberi motivasi bagi mengekalkan anggota untuk berkhidmat dalam jangka panjang.
23. Mengekalkan anggota tentera yang berkualiti dan berpengalaman merupakan cabaran besar kepada Kerajaan kerana terdapat permintaan yang tinggi terhadap individu yang mempunyai kemahiran teknikal, analisis dan pengurusan dalam semua sektor pekerjaan.
24. Dengan mengambil kira semua faktor pengekalan, struktur gaji yang kompetitif adalah sangat penting bukan sahaja untuk menghargai profesionalisme dan pengalaman, malah bagi mengiktiraf kompleksiti tugas anggota tentera. Di samping itu, kemudahan yang turut dinikmati oleh ATM termasuklah, tetapi tidak terhad pada:
 - i. Elaun, ganjaran dan insentif khas;
 - ii. Kemudahan kesihatan (akses kepada kedua-dua sistem kesihatan awam dan tentera); dan
 - iii. Kemudahan perumahan (penyediaan RKAT serta pelbagai program perumahan untuk memenuhi keperluan perumahan tentera).

Angkatan Sukarela

25. **Angkatan Sukarela** terdiri daripada Rejimen Askar Wataniah (AW), Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) dan Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Udara Diraja Malaysia (PSSTUDM) yang dianggotai oleh orang awam.
26. Kepentingan Angkatan Sukarela telah digariskan di dalam dasar pertahanan negara yang menekankan pembentukan angkatan yang anjal dengan tumpuan kepada pembangunan Angkatan Sukarela yang kuat, terlatih dan bersemangat tinggi, yang boleh diarahkan untuk penugasan semasa krisis dan konflik. Oleh itu, Kerajaan akan menambah baik keupayaan operasi dan kapasiti Angkatan Sukarela supaya dapat menambah besar (*augment*) Angkatan Tetap.
27. Angkatan Sukarela menjadi penghubung penting antara rakyat dengan tentera dalam merapatkan jurang nilai antara kedua-duanya. Kehadiran Angkatan Sukarela dalam masyarakat dapat menyemaikan nilai-nilai murni ATM dalam jiwa rakyat sekali gus menggalakkan hubungan awam-tentera yang lebih erat.
28. Kerajaan komited untuk memperkukuh peranan dan fungsi utama Angkatan Sukarela, iaitu menambah besar atau diatur gerak bersama Angkatan Tetap semasa darurat atau perang atau apabila keadaan memerlukan serta membantu pihak berkuasa awam semasa kecemasan dan bencana.
29. Selain daripada peranan sedia ada, Kerajaan komited untuk meningkatkan keupayaan Angkatan Sukarela supaya mirip dengan Angkatan Tetap untuk melaksanakan tugas-tugas seperti berikut:¹
 - i. Bersedia untuk diatur gerak dan mengambil alih tanggungjawab atau tenaga pengganti kepada Angkatan Tetap;
 - ii. Membantu dan mengadakan pertahanan (termasuk Pertahanan Udara Aras Rendah atau Pertahanan Tempatan di sesuatu sektor) kepada sasaran dan instalasi penting dan kawasan-kawasan penting dan titik kritikal (*critical points/zones*); dan
 - iii. Melaksanakan dan memberikan sokongan segera dalam pelbagai bidang seperti peninjauan, kawalan akses dan kegiatan antipeninjauan.
30. Angkatan Sukarela ialah platform yang kondusif untuk menyemai semangat patriotisme dalam kalangan belia. Oleh itu, Kerajaan akan meningkatkan usaha untuk menggalakkan golongan belia menyertai Angkatan Sukarela termasuk mengkaji semula kadar elaun secara berterusan. Pada masa yang sama, usaha tambahan akan dilaksanakan bagi memperkukuh patriotisme dan meningkatkan kepelbagaian dalam anggota Angkatan Sukarela.
31. Pengurusan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) akan dikaji semula agar program ini dapat dioptimumkan bagi memenuhi kepentingan negara yang lebih luas. Kerajaan juga akan memberi penekanan terhadap kualiti pengisian program dan peningkatan bilangan pegawai lepasan PALAPES yang berkhidmat dalam Angkatan Sukarela.
32. Kerajaan juga komited untuk terus mengekal dan meningkatkan sokongan serta komitmen majikan kepada Angkatan Sukarela. Antara langkah yang akan diambil termasuk meningkatkan penguatkuasaan dan kesedaran orang ramai terhadap Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77) berkaitan tanggungjawab majikan.²

¹ Manual Panduan Askar Wataniah 2006.

² Seksyen 201B dan 201C Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77) berkaitan tanggungjawab majikan.

33. Angkatan Sukarela masa kini mempunyai pasukan pakar dalam bidang semboyan dan jurutera merangkumi perkhidmatan telekomunikasi, pelabuhan, pengendalian air, bekalan tenaga elektrik dan kereta api. Kerajaan akan menumpukan bidang kepakaran baharu dalam bidang-bidang khusus seperti kejuruteraan satelit, keselamatan siber, integrasi sistem, pengkomputeran awan dan *big data* untuk menghadapi ancaman masa kini dan masa hadapan.
34. Kerajaan akan terus meningkatkan peranan Angkatan Sukarela dan SAT selaras dengan keperluan semasa. Angkatan Sukarela dan SAT kini tidak lagi dianggap sebagai aset yang hanya boleh dikerah semasa konflik, malah mereka dilihat sebagai pelengkap dan sebahagian penting daripada ATM.

Veteran ATM

35. Veteran ialah individu gagah dan berani yang telah berkhidmat dalam ATM dengan mempertaruhkan nyawa dan menyerahkan seluruh jiwa raga mereka untuk menjaga keselamatan dan mempertahankan kedaulatan negara. Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan terus menjaga kebajikan veteran sebagai tanda penghargaan atas pengorbanan ikhlas mereka.
36. Fokus utama Kerajaan adalah untuk meningkatkan taraf sosioekonomi veteran dengan membantu mendapatkan peluang kerjaya berikutnya. Kerajaan akan memainkan peranan lebih aktif dalam menyediakan perkhidmatan konsultasi dan latihan peralihan bagi meningkatkan kebolehpasaran veteran. Kerajaan juga akan meneruskan kerjasama sedia ada serta meneroka peluang kerjaya baharu yang lebih luas untuk veteran.
37. Kerajaan menyedari kepentingan untuk menyediakan penjagaan kesihatan dan keperluan sokongan sosial kepada veteran. Peruntukan penjagaan kesihatan merangkumi bantuan kewangan untuk hemodialisis, rawatan perubatan, peralatan perubatan dan keperluan-keperluan lain akan terus diberi keutamaan.
38. Bagi memastikan keperluan sosial veteran dijaga demi kesejahteraan hidup mereka, Kerajaan akan meneruskan usaha menyediakan bantuan berkaitan sara hidup, bantuan persekolahan, bantuan kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi dan bantuan kecemasan. Kerajaan akan menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kepada veteran melalui kolaborasi dengan pihak-pihak berkaitan.
39. Pada masa yang sama, veteran masih boleh terus memainkan peranan untuk menyumbang kepada masyarakat dan negara dengan menyertai Angkatan Sukarela selepas tempoh SAT atau berkongsi ilmu dan kepakaran dengan sektor awam atau swasta. Veteran juga boleh memainkan peranan yang penting dalam merapatkan jurang antara ATM dan masyarakat serta membantu memberi kefahaman yang lebih baik mengenai ketenteraan dan pertahanan negara.

Kakitangan Awam Dalam Pertahanan

40. **Kakitangan awam yang kompeten** merupakan tunjang kepada MINDEF. Kakitangan awam mempunyai tanggungjawab besar dan peranan penting dalam memastikan ATM dapat melaksanakan tugas dalam mempertahankan negara. Kakitangan awam terdiri daripada pelbagai peringkat yang bertanggungjawab ke atas pembangunan dasar pertahanan negara dan pelan-pelan pembangunan berkaitan pertahanan negara bagi mencapai objektif Kementerian. Bagi tujuan ini, pelan strategik MINDEF dirangka setiap lima tahun sebagai landasan pelaksanaan dasar-dasar yang telah dibangunkan.

41. Bagi memastikan pengurusan pertahanan negara yang berkesan, adalah penting untuk pegawai awam yang keupayaan dan berpengalaman ditempatkan di dalam kluster pertahanan dan keselamatan. Secara umumnya pegawai awam boleh ditempatkan di mana-mana Kementerian. Walau bagaimanapun, sektor pertahanan dan keselamatan adalah unik. Sektor ini perlu mengekalkan pegawai awam khususnya daripada Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran khusus dalam bidang berkenaan yang hanya dapat dibentuk dalam satu tempoh masa yang lama. Oleh yang demikian, Kerajaan beriltizam untuk mewujudkan kluster pertahanan dan keselamatan bagi mengekalkan *institutional memory* dalam kalangan pegawai awam dan memastikan kesinambungan dasar.
42. Dalam usaha untuk membangunkan kepakaran dalam kluster pertahanan dan keselamatan serta mengintegrasikan perkhidmatan awam dan ATM, Kerajaan akan menyediakan latihan dan kursus dalam bidang strategik serta pengajian pertahanan dan keselamatan di samping membangun dan menghasilkan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert*) melalui pelan penggantian menyeluruh dalam sektor pertahanan dan keselamatan.
43. Kerajaan juga akan memberi keutamaan dalam membangunkan kemahiran kakitangan awam dalam bidang sains, teknologi dan industri pertahanan bagi melaksanakan penyelidikan dan pembangunan berkaitan pertahanan.
44. Kakitangan awam juga sering terdedah kepada persekitaran yang mencabar, kerja yang berintensiti tinggi dan tekanan semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Oleh itu, Kerajaan akan terus menyediakan ekosistem kerja yang kondusif serta menjaga kebajikan mereka. Kakitangan awam dalam pertahanan yang berprestasi tinggi akan diberi pengiktirafan dan penganugerahan yang sewajarnya.

Penglibatan Rakyat

45. KPP ini menekankan pertahanan adalah tanggungjawab bersama, satu tindakan bersepadu yang komprehensif melibatkan bukan sahaja keseluruhan kerajaan bahkan turut menuntut penglibatan keseluruhan masyarakat. **Kolaborasi antara rakyat dengan warga kerja pertahanan** mencerminkan pendekatan keseluruhan negara bagi memperkukuh pertahanan negara.
46. Penglibatan berterusan rakyat dalam aktiviti-aktiviti yang menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan keselamatan dan pertahanan serta program dari akar umbi anjuran organisasi masyarakat sivil, melibatkan organisasi masyarakat sivil, kumpulan sosial, dan kerjasama individu bersama agensi-agensi pertahanan dan keselamatan akan menyumbang secara langsung kepada pertahanan negara.
47. Pertahanan Komprehensif bertujuan untuk menyokong pelaksanaan konsep HANRUH, atau Pertahanan Menyeluruh dari aspek Kesiagaan Keselamatan. Aspek lain di bawah HANRUH ialah Perpaduan dan Penyatuan Masyarakat, Kesiapsiagaan Awam, Keutuhan Ekonomi dan Keutuhan Psikologi. Konsep ini menekankan bahawa tanggungjawab mempertahankan negara bukan hanya digalas oleh ATM dan pasukan keselamatan bahkan juga seluruh lapisan masyarakat dari peringkat organisasi hingga individu.
48. Ketahanan siber ialah satu elemen baharu yang perlu diberi penekanan dalam pelaksanaan HANRUH. Sementara pembangunan digital menyediakan peluang baru kepada Malaysia, perkembangan ini juga membawa ancaman keselamatan melalui domain siber elektromagnetik. Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk mengurangkan risiko ancaman tersebut dengan membangunkan langkah ketahanan siber merentasi semua lapisan masyarakat.

49. Kesiagaan keselamatan merujuk kepada tindakan dan persediaan untuk melindungi negara, rakyat dan sumber nasional yang diterajui oleh MINDEF dan ATM. ATM juga bertanggungjawab membantu pihak berkuasa awam menguatkuasakan undang-undang, memberi bantuan semasa bencana alam dan membantu memelihara ketenteraman awam apabila diperlukan, yang secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan negara bangsa..
50. Penglibatan rakyat adalah penting bagi mencapai Pertahanan Komprehensif. Bagi mencapai maksud ini, penggembleran sumber dan usaha boleh dilaksanakan, antaranya:
 - i. **Pihak berkuasa awam.** Memastikan keperluan infrastruktur yang mencukupi dan efektif meliputi pengangkutan, logistik, komunikasi dan bekalan kecemasan barangan kritikal untuk memastikan kelangsungan hidup rakyat;
 - ii. **Sektor swasta.** Menyediakan sokongan dari segi perkhidmatan, produk dan kepakaran serta menyokong dan menggalakkan pekerja untuk menyertai Angkatan Sukarela; dan
 - iii. **Pertubuhan bukan kerajaan.** Menyumbang kepada negara melalui penganjuran kempen kesedaran dan mengambil bahagian secara aktif dalam latihan persediaan kecemasan.
51. Pertahanan Komprehensif berdasarkan konsep perkongsian identiti, mendukung iltizam KPP bagi mencapai sasaran berikut:
 - i. Melestarikan ketahanan dalaman melalui pendekatan keseluruhan negara;
 - ii. Menambah baik koordinasi antara agensi melalui pendekatan keseluruhan kerajaan; dan
 - iii. Mengukuhkan perpaduan nasional berkonsepkan melalui pendekatan keseluruhan masyarakat.
52. Kerajaan menggalakkan semua pihak untuk terlibat secara aktif dalam meningkatkan kesedaran keselamatan dan semangat patriotisme serta menyemarakkan sokongan terhadap pertahanan negara melalui kempen, promosi serta advokasi di semua peringkat masyarakat.
53. Kerajaan tekad untuk menyemai budaya keselamatan dalam kalangan rakyat melalui Pertahanan Komprehensif bagi meningkatkan kesiagaan keselamatan negara. Jatuh bangun sesebuah negara bergantung penuh pada kesatuan, ketahanan dan keampuhan rakyat dalam mendepani segala ancaman masa kini dan mendatang. Menyuburkan budaya keselamatan adalah penting bagi memastikan kedaulatan negara sentiasa terpelihara.
54. Hari Pahlawan disambut bagi memperingati jasa perwira negara yang berkorban dalam mempertahankan tanah air tercinta. Maka, penghargaan setimpal harus diberikan terhadap pengorbanan yang telah dicurahkan. Justeru, rakyat diseru untuk sama-sama menjiwai dan menyumbang dalam pelbagai bentuk secara individu, berkumpulan atau organisasi kepada Hari Pahlawan yang disambut setiap tahun.

BAB 6



HUBUNGAN PERTAHANAN ANTARABANGSA

1. Hubungan pertahanan antarabangsa merupakan satu lagi elemen penting dalam KPP yang meneroka dan mengembangkan **Perkongsian Berwibawa** yang merupakan tonggak ketiga strategi pertahanan negara.
2. Hubungan luar yang terbentuk melalui kerjasama pertahanan dengan negara-negara lain merupakan amalan dan tradisi MINDEF dan ATM. Kerjasama ini memenuhi kepentingan pertahanan negara dengan membentuk persekitaran luar dan hubungan keselamatan yang kondusif, memperkasa pembangunan kapasiti pertahanan negara serta memperkukuh *centrality* ASEAN untuk kestabilan dan kemakmuran serantau.
3. KPP memberi nafas baharu kepada tradisi hubungan pertahanan dengan memperkukuh perkongsian sedia ada dan mewujudkan perkongsian baharu dengan negara-negara lain. KPP menentukan hala tuju untuk meningkatkan kewibawaan dalam kerjasama pertahanan negara. Hala tuju ini akan memangkin transformasi kerjasama pertahanan menuju matlamat yang lebih bermanfaat dan berupaya memacu potensi negara sebagai gerbang penjalin di antara kedua-dua rantau Asia-Pasifik dengan Lautan Hindi. Hala tuju tersebut akan turut mendukung tonggak strategi Cegah Rintang Berpadu dan Pertahanan Komprehensif.
4. Bab ini memberi penekanan terhadap Objektif Pertahanan Negara dalam usaha mencapai perkongsian yang berwibawa dengan negara-negara lain. Seterusnya, bab ini akan menghuraikan kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala Malaysia. Pelbagai lapisan kerjasama dari segi latihan, eksesais, operasi dan inisiatif pertahanan negara yang dapat meningkatkan tahap kesiapsiagaan ATM dan keselamatan serantau juga dijelaskan dalam bab ini.

Matlamat Perkongsian Berwibawa

5. Kerjasama pertahanan negara adalah berwibawa melalui dua pendekatan. Pertama, adalah melalui penglibatan aktif pelbagai aktiviti pertahanan sedia ada di peringkat serantau dan antarabangsa. Kedua, menggalak dan mewujudkan kerjasama pertahanan baharu yang memberi manfaat kepada negara, rantau Asia Tenggara dan komuniti antarabangsa.
6. Kerajaan memacu Perkongsian Berwibawa dengan negara-negara lain ke satu tahap baharu bagi mencapai matlamat berikut:
 - i. Membentuk hubungan pertahanan antara Malaysia dengan negara-negara lain;
 - ii. Mengurus cabaran keselamatan yang dikongsi bersama;
 - iii. Memupuk kestabilan serantau selari dengan undang-undang antarabangsa, konvensi, peraturan dan norma;
 - iv. Meningkatkan keupayaan ATM dan kesiapsiagaan pertahanan; dan
 - v. Mengetengahkan pendirian dan kepentingan Malaysia di arena antarabangsa.

Skop dan Peringkat Hubungan Pertahanan

7. Bagi mencapai matlamat Perkongsian Berwibawa, Kerajaan akan terus menjalinkan kerjasama dengan pelbagai negara bagi membentuk dan memperkukuh hubungan pertahanan di semua peringkat strategik, operasional dan taktikal melalui mesyuarat berkala serta mekanisme-mekanisme sedia ada di peringkat dua hala dan pelbagai hala dan pelaksanaan latihan, eksekusi dan operasi ketenteraan.
8. Kerajaan akan mendalami dan meluaskan kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala yang sentiasa seiring. Dalam hal ini, kerjasama pertahanan dua hala akan ditingkatkan dan dikembangkan secara berterusan supaya menjadi pelengkap mekanisme pelbagai hala, seterusnya memenuhi kepentingan negara. ASEAN berserta mekanisme yang diterajunya menyediakan platform bagi Malaysia untuk bekerjasama dengan lebih erat dengan negara jiran dan rakan antarabangsa bagi menangani cabaran keselamatan di samping mencapai matlamat yang dikongsi bersama.

Hubungan Pertahanan Dua Hala

9. Kerajaan komited untuk memperkasakan kerjasama pertahanan dua hala dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara, luar rantau dan seantero dunia.
10. Setiap kerjasama dua hala memberi peluang yang lebih luas kepada Malaysia untuk meningkatkan kesiapsiagaan angkatan, menambah baik daya tahan keselamatan dan memperluas ruang strategik negara. Kerjasama dua hala ini merangkumi pelbagai aktiviti termasuk penginstitutionan jawatankuasa peringkat tertinggi kerjasama pertahanan, perkongsian dan pertukaran maklumat, wacana pertahanan dan keselamatan, kerjasama sempadan, eksekusi dan operasi bersama, latihan dan program peningkatan kapasiti, kerjasama industri pertahanan, perolehan dan pemindahan aset ketenteraan, serta lawatan kerja dan kunjungan hormat.

Asia Tenggara

11. Rantau Asia Tenggara sentiasa menjadi faktor utama yang mempengaruhi dasar luar kerajaan. Kerajaan akan terus membangunkan hubungan pertahanan dan keselamatan yang kukuh, stabil dan komprehensif dengan semua negara di Asia Tenggara.
12. Hubungan dua hala Malaysia dengan negara-negara Asia Tenggara telah berkembang dan menjadi semakin kukuh melalui dua fasa. Fasa pertama berlaku pada awal era kemerdekaan ketika dunia masih dipisahkan oleh garisan ideologi Perang Dingin. Semasa era ini, kerjasama keselamatan dua hala Malaysia di rantau ini adalah tertumpu kepada jiran terdekat yang merupakan negara-negara pengasas ASEAN iaitu Filipina, Indonesia, Singapura dan Thailand. Fasa kedua pula bermula selepas tahun 1990, apabila Malaysia mula menjalinkan hubungan pertahanan dua hala secara berperingkat dengan Brunei Darussalam, Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam.
13. Kerajaan komited untuk meningkatkan kerjasama pertahanan dua hala dengan semua negara Asia Tenggara pada masa akan datang. Kerjasama dua hala ini adalah sangat signifikan kepada kepentingan pertahanan dan keselamatan negara kerana hubungan ini menyediakan saluran dan peluang kepada Malaysia dan negara-negara jiran untuk berganding bahu mengekang ancaman keselamatan yang dihadapi bersama, seperti keganasan dan jenayah rentas sempadan yang lain.

14. Hubungan kerjasama pertahanan yang erat antara Malaysia dengan Brunei telah bermula secara rasmi pada tahun 1992. Kerjasama pertahanan ini adalah berlandaskan kepada perkongsian sejarah, persamaan rumpun dan budaya, serta faktor geografi yang rapat antara satu sama lain. Melalui Jawatankuasa Kerja Bersama Pertahanan (JKBP), hubungan pertahanan ini terus dipertingkatkan di peringkat strategik, operasional dan taktikal melalui wacana pertahanan dan keselamatan serta operasi bersama, eksekais, latihan dan pertukaran pegawai. Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) turut menyertai Kontinjen ATM dalam misi pengaman di *United Nations Interim Force in Lebanon* (UNIFIL) sejak tahun 2008. Di samping itu, Brunei juga menyertai *International Monitoring Team* (IMT) yang diketuai oleh Malaysia di Mindanao sejak tahun 2004 untuk memantau pelaksanaan perjanjian antara Kerajaan Filipina dengan *Moro Islamic Liberation Front* (MILF), serta membantu dalam pembangunan sosio-ekonomi di Mindanao.
15. Hubungan pertahanan dengan Filipina telah dimeterai secara rasminya melalui Memorandum Persefahaman Berkenaan Kerjasama Pertahanan pada tahun 1994. *Combined Committee on Defence Cooperation* (CCDC) telah ditubuhkan di bawah memorandum persefahaman ini untuk mengawal selia kerjasama pertahanan melibatkan bidang latihan dan eksekais ketenteraan, kursus, pertukaran lawatan kerja serta pegawai dan kerjasama industri pertahanan. Kedua-dua negara juga telah mempererat kerjasama dalam aspek keselamatan maritim, kawalan sempadan, dan aspek keselamatan bukan tradisional khususnya melalui perkongsian dan pertukaran maklumat perisikan berkenaan pelanuran dan ancaman militan di perairan Timur Sabah dan Selatan Filipina. Penubuhan *Trilateral Intelligence Exchange* (INTELEX) antara Filipina, Indonesia dan Malaysia pada tahun 2017 telah menyediakan platform untuk ketiga-tiga negara bagi pertukaran dan perkongsian maklumat yang lebih aktif.
16. Hubungan pertahanan Malaysia dengan Indonesia telah terjalin sejak sekian lama dan sentiasa berada di landasan yang kukuh. Kedua-dua negara berkongsi rumpun yang sama serta saling berkongsi sejarah, budaya, sempadan daratan dan maritim. Hubungan pertahanan dua hala dengan Indonesia telah bermula secara rasmi sejak tahun 1972, apabila kedua-dua negara telah menubuhkan Jawatankuasa Am Sempadan (*General Border Committee*, GBC) untuk memantau pelaksanaan aktiviti di sempadan kedua-dua negara. Selain itu, kerjasama pertahanan ini terus dikembangkan melalui kekerapan pertukaran lawatan kerja dan pegawai antara kedua-dua negara, eksekais dan operasi gabungan, pelbagai latihan ketenteraan bersama dan penglibatan dalam pameran pertahanan. Mekanisme perkongsian dan pertukaran maklumat antara kedua-dua negara telah turut dipertingkatkan merangkumi peringkat taktikal sehingga strategik, dengan fokus utama untuk melawan keganasan dan mengekalkan keamanan. Kerajaan berhasrat untuk memperkukuh hubungan sedia ada melalui instrumen kerjasama pertahanan melibatkan aspek-aspek yang lebih menyeluruh termasuk industri pertahanan.
17. Sebagai jiran yang penting dan berkongsi sejarah yang sama, Malaysia dengan Singapura terus mengekalkan hubungan pertahanan yang bersifat profesional dan mesra. Hubungan pertahanan dua hala merangkumi latihan dan eksekais bersama, pertukaran lawatan kerja dan pegawai, wacana pertahanan serta penglibatan dalam pameran pertahanan. Hubungan pertahanan antara kedua-dua negara banyak tertumpu kepada aktiviti-aktiviti di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA), ADMM dan ADMM-Plus.
18. Berdasarkan kepada kepentingan bersama bagi menjamin keselamatan di sempadan serta kestabilan serantau, Malaysia dan Thailand mengecapi hubungan berasaskan kepercayaan dan keyakinan yang tinggi antara satu sama lain. Hubungan pertahanan Malaysia dengan Thailand bermula secara rasmi pada tahun 1965 menerusi GBC. Mesyuarat jawatankuasa ini diadakan pada setiap tahun untuk membincangkan langkah-langkah bagi memastikan keselamatan di sempadan. Selain latihan, eksekais dan operasi ketenteraan serta pertukaran lawatan kerja dan pegawai, hubungan pertahanan dua hala ini turut merangkumi operasi

Rondaan Maritim Terkoordinasi dan Rondaan Sempadan Bersama. Operasi ini bertujuan untuk mengekang jenayah rentas sempadan seperti aktiviti penyeludupan dan pemerdagangan manusia.

19. Walaupun hubungan pertahanan dua hala antara Malaysia dengan Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam bermula agak lambat berbanding negara anggota ASEAN yang lain, kerjasama pertahanan dengan negara berkenaan telah berkembang dengan konsisten sejak tahun 1990-an. Malaysia akan terus menawarkan latihan dan kursus kepada pegawai dan anggota negara-negara ini pada masa akan datang.
20. Hubungan pertahanan Malaysia dengan Kemboja telah bermula dengan kedua-dua negara menandatangani Surat Niat Kerjasama Pertahanan pada tahun 2015 yang menggariskan antara lain peningkatan kerjasama pertahanan melalui latihan ketenteraan yang lebih aktif serta pertukaran anggota. Malaysia juga telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Laos pada bulan Mac 2019 untuk memperkukuh kerjasama pertahanan sedia ada. Malaysia dengan Myanmar pula telah merintis kerjasama pertahanan melalui latihan ketenteraan dan lawatan kerja. Malaysia juga sedang meneroka untuk meningkatkan kerjasama pertahanan dengan Timor Leste.
21. Hubungan pertahanan yang kukuh dan komprehensif dengan Vietnam adalah penting kepada Malaysia. Malaysia akan terus meningkatkan hubungan pertahanan yang telah dimeterai sejak tahun 2008 melalui Memorandum Persefahaman Kerjasama Pertahanan. Kedua-dua negara telah menunjukkan komitmen untuk memperkasakan dan menaik taraf kerjasama ini ke peringkat strategik dengan mewujudkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (*High Level Committee*, HLC). Antara aspek utama dalam kerjasama Malaysia dengan Vietnam adalah hal ehwal strategik, kerjasama ketenteraan, keselamatan maritim, industri pertahanan dan keselamatan bukan tradisional.

Rantau Asia

22. Malaysia turut komited dalam mengukuhkan kerjasama pertahanan dua hala dengan negara-negara di rantau Asia yang lain, termasuk Asia Timur, Asia Selatan dan Asia Barat.
23. Hubungan Malaysia dengan China telah lama terbentuk sejak dari zaman Kesultanan Melaka dan Dinasti Ming pada abad ke-15. Malaysia merupakan negara anggota ASEAN pertama yang menjalin hubungan diplomatik dengan China pada tahun 1974. Malaysia telah memainkan peranan penting dalam usaha membawa masuk China ke dalam proses dialog yang diterajui ASEAN dalam era pasca-Perang Dingin. Memorandum persefahaman dalam kerjasama pertahanan telah ditandatangani pada tahun 2005, yang kemudiannya telah diperbaharui pada tahun 2016 yang melibatkan peningkatan aktiviti termasuk latihan dan eksesais ketenteraan. Pada tahun yang sama, kedua-dua negara telah memeterai *Framework of Cooperation between the Ministry of Defence Malaysia and the State Administration for Science, Technology and Industry for National Defense of the People's Republic of China (SASTIND) on Joint Development and Construction of Littoral Mission Ships for Royal Malaysian Navy*. Peningkatan kerjasama pertahanan ini adalah sejajar dengan inisiatif *Comprehensive Strategic Partnership (CSP)* yang diperkenalkan pada bulan Oktober 2013 antara Malaysia dengan China. Malaysia dengan China telah membentuk forum untuk pertukaran dan perkongsian maklumat dalam pelbagai aspek keselamatan. Kedua-dua negara akan terus menggalakkan kerjasama pertahanan yang konstruktif melalui langkah-langkah membina keyakinan dan meningkatkan kerjasama pertahanan ke peringkat strategik.
24. Hubungan Malaysia dengan Jepun adalah teguh dan saling bermanfaat kepada kedua-dua belah pihak. Malaysia mengalu-alukan peranan aktif dan konstruktif Jepun dalam hal ehwal serantau termasuk bidang pertahanan. Perbincangan dua hala pertama dalam

bidang pertahanan telah diadakan pada tahun 1999. Kerjasama pertahanan Malaysia dengan Jepun direalisasikan melalui lawatan kerja, latihan serta perkongsian dan pertukaran maklumat. Pada bulan September 2018, kedua-dua negara telah menandatangani Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Pertahanan yang meliputi pelbagai aspek, termasuk kelengkapan dan teknologi pertahanan, pertukaran pegawai serta operasi bersama dalam bidang keselamatan maritim dan bantuan bencana. Kedua-dua pihak juga telah memeterai *Agreement between the Government of Malaysia and the Government of Japan Concerning the Transfer of Defence Equipment and Technology* pada tahun yang sama. Malaysia dan Jepun juga telah menjalinkan kerjasama rapat dalam pelbagai aspek keselamatan termasuk bantuan kemanusiaan dan bencana, melawan keganasan dan misi pengaman. Berdasarkan asas yang kukuh ini, Kerajaan akan terus meningkatkan kerjasama pertahanan dua hala bagi meneroka potensi usaha sama pembangunan kapasiti dalam bidang sains dan teknologi pertahanan, termasuk bidang pendidikan, penyelidikan dan pembangunan, serta pemindahan teknologi dan aset pertahanan.

25. Hubungan pertahanan Malaysia dengan Korea Selatan telah terjalin dalam bentuk perolehan, latihan, lawatan kerja serta perkongsian dan pertukaran maklumat. Malaysia melihat banyak prospek dengan Korea Selatan untuk pembangunan keupayaan pertahanan pada masa hadapan. Oleh yang demikian, kedua-dua belah pihak telah bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang industri pertahanan secara rasmi melalui instrumen kerjasama pertahanan.
26. Kerjasama pertahanan akrab dengan India pula telah bermula secara rasmi pada tahun 1993. Kerjasama di bawah *Malaysia-India Defence Cooperation Meeting* (MIDCOM) adalah berfokus kepada aktiviti-aktiviti pertahanan di semua peringkat, termasuk bidang sains, teknologi dan industri pertahanan. Kerjasama pertahanan ini adalah penting kerana kesamaan dalam aset pertahanan telah meningkatkan kebolehpasaran antara kedua-dua angkatan tentera. Pada tahun 2018, Malaysia dan India telah menandatangani *Memorandum of Understanding between the Government of Malaysia and the Government of India on United Nations Peacekeeping Cooperation* bagi bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman dalam misi pengaman.
27. Hubungan pertahanan yang rapat dengan Pakistan telah dimeterai secara rasmi pada tahun 1997 melalui Memorandum Persefahaman Kerjasama Pertahanan. Di bawah memorandum ini, *Joint Committee on Defence Cooperation* (JCDC) telah ditubuhkan yang memfokuskan kerjasama ketenteraan dua hala juga meliputi bidang sains, teknologi dan industri pertahanan. Malaysia mempunyai hubungan pertahanan dua hala yang rapat dengan Bangladesh. Hubungan ini diperkukuh melalui bantuan kemanusiaan Malaysia kepada pelarian Rohingya di Cox's Bazar dengan pengoperasian Hospital Medan Malaysia (HMM) sejak tahun 2017.
28. Di rantau Asia Barat, Malaysia mengekalkan hubungan pertahanan dua hala yang kukuh dengan beberapa negara, termasuk Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Iran, Qatar dan Turki. Kerajaan juga berhasrat untuk memperluas kerjasama pertahanan dengan negara-negara lain di rantau ini.
29. Hubungan pertahanan dua hala dengan Arab Saudi menjurus kepada aspek melawan keganasan dan ekstremisme, program pertukaran pegawai serta pembinaan kapasiti dalam bidang sains, teknologi dan industri pertahanan. Kerjasama antara kedua-dua negara bermula secara rasmi pada tahun 2016 melalui Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Teknikal Industri Pertahanan dan penganjuran Mesyuarat *Joint Committee Meeting on Defence Industry* yang pertama. Kerjasama pertahanan Malaysia dengan Emiriah Arab Bersatu bermula pada tahun 2013 melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Pertahanan dan disusuli memorandum persefahaman kedua (semakan semula) pada tahun 2014. Fokus kerjasama ialah latihan ketenteraan yang melibatkan ketiga-tiga cabang Perkhidmatan, Pusat Pengaman Malaysia dan Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM. Malaysia juga telah

berinteraksi dengan Iran sejak tahun 1993 bagi meneroka potensi kerjasama dalam bidang sains dan teknologi pertahanan. Malaysia dengan Qatar pula telah menandatangani Surat Niat pada tahun 2017 bagi mempelopori potensi kerjasama pertahanan dalam bidang aktiviti ketenteraan serta bidang sains, teknologi dan industri pertahanan.

30. Malaysia telah menaik taraf kerjasama pertahanan dengan Turki ke peringkat strategik dan komited untuk meningkatkan tahap kerjasama pertahanan terutama dalam bidang sains, teknologi dan industri pertahanan. Turki adalah salah satu negara utama yang menyumbang kepada pembangunan keupayaan pertahanan negara dan kedua-dua negara akan terus meneroka bagi mengembangkan bidang kerjasama antara pemain industri pertahanan merangkumi semua domain. Bagi tujuan ini, Malaysia dengan Turki akan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan kolaborasi antara pemain industri pertahanan kedua-dua negara.

Negara-Negara Lain di Seluruh Dunia

31. Di luar rantau Asia, Malaysia juga mempunyai asas hubungan pertahanan yang kukuh dengan beberapa negara luar rantau, seperti Amerika Syarikat (AS), Australia, New Zealand, Perancis, Rusia dan United Kingdom (UK). Negara-negara ini merupakan rakan kongsi dalam bidang pertahanan sejak kemerdekaan hingga sekarang. Malaysia komited untuk memperkukuh perkongsian sedia ada serta membentuk perkongsian baharu dengan negara-negara lain demi kepentingan negara.
32. Kerjasama pertahanan dengan AS telah lama terjalin dan bersifat komprehensif. AS merupakan salah satu rakan kongsi utama dalam sektor ekonomi dan pertahanan. Hubungan pertahanan dua hala ini telah diinstitusikan sejak tahun 1984 melalui penubuhan *Bilateral Training and Consultative Group* (BITACG) bagi menyelaraskan aktiviti ketenteraan yang antaranya meliputi latihan, kursus dan ekseseis ketenteraan antara Malaysia dengan AS. Kedua-dua negara kemudiannya telah mewujudkan forum konsultasi di peringkat strategik yang dikenali sebagai *Malaysia-US Strategic Talks* (MUSST). Antara bentuk kerjasama adalah membincangkan isu seperti melawan keganasan, keselamatan maritim, bantuan kemanusiaan dan bencana, keselamatan siber, pertukaran dan perkongsian maklumat, pembangunan keupayaan pertahanan dan industri pertahanan. Kerjasama pertahanan pada masa kini diperkasakan melalui program *Building Partner Capacity* (BPC) merangkumi ATM dan juga agensi keselamatan yang berkaitan. Malaysia komited untuk meningkatkan kerjasama pertahanan dengan AS pada masa akan datang.
33. Hubungan pertahanan dua hala antara Malaysia dengan Australia adalah kukuh dan telah terjalin dengan penempatan tentera Australia di Tanah Melayu dan Borneo yang terlibat dalam pertempuran semasa Perang Dunia Kedua. Tentera Australia sekali lagi terlibat dalam memerangi pengganas komunis semasa Darurat dan membantu negara semasa Konfrontasi. Hubungan pertahanan antara kedua-dua negara telah diteruskan lagi di bawah platform FPDA bermula pada tahun 1971. Kerjasama pertahanan pada masa kini tertumpu kepada program *Malaysia-Australia Joint Defence Programme* (MAJDP) yang dimeterai pada tahun 1992.
34. Pada tahun 2017, *MAJDP Policy Talks* telah dinaik taraf ke HLC yang bersidang setiap tahun bagi membincangkan isu-isu strategik. Hubungan ini dieratkan dengan pelbagai aktiviti merangkumi ekseseis ketenteraan, pertukaran lawatan kerja dan pegawai, latihan misi pengaman, pertukaran dan perkongsian maklumat serta pembinaan kapasiti di bawah *Defence Cooperation Scholarship Programme* (DCSP). Hubungan yang erat ini telah terbukti semasa insiden kehilangan pesawat MH370 pada tahun 2014 apabila Australia memberi komitmen tinggi dan menerajui bersama operasi mencari di Lautan Hindi. Australia akan terus kekal sebagai rakan kongsi pertahanan yang penting buat Malaysia.

35. Kerjasama pertahanan dengan New Zealand telah bermula pada tahun 1971 menerusi FPDA. Hubungan pertahanan antara kedua-dua negara ini dipereratkan melalui satu pengaturan kerjasama dua hala pada tahun 1996. *Malaysia-New Zealand Senior Executives' Meeting* (MNZSEM) merupakan forum tertinggi bagi memantau aktiviti kerjasama pertahanan dua hala tersebut meliputi latihan dan eksekusi ketenteraan, pertukaran pegawai serta forum perkongsian dan pertukaran maklumat. New Zealand juga telah memainkan peranan penting ketika memerangi pengganas komunis semasa Darurat Pertama dan membantu negara semasa Konfrontasi.
36. Malaysia dan Perancis telah mengekalkan kerjasama pertahanan yang kukuh sejak tahun 1993, menerusi memorandum persefahaman yang meliputi aktiviti ketenteraan serta sains, teknologi dan industri pertahanan. Menerusi memorandum persefahaman tersebut, *Defence Joint High Strategic Committee* (DJHSC) telah ditubuhkan sebagai tunjang utama dialog strategik yang merangka, mengurus dan memantau pelaksanaan aktiviti di bawah kerjasama ini. Perancis merupakan antara penyumbang utama pembangunan keupayaan pertahanan negara serta program *offset* merangkumi pembangunan kapasiti dan pemindahan teknologi. Kedua-dua negara juga telah memperluaskan kerjasama pertahanan dalam bidang keselamatan siber, melawan keganasan dan misi pengaman. Malaysia juga akan meneruskan kerjasama pertahanan dengan negara Eropah seperti Itali, Jerman, Norway, Sweden dan lain-lain negara yang berkepentingan.
37. Malaysia telah memanfaatkan kerjasama pertahanan yang kukuh dengan Rusia yang merupakan rakan kongsi yang penting dalam pembangunan keupayaan pertahanan dan industri pertahanan. Melalui Memorandum Persefahaman Kerjasama Pertahanan, Industri Pertahanan dan Teknologi yang dimeterai pada tahun 1999, *Joint Intergovernmental Commission on Cooperation* (JICC) telah ditubuhkan sebagai platform untuk membincangkan kerjasama khususnya dalam bidang industri pertahanan. Kedua-dua negara telah menyatakan komitmen untuk menerokai bidang baharu termasuk keselamatan siber, melawan keganasan, aeroangkasa, pembangunan kapasiti serta perkongsian dan pertukaran maklumat.
38. UK ialah rakan tradisi Malaysia yang mencorakkan sistem pertahanan negara. UK telah terlibat sama dalam mempertahankan negara semasa Perang Dunia Kedua, Darurat dan Konfrontasi. Pada tahun 1998, kedua-dua negara telah memeterai memorandum persefahaman mengenai hubungan kerjasama pertahanan untuk memupuk aktiviti ketenteraan di semua peringkat, pembangunan keupayaan dan kapasiti serta bidang sains, teknologi dan industri pertahanan. Kedua-dua negara menunjukkan komitmen tinggi untuk memperkukuhkan kerjasama ini dengan penubuhan HLC pada tahun 2017 dan memperluaskan kerjasama khususnya dalam bidang keselamatan siber.
39. Malaysia juga telah menjalin hubungan pertahanan dua hala dengan beberapa negara Pasifik yang lain termasuk Fiji dan Papua New Guinea. Tentera Fiji pernah berkhidmat di Tanah Melayu di bawah British semasa Darurat Pertama. Malaysia akan memberi keutamaan kepada pembangunan kapasiti dan industri pertahanan sebagai asas untuk membentuk kerjasama pertahanan dengan negara-negara lain pada masa akan datang.

Hubungan Pertahanan Pelbagai Hala

40. Kerajaan sentiasa memberikan komitmen sepenuhnya dalam hubungan pelbagai hala di peringkat serantau dan global. Kerajaan akan terus memberikan komitmen yang tinggi kepada institusi pelbagai hala yang menyediakan platform yang unggul untuk mengimbangi kuasa antara negara, menginstitusikan norma, di samping melindungi kepentingan negara dan menegakkan pendirian Malaysia di persada antarabangsa.

ASEAN dan Mekanisme yang diterajui ASEAN

41. Perpaduan dan keutuhan ASEAN merupakan teras kepada ketahanan keselamatan dan pertahanan Malaysia. Persepaduan ini adalah asas bagi memperkasakan *centrality* ASEAN sebagai satu kunci utama bagi Asia Tenggara memainkan peranan yang penting dalam hal ehwal serantau.
42. Kerajaan akan terus memberikan keutamaan kepada ASEAN dan mekanisme yang diterajui oleh ASEAN sebagai satu platform penting untuk bersama-sama memastikan pencapaian keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau. Antara mekanisme yang diterajui oleh ASEAN adalah *ASEAN Regional Forum* (ARF), *ASEAN Plus Three* (APT), *East Asia Summit* (EAS), *ASEAN Defence Ministers' Meeting* (ADMM) dan ADMM-Plus.
43. Di peringkat ASEAN, Malaysia bersama-sama sembilan negara anggota ASEAN telah mempelopori, membangun dan memanfaatkan mekanisme kerjasama yang telah diinstitusikan untuk mencapai kepentingan bersama serta menguruskan cabaran yang dihadapi secara kolektif. Mekanisme ini berfungsi untuk mempromosikan dialog dan langkah-langkah pembinaan keyakinan, melaksanakan aktiviti secara kolektif, meningkatkan pembangunan kapasiti, memperkasakan perpaduan dalam ASEAN, serta mengurus ancaman keselamatan bukan tradisional.
44. Sebagai contoh, angkatan tentera negara-negara Asia Tenggara sering mengadakan forum perkongsian dan pertukaran maklumat peringkat tertinggi melalui seminar *Intelligence Exchange* (INTELEX) selain melalui forum pertukaran penganalisa (*Analyst-to-Analyst Exchange*, ATAX).
45. Hubungan kerjasama berinstitusi di bawah ASEAN dan mekanisma diterajui ASEAN yang meningkat secara beransur-ansur sejak beberapa dekad yang lalu telah menggalakkan siri dialog yang kerap, mengukuhkan aktiviti diplomatik secara kolektif, menyumbang kepada kesalingbergantungan serantau serta meningkatkan jalinan hubungan geopolitik antara negara anggota ASEAN. Hubungan ini menjadi titik tolak untuk memperkukuhkan persepaduan negara-negara serantau di samping memupuk pembinaan komuniti ASEAN. Walaupun ASEAN memiliki keupayaan yang terhad untuk menyelesaikan isu yang melanda negara anggotanya, terdapat beberapa isu penting seperti isu rentas sempadan telah berjaya diselesaikan melalui platform ASEAN.
46. ADMM yang pertama telah dilaksanakan di Kuala Lumpur pada bulan Mei 2006. ADMM merupakan mekanisme perundingan dan kerjasama tertinggi pertahanan dan keselamatan dalam ASEAN. Platform ini membina kepercayaan dan keyakinan melalui pemahaman yang lebih mendalam tentang cabaran keselamatan dan pertahanan yang dihadapi bersama di samping meningkatkan ketelusan dan keterbukaan ADMM *Retreat* pula menyediakan ruang bagi Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN berinteraksi secara santai bagi mendalami kerjasama pertahanan dan hubungan antara satu sama lain. *ASEAN Chiefs of Defence Force Meeting* (ACDFM) dan mesyuarat berkaitan merupakan mekanisme yang diwujudkan bagi angkatan tentera negara anggota ASEAN untuk membincangkan isu yang dikongsi bersama. Antara inisiatif kerjasama pertahanan di bawah ASEAN adalah *ASEAN Militaries Ready Group on Humanitarian Assistance and Disaster Relief* (AMRG on HADR), *ASEAN Defence Industry Collaboration* (ADIC), *ASEAN Direct Communications Infrastructure* (ADI), *ASEAN Peacekeeping Centre Network* (APCN) dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan bagi menangani ancaman yang dikongsi bersama, dalam mencapai keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau.
47. AMRG on HADR merupakan inisiatif yang diterajui oleh Malaysia bagi mewujudkan satu pasukan gabungan tentera ASEAN yang sedia diatur gerak pada bila-bila masa dan berkoordinasi bagi memberi bantuan kemanusiaan pada kadar segera kepada negara anggota ASEAN yang dilanda bencana besar. ASEAN telah sebulat suara menyokong penempatan

wakil tentera di *ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on Disaster Management* (AHA Centre) untuk mengkoordinasi penyaluran maklumat dan penyelarasan pasukan AMRG on HADR semasa di lokasi bencana. Pengoperasian AMRG on HADR ini direalisasikan melalui *Standard Operating Procedure* (SOP) yang dibangunkan secara bersama dengan negara anggota ASEAN, rakan dialog dan organisasi antarabangsa.

48. ADMM-Plus yang julung kali berlangsung di Hanoi pada bulan Oktober 2010 merupakan satu platform bagi negara anggota ASEAN mengukuhkan kerjasama keselamatan dan pertahanan dengan lapan negara rakan dialog (Amerika Syarikat, Australia, China, India, Jepun, Korea Selatan, New Zealand dan Rusia). *Experts' Working Group* (EWG) telah ditubuhkan bagi mengaplikasikan bidang kerjasama meliputi keselamatan maritim, melawan keganasan, bantuan kemanusiaan dan bencana, misi pengaman, perubatan ketenteraan, pembersihan periuk api dan keselamatan siber.
49. Selain ADMM dan ADMM-Plus, Kerajaan juga komited dalam meningkatkan penglibatan aktif Malaysia dalam mekanisme ASEAN lain, termasuk di bawah platform ARF yang antaranya merangkumi *ARF Defence Officials' Dialogue* (ARF DOD) dan *ARF Security Policy Conference* (ASPC).

Kerjasama Subrantau

50. Malaysia akan terus memainkan peranan penting dalam beberapa platform kerjasama keselamatan di peringkat subrantau termasuk MSP dan TCA.
51. Inisiatif MSP merupakan mekanisme yang ditubuhkan oleh Indonesia, Malaysia dan Singapura pada tahun 2004, dan disertai oleh Thailand pada tahun 2006 bagi menangani kes rompakan di laut dan pelanunan. MSP merangkumi beberapa operasi bersama iaitu *Intelligence Exchange Group* (IEG), *Malacca Straits Sea Patrol* (MSSP) dan *Eyes in the Sky* (EiS). IEG ditubuhkan untuk menyokong pelaksanaan rondaan maritim dan udara melalui perkongsian maklumat perisikan dalam kalangan negara terlibat. MSSP merupakan rondaan maritim terkoordinasi dan perkongsian maklumat antara kapal dengan pusat operasi maritim masing-masing. EiS pula melibatkan rondaan maritim udara dengan membawa *Combined Mission Patrol Team* (CMPT) di dalam setiap penugasan bertujuan menyokong rondaan maritim melalui pengawasan udara. Kolaborasi antara negara-negara pesisir Selat Melaka telah berjaya mengurangkan kes rompakan di laut dan pelanunan secara mendadak sejak inisiatif ini dilaksanakan.
52. Malaysia kekal komited untuk membangunkan keupayaan dan peranan TCA untuk menangani ancaman keselamatan maritim khususnya kes penculikan untuk tebusan, rompakan di laut dan keganasan di Laut Sulu dan Laut Sulawesi. Tiga negara pesisir iaitu Filipina, Indonesia, dan Malaysia telah mengambil langkah segera bekerjasama di bawah *Framework on TCA* pada tahun 2016 merangkumi penubuhan *Maritime Command Centres* (MCC), pengoperasian *Trilateral Maritime Patrol* (TMP), *Trilateral Air Patrol* (TAP) dan *Intelligence Working Group* (IWG). Melalui TCA, ketiga-tiga negara telah menetapkan koridor transit untuk laluan kapal dan membenarkan *hot pursuit* merentas sempadan maritim. Malaysia telah menempatkan dua pangkalan hadapan, Kapal Aukiliari Tun Azizan dan Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah bagi memperkuat benteng pertahanan maritim di kawasan yang terlibat.

Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA)

53. Malaysia komited untuk meneruskan FPDA. Peraturan yang telah ditubuhkan sejak tahun 1971 melibatkan Australia, Malaysia, New Zealand, Singapura dan United Kingdom telah memberi banyak manfaat kepada pertahanan negara. FPDA telah menyumbang kepada

peningkatan pengetahuan, kemahiran dan tahap profesionalisme selain peningkatan keupayaan dan tahap kesiapsiagaan ATM. FPDA diasaskan kepada persediaan peperangan konvensional melalui pembangunan doktrin dan pelaksanaan latihan dan ekseseis ketenteraan secara berjadual bagi meningkatkan kebolehoperasian dalam kalangan angkatan tentera negara anggota. FPDA kini mengorak langkah ke arah bukan konvensional merangkumi keselamatan maritim, melawan keganasan, bantuan kemanusiaan dan bencana serta keselamatan siber supaya kekal relevan sejajar dengan tiga prinsip asas FPDA.¹ *Headquarters Integrated Area Defence System* (HQIADS) yang bertempat di Pangkalan Udara Butterworth merupakan elemen pengoperasian FPDA. Usaha untuk membina keyakinan serantau terhadap FPDA sedang dipergiat melalui program pemerhati.

Sumbangan dan Penglibatan di Peringkat Antarabangsa

54. Malaysia mengesahkan komitmen untuk meningkatkan penglibatan di peringkat global untuk menyumbang terhadap keamanan sejagat. Sumbangan aktif Malaysia melalui misi pengaman dan sebagai Anggota Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB telah diiktiraf oleh masyarakat dunia. Malaysia telah terlibat dalam pelbagai misi pengaman sejak tahun 1960 sehingga ke hari ini termasuk penempatan satu batalion dalam UNIFIL di Lubnan, serta Staf dan Pegawai Pemerhati di beberapa buah negara di Afrika.
55. Malaysia juga akan meneruskan usaha untuk meningkatkan kapasiti pasukan pengaman ATM, termasuk meningkatkan kebolehoperasian pasukan ini dengan pasukan pengaman negara lain. Malaysia mengalu-alukan sumbangan dan kerjasama yang lebih luas bagi memperkasa peranan Pusat Pengaman Malaysia sebagai pusat latihan pengaman pelbagai dimensi yang pertama seumpamanya di rantau ini.
56. Malaysia juga komited untuk terus mengambil dalam misi antarabangsa lain seperti IMT di Mindanao, Filipina sejak tahun 2004. Malaysia senantiasa bekerjasama dengan organisasi antarabangsa terutamanya dalam misi bantuan kemanusiaan dan bencana. Sejak tahun 2010, Malaysia telah berganding bahu dengan WFP bagi menyediakan UNHRD di Pangkalan Udara Subang. Depot ini merupakan hab pertama seumpamanya di rantau Asia Tenggara, bertujuan untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan dalam tempoh 48 jam selepas berlakunya bencana. Depot ini menyediakan ruang penyimpanan, sokongan logistik dan perkhidmatan kepada PBB dan agensi kemanusiaan antarabangsa di rantau Asia. Depot ini juga menempatkan DELSA yang merupakan mekanisme serantau bagi menyalurkan bantuan secara sistematik di bawah penyelarasan AHA Centre.
57. Pada masa ini Malaysia bekerjasama dengan *International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies* (IFRC) dalam aspek bantuan kemanusiaan dan bantuan bencana serta *International Committee of the Red Cross* (ICRC) dalam aspek *International Humanitarian Law* (IHL) di negara ini.
58. Malaysia turut memberi bantuan kepada pelarian Rohingya di Bangladesh dengan penghantaran bantuan pertama pada bulan September 2017 menggunakan pesawat A400M TUDM. Malaysia kemudiannya mengoperasikan HMM di Cox's Bazar atas dasar kemanusiaan dan tanggungjawab untuk melindungi (*Responsibility to Protect*, R2P). Pengoperasian HMM melibatkan 56 kakitangan perubatan dan menyediakan perkhidmatan perubatan, pembedahan plastik, perbidanan, pergigian, jagaan rapi, kaunseling dan khidmat nasihat trauma. Sejak bulan Mac 2018, HMM telah menerima dan merawat 83 ribu orang pesakit dan melaksanakan 2,300 kes pembedahan dalam tempoh 18 bulan pengoperasiannya.

¹Tiga prinsip utama FPDA adalah: (1) sebagai aturan defensif, FPDA harus mengekalkan postur yang tidak mengancam untuk mengelakkan sensitiviti di rantau ini; (2) FPDA perlu bergerak pada kadar yang dirasakan selesa oleh negara anggota dengan mengambil kira sensitiviti pelbagai hala, dua hala dan nasional; dan (3) FPDA harus terus membangun dan berevolusi untuk kekal relevan sebagai aturan keselamatan.


Melalui pengoperasian HMM, Malaysia telah menerima tawaran dan bantuan, di antaranya daripada Arab Saudi, Brunei Darussalam dan Emiriah Arab Bersatu.

59. Malaysia sangat peka kepada isu-isu kemanusiaan dan sentiasa menghargai sokongan negara-negara lain terutama dalam kalangan negara anggota ASEAN bagi bantuan kemanusiaan dan bencana.
60. Malaysia akan terus memainkan peranan penting untuk menggalakkan perkongsian yang lebih berwibawa dalam kalangan negara-negara Islam seperti Indonesia, Pakistan, Qatar dan Turki memfokuskan pada bidang sains, teknologi dan industri pertahanan.

Hala Tuju Hubungan Pertahanan

61. Hubungan pertahanan antarabangsa yang telah diterangkan dalam bab ini menggambarkan Perkongsian Berwibawa yang dilaksanakan oleh Malaysia bagi memperkasa pertahanan negara sambil memperkukuhkan pembangunan keupayaan pertahanan. Malaysia seterusnya akan memberi penekanan kepada pembangunan kapasiti pertahanan serta sains, teknologi dan industri pertahanan dalam menjalinkan kerjasama pertahanan dengan negara lain di masa akan datang.
62. Di rantau Asia Tenggara, Malaysia akan mengekalkan keutamaan tinggi kepada kerjasama pertahanan dengan negara anggota ASEAN dan terus menonjolkan kepimpinan Malaysia dalam isu keselamatan dan pertahanan serantau. Malaysia juga akan meneroka peluang dengan negara luar rantau bagi meningkatkan kerjasama pertahanan yang sedia ada kepada perkongsian strategik berasaskan prinsip Keneutralan Aktivis.
63. Malaysia akan terus mengetengahkan pendiriannya sebagai sebuah negara majoriti beragama Islam yang inklusif, dinamik dan progresif dengan mengukuhkan perkongsian dengan negara lain melalui kolaborasi dalam bidang kepentingan bersama sambil mendukung prinsip-prinsip *Rahmatan lil 'alamin* (rahmat untuk seluruh alam) dan *Maqasid Syari'ah* (objektif syariah).
64. Kerjasama pertahanan Malaysia pada masa hadapan akan terus dizahirkan berteraskan kelebihan berbanding (*comparative advantages*). Perkongsian yang baharu dan sedia ada akan terus diperkukuh selaras dengan kepentingan negara semasa dan akan datang. Peranan Malaysia yang menghubungkan, membangun dan mempererat hubungan pertahanan akan memperkukuh Perkongsian Berwibawa yang saling melengkapi bagi mencapai Visi Pertahanan Negara dan menyumbang kepada kestabilan serantau serta keamanan sejagat.

PENGLIBATAN ATM DALAM MISI PENGAMAN PBB
SERTA USAHA LAIN KE ARAH KEAMANAN SEJAGAT



BAHAGIAN 3

PELAKSANAAN

BAB 7



SAINS, TEKNOLOGI DAN INDUSTRI PERTAHANAN

1. Sains, teknologi dan industri pertahanan merupakan komponen strategik dalam ekosistem pertahanan negara bagi mendukung ketiga-tiga tonggak strategi pertahanan negara. Susur galur sains, teknologi dan industri pertahanan bermula semenjak awal tahun 1970-an. Beberapa syarikat dalam industri pertahanan di Malaysia telah berjaya membangunkan keupayaan dan menjadikannya lebih berdaya saing dalam bidang penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih serta pembuatan. Keupayaan ini seterusnya memenuhi rantai bekalan menurut keperluan daripada Pengeluar Peralatan Asal (*Original Equipment Manufacturers*, OEMs).
2. Sungguhpun berlaku kemajuan yang berterusan dalam industri pertahanan, Kerajaan percaya masih terdapat ruang yang signifikan untuk penambahbaikan dan pertumbuhan. Visi jangka panjang Kerajaan dalam konteks ini adalah membangunkan keupayaan pemain industri tempatan dalam bidang reka bentuk dan pengujian serta pembangunan pasaran domestik dan eksport untuk aset dan kelengkapan pertahanan yang canggih menggunakan teknologi terkini selaras dengan prinsip Aspirasi Keupayaan Berdikari. Kerajaan akan meneruskan sokongan dalam meningkatkan produktiviti, keuntungan dan kelestarian dalam sains, teknologi dan industri pertahanan.
3. Kemajuan dalam sains, teknologi dan industri pertahanan akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi kerana dapat mengurangkan kebergantungan kepada aset dan kelengkapan pertahanan dari luar negara, mengkomersialkan produk untuk penggunaan awam, memacu penyelidikan dan inovasi serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat terutama di kalangan graduan dalam bidang-bidang yang berkaitan.
4. KPP memperkenalkan satu pendekatan baharu terhadap dasar sains, teknologi dan industri pertahanan negara dengan menjadikannya pemangkin ekosistem pertahanan dan pertumbuhan ekonomi negara. Pendekatan ini merupakan kunci utama yang merangsang penyelidikan dan pembangunan, meningkatkan sinergi daya tahan dalam kalangan industri serta mengukuhkan keseluruhan keupayaan pertahanan negara.
5. Kerajaan akan terus memperkasakan inisiatif sedia ada dengan menggubal DIPN yang akan menjadi garis panduan untuk pembangunan sektor ini. Dasar ini merangkumi strategi bagi meningkatkan penyelidikan dalam sains dan teknologi pertahanan, pembangunan kapasiti dan pembiayaan bagi melonjakkan pertumbuhan industri pertahanan tempatan.
6. Peranan dan penglibatan pemain-pemain utama sains, teknologi dan industri pertahanan akan diperjelaskan dalam lima teras utama DIPN. Lima teras yang membentuk kerangka dasar bertujuan untuk mewujudkan persekitaran kondusif jangka panjang yang sesuai bagi menyerlahkan potensi terbaik industri pertahanan.
7. DIPN akan menyediakan dorongan yang diperlukan dan garis panduan dasar yang koheren untuk meningkatkan kapasiti sains, teknologi dan industri pertahanan tempatan. Di samping itu, DIPN akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dalam jangka panjang.
8. Kerajaan akan melabur dalam pembangunan sektor sains, teknologi dan industri pertahanan negara melalui pendekatan berikut:
 - i. **Merangsang penyelidikan dan pembangunan.** Menjitukan keupayaan dalam sains, teknologi dan industri pertahanan berasaskan penyelidikan dan pembangunan merentasi bidang-bidang teknologi kritikal;

- ii. **Mendorong limpahan ekonomi kepada negara.** Hasil dalam sains, teknologi dan industri pertahanan dijangka akan memberikan limpahan kemakmuran kepada sektor ekonomi lain seterusnya menjadi antara pemacu pertumbuhan ekonomi negara; dan
- iii. **Memenuhi keperluan pertahanan negara.** Sains, teknologi dan industri pertahanan melengkapkan dan menampung sebahagian keperluan pertahanan, mewujudkan keupayaan berdikari dalam kitaran berterusan yang berdaya tahan dan berjangka panjang. Peranan ini penting dalam mendukung hasrat negara untuk berdikari dalam bidang yang khusus. Industri pertahanan tempatan yang maju adalah penting ke arah merealisasikan keupayaan berdikari yang mampan dalam menghasilkan aset dan kelengkapan pertahanan yang kritikal.

Penyumbang Utama bagi Sains, Teknologi dan Industri Pertahanan

- 9. Pemacu utama dalam sektor ini ialah adalah MINDEF, terutamanya Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE), Bahagian Industri Pertahanan (BIP) serta ATM dan kementerian dan agensi lain yang berkaitan.
- 10. Pemain industri dalam sektor ini ialah syarikat-syarikat utama tempatan termasuk syarikat multinasional yang berkaitan dengan sains, teknologi dan industri pertahanan, syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta syarikat-syarikat yang baharu menceburkan diri yang digabungkan dalam Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (*Malaysia Industrial Council for Defence, Enforcement & Security*, MIDES).
- 11. Sains, teknologi dan industri pertahanan di Malaysia juga disokong oleh komuniti penyelidikan yang mempunyai kepakaran dalam mereka bentuk, membangun dan menguji aset dan kelengkapan untuk pertahanan dan keselamatan. Komuniti ini yang melibatkan institusi pengajian tinggi awam dan swasta seperti Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), institut dan pusat penyelidikan serta pereka cipta persendirian membentuk landasan untuk membina keupayaan berdikari.

Sokongan Kerajaan kepada Sains, Teknologi dan Industri Pertahanan

- 12. Kemampuan ATM untuk mendukung Kerangka Pertahanan Negara memerlukan sokongan padu industri pertahanan tempatan bagi melengkapkan ATM dalam mengekalkan operasi ketenteraan semasa aman atau semasa konflik. Industri pertahanan tempatan juga perlu menyokong agensi keselamatan dan penguatkuasaan lain yang terlibat dalam pertahanan negara.
- 13. Penekanan akan diberikan kepada keupayaan berdikari dalam bidang khusus termasuk menyediakan aset dan kelengkapan serta perkhidmatan kritikal seperti kelengkapan asas tempur untuk askar pintar dalam Angkatan Masa Hadapan (senjata kecil, peluru, sistem komunikasi elektronik, jaket kalis peluru, *webbing*, helmet balistik, pakaian tempur dan rangsum), penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih aset serta kelengkapan utama ATM dan agensi-agensi yang berkaitan.
- 14. Kerajaan menyedari cabaran yang dihadapi oleh pemain industri dalam melaksanakan R&D. Oleh itu, Kerajaan menyediakan inisiatif untuk menyokong pembiayaan R&D dan inovasi bagi pemain industri yang berpotensi. Ini termasuk inisiatif Kerajaan untuk membantu dalam memasarkan produk hasil R&D ke pasaran domestik dan antarabangsa. Tuntasnya, inisiatif ini bertujuan untuk mencapai keupayaan berdikari dalam jangka panjang.

15. Industri pertahanan tempatan perlu berkembang untuk kekal berdaya saing dan tidak bergantung kepada kontrak perolehan kerajaan semata-mata. Oleh itu, inisiatif baharu akan dilaksanakan untuk memacu industri sebagai bidang ekonomi yang mampan melalui pelaburan sasaran dalam sektor pertahanan dan keselamatan negara. Industri pertahanan tempatan yang dinamik dan berdaya saing sebagai satu pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara.
16. Memandangkan perolehan pertahanan melibatkan kos yang tinggi, maka penganugerahan kontrak perolehan kepada industri pertahanan tempatan akan merangsang ekonomi domestik serta mengurangkan aliran keluar wang ringgit. Industri pertahanan juga digalakkan untuk memanfaatkan peluang lain yang ada di pasaran eksport, sebagai contoh membangunkan keupayaan MRO pesawat udara di dalam negara agar menjadi hab aeroangkasa di rantau Asia Tenggara. Keseluruhan perbelanjaan melibatkan pertahanan dalam kalangan negara ASEAN dianggarkan sekitar USD30 bilion setahun. Kemajuan sains, teknologi dan industri pertahanan negara akan membuka peluang untuk Malaysia meneroka pasaran ASEAN.

Kerangka Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN)

17. DIPN menggariskan hala tuju melalui **lima teras utama** seperti berikut:
 - i. **Teras 1: Pembangunan Modal Insan.** Menggalakkan penghasilan tenaga kerja pakar dengan kemahiran dan pengetahuan yang selari dengan keperluan industri pertahanan;
 - ii. **Teras 2: Pembangunan Teknologi.** Menyediakan dana penyelidikan saintifik, aplikasi dan inovasi, memperoleh teknologi yang kritikal untuk membangunkan dan memperkasakan keupayaan R&D tempatan serta pemindahan teknologi daripada rakan strategik antarabangsa;
 - iii. **Teras 3: Pembangunan Industri.** Melaksanakan pendekatan baharu perolehan aset pertahanan berasaskan analisis kos faedah dan petunjuk ekonomi, mengemas kini garis panduan klasifikasi sektor pertahanan, meneliti semula insentif khas untuk menyokong syarikat tempatan bagi meningkatkan daya saing industri pertahanan tempatan dan pembangunan projek-projek strategik negara;
 - iv. **Teras 4: Ke Arah Keupayaan Berdikari.** Mengutamakan produk pertahanan yang dibangun dan dikeluarkan oleh syarikat tempatan yang berkemampuan, memantapkan Program Kolaborasi Industri (*Industrial Collaboration Programme*, ICP) dengan OEM serta memanfaatkan pengetahuannya untuk produk dan pasaran khusus; dan
 - v. **Teras 5: Tembusi Pasaran Global.** Kerajaan menggalakkan syarikat tempatan untuk mempromosikan produk mereka dan seterusnya menembusi pasaran antarabangsa melalui kolaborasi bersama agensi kerajaan dan pihak swasta serta penglibatan dalam pameran pertahanan luar negara.
18. Lima teras yang dicadangkan Kerajaan akan direalisasikan melalui **lima inisiatif** seperti berikut:
 - i. **Inisiatif 1:** Pemantapan kerangka strategi ekonomi untuk sains, teknologi dan industri pertahanan memfokuskan kepada bidang khusus;
 - ii. **Inisiatif 2:** Penstrukturan semula organisasi berkaitan industri pertahanan;
 - iii. **Inisiatif 3:** Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Pertahanan;



- iv. **Inisiatif 4:** Perangsangan R&D dan inovasi melalui pembiayaan mampan; dan
 - v. **Inisiatif 5:** Pengukuhan program pembangunan bakat.
19. **Pemantapan Kerangka Strategi Ekonomi untuk Sains, Teknologi dan Industri Pertahanan Memfokuskan kepada Bidang Khusus.** Malaysia mempunyai sebilangan pemain utama sains, teknologi dan industri pertahanan yang menghasilkan barangan guna sama (kelengkapan asas ketenteraan), maritim, automotif, aeroangkasa, ICT dan persenjataan. Kluster-kluster ini akan diperkukuhkan lagi agar pemain utama industri pertahanan lebih berkemampuan seterusnya muncul sebagai pembekal ternama aset dan kelengkapan pertahanan untuk pasaran dalam dan luar negara.
 20. Pemain utama industri pertahanan negara perlu menerapkan teknologi IR 4.0 seperti AI dalam produk dan sistem pengeluaran bagi memaksimumkan proses automasi, ketepatan pembuatan dan penjimatan kos. Ini adalah sejajar dengan keperluan aset dan kelengkapan pertahanan yang baharu untuk kegunaan ATM contohnya sistem tanpa pemandu dan senjata pintar.
 21. Pemain utama industri pertahanan juga disarankan untuk membangunkan produk pelbagai guna merangkumi keperluan ketenteraan, kegunaan agensi lain dan komersial. Contoh produk pelbagai pengguna seperti kenderaan, kapal dan bot, perisian dan perkakasan komputer, peralatan elektronik dan sistem komunikasi.



22. Kerajaan juga mahukan agar ATM dan agensi keselamatan menyelaras perolehan aset dan kelengkapan bagi meningkatkan kebolehooperasian sesama ATM dan agensi keselamatan. Antara contoh aset yang boleh digunakan merentas agensi seperti kapal peronda, persenjataan, peluru, helikopter, trak, kelengkapan komunikasi serta sistem berkomputer.
23. Usaha ke arah penyelarasan aset dan kelengkapan ATM dengan agensi keselamatan membolehkan latihan dan operasi bersepadu dilaksanakan dengan lebih berkesan serta meminimumkan kos operasi dan penyelenggaraan kerana kesamaan dari segi komponen dan alat ganti. Hal ini juga akan membantu pemain industri pertahanan untuk mencapai skala ekonomi (*economies of scale*) yang menjurus kepada pengurangan kos pengeluaran dan merendahkan kos perolehan.
24. Kebanyakan keperluan asas seperti bekalan makanan, ubat-ubatan, pakaian seragam, rangsum, perabot pejabat dan berek serta produk kayu-kayan adalah dihasilkan oleh pengusaha PKS. PKS juga berkemampuan untuk menyumbang dalam bidang reka bentuk dan pembangunan teknologi siber yang tersendiri, termasuk perisian, perkakasan dan juga prasarana yang berkaitan. Melalui KPP ini, Kerajaan akan terus menyokong hasil keluaran dan pembangunan teknologi tempatan oleh PKS bagi memenuhi keperluan pertahanan dan keselamatan.
25. Kerajaan turut menyedari bahawa PKS memainkan peranan penting dalam menyokong pemain utama industri pertahanan melalui penglibatan dalam rantai pembekalan untuk menyediakan komponen-komponen kecil, sistem serta sokongan logistik. Seyogia, PKS berperanan penting dalam ekosistem industri pertahanan.

26. Sungguhpun pemain industri pertahanan tempatan menyokong pertahanan negara melalui pembekalan aset, kelengkapan dan perkhidmatan utama, namun negara masih perlu memperoleh aset, kelengkapan dan perkhidmatan tertentu daripada syarikat luar negara. Hal ini adalah kerana pemain industri tempatan mempunyai keupayaan teknologi yang terhad. Oleh yang demikian, pemindahan teknologi dan pengetahuan yang merangkumi *know-how* dan *know-why* adalah ditekankan bagi perolehan luar negara agar pemain industri dapat menguasai teknologi berkenaan pada masa hadapan.
27. Pemindahan pengetahuan dan teknologi boleh berlaku melalui pelaksanaan program kolaborasi industri (*offset*) apabila Kerajaan membuat perolehan dari luar negara. Perolehan seumpama ini disekalikan dengan pelbagai elemen bernilai tambah termasuk pemindahan teknologi, kemahiran dan pengetahuan untuk dimanfaatkan oleh pengguna dan pemain industri tempatan. Program *offset* ini juga dapat membantu syarikat PKS mendapatkan dan untuk latihan dan pendidikan bagi pembangunan modal insan.
28. **Penstrukturan Semula Organisasi berkaitan Industri Pertahanan.** Kerajaan akan mengambil pendekatan proaktif untuk menstruktur semula, dan sekiranya perlu, mewujudkan perjawatan atau membentuk organisasi baru bagi mencapai tadbir urus terbaik dalam industri pertahanan. Ini termasuk memperkasa bahagian dan agensi sedia ada dalam merancang dan melaksanakan prosedur kerja yang telus dan berkesan. Antara cadangan yang sedang diperhalusi termasuk penubuhan Majlis Penasihat Sains dan Teknologi Pertahanan Negara.
29. Kerajaan juga akan memberi penekanan kepada pemerkasaan (*empowerment*) pemain industri pertahanan supaya lebih berdikari, berinovasi dan berdaya saing. Pemain industri akan membantu Kerajaan dalam memberi input berkaitan industri pertahanan dan keselamatan agar penambahbaikan dapat dibuat secara berterusan bagi membangunkan industri pertahanan sebagai pemangkin ekonomi negara.
30. **Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Pertahanan.** Kerajaan komited untuk memperkasakan pembangunan sains, teknologi dan industri pertahanan negara melalui pewujudan jawatankuasa tertinggi yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan keahlian daripada kementerian dan agensi yang berkaitan. Jawatankuasa ini akan menetapkan dasar dan membuat keputusan berkaitan perolehan aset, khususnya bagi aset strategik yang bernilai tinggi yang memerlukan keputusan dibuat secara kolektif dan mengambil kira keperluan ATM atau agensi keselamatan. Platform di peringkat tertinggi akan dapat meningkatkan kesamaan antara ATM dengan agensi keselamatan dari segi aset dan kelengkapan bagi mencapai skala ekonomi untuk industri pertahanan dan pulangan pelaburan kepada negara. Kesamaan antara ATM dengan agensi keselamatan secara langsung mempertingkatkan saiz pasaran dan keupayaan menyelenggara aset berkenaan oleh pemain industri tempatan.
31. Penubuhan jawatankuasa ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam meningkatkan pembangunan sektor sains, teknologi dan industri pertahanan. Pelaburan pihak berkepentingan dalam industri pertahanan dan keselamatan adalah penting bagi menyokong pelaksanaan DIPN untuk mencapai keupayaan berdikari dalam bidang khusus dan juga peningkatan industri pertahanan dan keselamatan sebagai pemangkin ekonomi negara.
32. **Perangsangan R&D dan Inovasi melalui Pembiayaan Mampan.** Kerajaan sentiasa prihatin terhadap pemain utama industri pertahanan yang memerlukan sokongan untuk menjalankan aktiviti R&D dan inovasi bagi menghasilkan aset dan kelengkapan pertahanan yang memenuhi keperluan pertahanan negara, selaras dengan prinsip Inovasi dan Integrasi serta meningkatkan kebolehpasaran produk dalam dan luar negara.

33. R&D dan inovasi dalam bidang sains dan teknologi pertahanan melibatkan kos yang tinggi. Untuk itu, Kerajaan akan memperuntukkan dana untuk R&D khusus untuk pembangunan aset dan kelengkapan pertahanan dan keselamatan. Kerajaan akan menetapkan 10%-15% daripada jumlah nilai nominal offset daripada program kolaborasi industri untuk tujuan tersebut.
34. STRIDE merupakan satu jabatan di bawah MINDEF yang bertanggungjawab ke atas segala aktiviti R&D pertahanan yang akan menyelaras semua aktiviti R&D dalam bidang AI, sistem tanpa pemandu, senjata pintar dan peluru, radar dan penderia, ISTAR, CBRNe, sistem kenderaan darat, laut dan udara serta teknologi angkasa untuk pertahanan.
35. STRIDE akan terus memberikan perkhidmatan sokongan teknikal dan khidmat nasihat kepada ATM, agensi kerajaan dan industri pertahanan tempatan. STRIDE juga akan menjadi agensi teknikal untuk pensijilan produk pertahanan dan memainkan peranan penting dalam memastikan ATM dan agensi keselamatan memperoleh aset yang berkualiti tinggi. Peranan tambahan yang lain untuk STRIDE termasuklah analisis kotak hitam pesawat serta bertindak sebagai agensi teknikal untuk Akta Konvensyen Senjata Kimia (CWC) 2005 dan Akta Perdagangan Strategik 2010. STRIDE juga merupakan agensi peneraju teknikal bagi Konvensyen Senjata Biologi dan Toksin (BTWC).
36. **Pengukuhan Program Pembangunan Bakat.** Kerajaan mengakui bahawa sains, teknologi dan industri pertahanan memerlukan tindakan bersepadu untuk membolehkan pembangunan potensi secara optimum bagi mencapai keupayaan berdikari. Salah satu aspek utama ialah pembinaan modal insan yang mampu menjalankan R&D, mereka bentuk dan mencipta produk berteknologi tinggi menepati piawaian antarabangsa.
37. Bagi memperkasakan sains dan teknologi pertahanan, Kerajaan memperakui kepentingan pendidikan bagi melahirkan saintis, juruteknologi dan jurutera yang dapat memenuhi keperluan pertahanan negara akan datang. Hal ini memerlukan perancangan jangka panjang dengan usaha bersepadu oleh Kerajaan untuk mengutamakan bidang-bidang yang berkaitan dengan sains dan teknologi pertahanan.
38. Kerajaan sentiasa komited dan sentiasa memberikan sokongan yang tinggi kepada pembangunan sains, teknologi dan industri pertahanan tempatan dalam usaha mencapai tahap keupayaan berdikari yang tinggi dan menjadi pemangkin kepada ekonomi negara.

BAB 8



TRANSFORMASI, TADBIR URUS DAN PEMBIAYAAN

1. KPP yang pertama ini ialah hasil penilaian perspektif strategik bagi menetapkan Kerangka Pertahanan Negara. Selari dengan kerangka tersebut, KPP ini telah menggariskan tiga tonggak Strategi Pertahanan Negara iaitu, Strategi Cegah Rintang Berpadu, Pertahanan Komprehensif dan Perkongsian Berwibawa demi Malaysia yang selamat, berdaulat dan makmur.
2. Bab terakhir ini mengetengahkan tiga **blok binaan utama** (*main building blocks*) pelan pelaksanaan KPP. Pertama, **mencapai transformasi pertahanan** bertujuan untuk menstruktur dan mengukuhkan institusi hubungan kerja yang produktif antara sektor awam dan ATM. Kedua, **menginstitusikan tadbir urus terbaik** untuk memastikan transformasi pertahanan dilaksanakan secara berperingkat dengan telus dan kebertanggungjawaban. Ketiga, **ketetapan peruntukan kewangan pertahanan yang stabil dan mampan** bagi memastikan ATM dilengkapi aset dan kelengkapan yang berupaya menangani cabaran masa kini dan akan datang. Perkara-perkara tersebut adalah penting bagi membolehkan ATM mencapai keupayaan yang dikenal pasti bagi melindungi kepentingan negara, terutamanya mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah.
3. Ketiga-tiga blok binaan utama ini bertujuan mengurangkan jurang **keupayaan, koordinasi dan sumber**. Jurang keupayaan pertahanan merujuk kepada perbezaan yang wujud antara keupayaan ATM semasa dengan yang dirancang. Jurang koordinasi pula merujuk kepada cabaran untuk membentuk kesepakatan dan kecekapan antara penjawat awam dengan ATM serta dengan agensi-agensi keselamatan dalam proses perancangan dan pelaksanaan dasar berkaitan pertahanan dan keselamatan. Jurang koordinasi boleh diatasi dengan transformasi ATM bagi meningkatkan kebersamaan antara Perkhidmatan dan antara agensi keselamatan yang berkaitan. Jurang sumber pula merujuk kepada kekangan kewangan dalam usaha memperbaharui dan mempertingkatkan kesiapsiagaan ATM.
4. Pelaksanaan ketiga-tiga blok binaan utama secara serentak dan berkesan ialah kunci ke arah memastikan ekosistem pertahanan Malaysia yang seimbang, mampan dan produktif untuk jangka panjang, selaras dengan prinsip Tadbir Urus Terbaik, seterusnya memaksimumkan keesahan, kebolehterimaan dan kebolehpercayaan KPP.. Pelaksanaan KPP akan bermula dari tahun 2020 sehingga 2030 dengan laporan kemajuan secara dwi tahunan dan penilaian separuh penggal.

Transformasi Pertahanan

5. Transformasi pertahanan akan dilaksana menerusi satu pelan induk iaitu **Pelan Pelaburan Pertahanan Negara (3PN)** menjelang tahun 2021. 3PN akan mengandungi hala tuju dan pelan tindakan berdasarkan tiga komponen:
 - i. Transformasi keupayaan pertahanan;
 - ii. Transformasi kapasiti pertahanan; dan
 - iii. Transformasi industri pertahanan.

Transformasi Keupayaan Pertahanan

6. Bab 4 menggariskan lima ciri utama Angkatan Masa Hadapan iaitu kebersamaan, kebolehoperasian, berasaskan teknologi, keupayaan untuk beroperasi serentak dalam dua wilayah dan berorientasikan misi. Ciri-ciri ini adalah penting bagi membolehkan ATM mendukung Strategi Pertahanan Negara.
7. Bagi merealisasikan ciri-ciri ini, Kerajaan akan mengkaji semula Pelan Pembangunan Strategik 4DMAF sedia ada serta dokumen-dokumen berkaitan agar sejajar dengan KPP. Kajian semula ini perlu mengambil kira pelaksanaan sehingga tahun 2050 untuk merealisasikan pelan Army 4nextG serta pelan #15to5 dan sehingga tahun 2055 bagi pelan CAP55.
8. Pembaharuan keupayaan pertahanan ini bukan sahaja bertujuan untuk memperkukuh kebolehoperasian antara tiga Perkhidmatan ATM malah dengan agensi keselamatan lain dari aspek koordinasi, perolehan dan perkongsian maklumat. Hasil kajian semula ini akan didaftarkan dalam 3PN.


Transformasi Kapasiti Pertahanan

9. Dalam usaha mengurangkan jurang kapasiti pertahanan dan bagi menyokong matlamat yang dinyatakan dalam Bab 4, 5 dan 7, Kerajaan komited untuk mengkaji semula dasar-dasar sedia ada berkaitan dengan pengurusan sumber manusia bagi penyediaan **Rangka Tindakan Kapasiti Pertahanan (RTKP)**. Tumpuannya adalah untuk meningkatkan keberkesanan tenaga kerja pertahanan iaitu anggota Angkatan Tetap dan Angkatan Sukarela serta kakitangan awam yang berkhidmat dalam sektor pertahanan dan keselamatan.
10. Bagi memaksimumkan sinergi antara ketiga-tiga Perkhidmatan ATM, Pemerintahan Angkatan Bersama (*Joint Force Command*, JFC) akan ditubuhkan bagi memperkukuhkan elemen kebersamaan dalam proses transformasi ATM. Pembangunan anggota tentera yang profesional turut dilaksanakan melalui kombinasi latihan, pendidikan dan program pembangunan sendiri. Keutamaan akan diberikan kepada peningkatan kepakaran sains, teknikal dan pengurusan ke arah melahirkan askar pintar.
11. Bagi menghargai perjuangan, sumbangan dan jasa veteran ATM, Kerajaan akan mengkaji semula faedah dan kemudahan yang diberikan. Kerajaan juga akan meneroka inisiatif baharu untuk meningkatkan lagi daya saing veteran dalam pasaran kerja bersandarkan pengalaman dan kemahiran yang diperoleh semasa dalam perkhidmatan, termasuklah peluang pekerjaan dalam sektor awam dan swasta.
12. Kajian semula dasar sedia ada juga dibuat untuk menyokong hasrat Kerajaan untuk mewujudkan kluster pertahanan dan keselamatan bagi membolehkan pusingan kerja pegawai awam dikekalkan dalam kluster tersebut. Langkah ini adalah penting untuk mengekalkan kesinambungan dasar dalam kluster keselamatan dan pertahanan.
13. Kerajaan juga akan mengenal pasti langkah-langkah untuk menggalakkan rakyat terutamanya golongan belia untuk bergiat aktif dalam pertahanan negara selain mekanisme sedia ada seperti Angkatan Sukarela. RTKP bakal menggariskan inisiatif baharu dalam usaha untuk menyemai semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia yang menjadi asas bagi mencapai Pertahanan Komprehensif.

14. RTKP turut menggariskan langkah memupuk bakat dalam bidang sains, teknologi dan industri pertahanan. Dalam hal ini, Kerajaan komited ke arah mengukuhkan ekosistem pendidikan dan penyelidikan. Ini termasuklah menjalin kerjasama rapat dengan rakan strategik untuk melatih pegawai-pegawai dalam bidang penyelidikan dan pembangunan pertahanan.

Transformasi Industri Pertahanan

15. Bab 7 menzahirkan hasrat Kerajaan untuk mengetengahkan satu pendekatan baharu dalam dasar sains, teknologi dan industri pertahanan. Bagi tujuan itu Kerajaan komited untuk memperkukuhkan inisiatif industri pertahanan sedia ada dengan menggubal **DIPN** yang berperanan sebagai kerangka dasar dan panduan pembangunan sektor ini. Dasar ini akan menggariskan strategi bagi meningkatkan penyelidikan dalam sains dan teknologi pertahanan, pembiayaan dan pendidikan serta memupuk keadaan yang boleh melonjakkan potensi Malaysia dalam bidang ini untuk tempoh jangka panjang.
16. Dalam usaha memacu industri pertahanan negara, Kerajaan akan melaksanakan penstrukturan semula organisasi berkaitan industri pertahanan bagi memantau pelaksanaan DIPN dan mencapai tadbir urus yang terbaik. Penstrukturan ini termasuk memperkasakan bahagian dan agensi sedia ada dalam merancang dan melaksanakan prosedur kerja yang telus dan berkesan.
17. Transformasi keupayaan, kapasiti dan industri pertahanan, dan kerjasama pertahanan seperti dalam Bab 6 perlu saling menyokong dan memperkukuh. Oleh yang demikian, **3PN** disediakan bagi menjayakan transformasi pertahanan.
18. Sehubungan itu, Kerajaan akan melaksanakan **transformasi pertahanan** secara berfasa mengikut garis masa berikut:



Rajah 8.1: Garis Masa Transformasi Pertahanan.

Tadbir Urus Terbaik

19. Kerajaan memberi perhatian serius kepada isu-isu tadbir urus merangkumi elemen ketelusan, integriti dan kebertanggungjawaban. Sehubungan itu, satu mekanisme pemantauan holistik akan diwujudkan untuk menyelia proses transformasi pertahanan ini. Langkah ini bukan sahaja penting untuk memperoleh kepercayaan daripada rakyat tetapi wajar untuk memastikan terdapat pengawasan menyeluruh dalam proses pelaksanaan transformasi pertahanan.
20. Bagi memastikan kejayaan KPP, **Jawatankuasa Transformasi Pertahanan** akan ditubuhkan untuk menyelia keseluruhan proses transformasi terdiri daripada keupayaan pertahanan, kapasiti pertahanan dan industri pertahanan. Menerusi pendekatan keseluruhan Kerajaan, Jawatankuasa Transformasi Pertahanan ini akan berperanan sebagai pemudah cara kepada kerjasama antara MINDEF dengan agensi berkaitan.
21. Kerajaan turut mengiktiraf peranan aktif oleh Jawatankuasa Pemilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memantau isu-isu berkaitan pertahanan dan keselamatan. Pada masa yang sama, satu **Jawatankuasa Pelaburan Pertahanan** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan keahlian terdiri daripada pihak berkepentingan dalam Kerajaan akan memastikan setiap keputusan berkaitan pelaburan pertahanan dibuat berdasarkan kepentingan negara.
22. Kerajaan akan terus menginstitusikan tadbir urus terbaik dengan melaksanakan semak dan imbang berlandaskan prinsip telus dan kebertanggungjawaban bagi memastikan sektor keselamatan dan pertahanan beroperasi dengan efektif selari dengan dasar dan lunas undang-undang. Secara keseluruhannya, kesinambungan proses ini serta pelaporan pelaksanaan KPP yang berterusan akan meningkatkan kesedaran awam mengenai hal berkaitan pertahanan dan sokongan rakyat terhadap transformasi pertahanan negara.
23. Kerajaan akan memantau pelaksanaan KPP melalui mekanisme yang holistik seperti berikut:



Rajah 8.2: Struktur Jawatankuasa Pemantauan Transformasi Pertahanan.

Pembiayaan

24. Pembiayaan pertahanan yang stabil adalah sangat penting untuk merapatkan jurang sumber dalam usaha meningkatkan kesiapsiagaan ATM. Dalam hal ini, Kerajaan menyedari cabaran dalam mengimbangi agihan belanjawan negara selain keutamaan untuk mengurangkan hutang negara. Meskipun terdapat pelbagai halangan dan rintangan, pelaburan yang berterusan adalah penting untuk memastikan pembangunan keupayaan ATM yang mampan dapat diteruskan dalam tempoh jangka panjang.
25. Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan transformasi pertahanan berdasarkan kriteria peruntukan berikut:
 - i. **Jangka panjang dan stabil.** Pembiayaan pertahanan lazimnya bersifat jangka panjang. Perolehan kelengkapan pertahanan adalah satu bentuk pelaburan intensif dan kebiasaannya proses ini akan melangkaui satu Rancangan Malaysia. Dalam konteks ini, kestabilan peruntukan tahunan akan memastikan pengurusan pertahanan dapat dibuat dengan lebih cekap.
 - ii. **Kemampuan perbelanjaan yang mampan.** Sebagai pulangan peruntukan pertahanan berjangka panjang dan stabil, Kerajaan akan sentiasa memastikan kemampuan dan perbelanjaan yang mampan diuruskan secara berhemah dan telus. Agensi Pusat dan Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri memainkan peranan penting bagi pemberian peruntukan dan perbelanjaan dibuat mengikut perancangan KPP.
26. Peruntukan yang stabil untuk sektor pertahanan dan keselamatan akan memudahcara perancangan pembangunan keupayaan lebih bersepadu bagi jangka panjang. Penyelarasan antara ATM dengan agensi keselamatan akan memberi kelebihan kepada Kerajaan semasa proses perolehan serta meningkatkan kebolehoperasian dan guna sama antara ATM dengan agensi keselamatan. Perkara ini akan terus memperkasakan industri pertahanan tempatan sebagai pemangkin ekonomi negara. Pulangan tinggi kepada pelaburan pertahanan akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan.
27. Kerajaan beriltizam untuk menyediakan peruntukan yang stabil untuk tempoh jangka panjang berdasarkan keupayaan semasa kewangan negara bagi memastikan KPP dapat dilaksanakan mengikut perancangan.
28. Kerajaan akan terus mengambil langkah proaktif ke arah mencapai tahap tadbir urus terbaik dalam perbelanjaan dan perolehan negara. Dalam konteks ini, Kementerian Kewangan telah melaksanakan semakan semula terhadap proses perolehan, pelaksanaan dan pemantauan projek fizikal dan bukan fizikal, termasuk di MINDEF. Susulan daripada pelaksanaan mekanisme *Zero Based Budgeting*, semua perbelanjaan tertakluk kepada semakan dan penelitian secara berterusan.

Kesimpulan

29. Untuk memaksimumkan keesahan, penerimaan dan kebolehpercayaan KPP, kesemua perancangan akan didokumenkan untuk pelaksanaan dan pemantauan. Dengan menilai impak perubahan persekitaran keselamatan, KPP menetapkan laluan transformasi pertahanan bagi tempoh 10 tahun akan datang untuk merealisasikan Angkatan Masa Hadapan dan meningkatkan kebolehoperasian dengan agensi keselamatan serta kolaborasi dengan rakyat. KPP ini membuktikan peri pentingnya komitmen Kerajaan Malaysia untuk mencapai matlamat tiga tonggak strategi Cegah Rintang Berpadu, Pertahanan Komprehensif dan Perkongsian Berwibawa sejajar dengan visi **Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur.**

RINGKASAN


#15to5	Royal Malaysian Navy #15to5 Transformation Programme
3PN	Pelan Pelaburan Pertahanan Negara
4D MAF	Dimensi Keempat Angkatan Tentera Malaysia (Fourth Dimension Malaysian Armed Forces)
ADMM	ASEAN Defence Ministers' Meeting
ADMM-Plus	ASEAN Defence Ministers' Meeting-Plus
AHA Centre	ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on Disaster Management
AI	Artificial Intelligence
AMRG on HADR	ASEAN Militaries Ready Group on Humanitarian Assistance and Disaster Relief
APMM	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
APT	ASEAN Campur Tiga (ASEAN Plus Three)
ARF	ASEAN Regional Forum
Army 4nextG	Pelan Pembangunan Strategik Tentera Darat (The Army for the Next Generation)
AS	Amerika Syarikat
ASEAN	Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
AV	Kenderaan Perisai (Armoured Vehicle)
BTWC	Konvensyen Senjata Biologi dan Toksin (Biological and Toxin Weapons Convention)
C4ISRT	Pemerintahan, Kawalan, Komunikasi, Pengkomputeran, Perisikan, Pengawasan, Peninjauan dan Penyasaran (Command, Control, Communications, Computer, Intelligence, Surveillance, Reconnaissance and Targeting)
CAP55	RMAF Capability Development Plan 2055
CBRNe	Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and Explosives
CDOC	Cyber Defence Operation Centre
CEMA	Cyber Electromagnetic Activities
CIMIC	Kerjasama Awam-Tentera (Civil-Military Cooperation)
CNII	Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (Critical National Information Infrastructure)
COIN	Melawan insurgency (Counter-Insurgency)
DELSA	Disaster Emergency Logistics System for ASEAN
DIPN	Dasar Industri Pertahanan Negara
DKN	Dasar Keselamatan Negara
DPN	Dasar Pertahanan Negara
EAS	East Asia Summit
EiS	Eyes in the Sky
EW	Peperangan Elektronik (Electronic Warfare)
FONOPs	Freedom of Navigation Operations
FPDA	Peraturan Pertahanan Lima Negara (Five Power Defence Arrangements)
GBC	Jawatankuasa Am Sempadan (General Border Committee)
HADR	Bantuan Kemanusiaan dan Bencana (Humanitarian Assistance and Disaster Relief)
HANRUH	Pertahanan Menyeluruh
HLC	Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (High Level Committee)
HMM	Hospital Medan Malaysia
ICP	Program Kolaborasi Industri (Industrial Collaboration Programme)
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communications Technology)
IMT	International Monitoring Team
INTELEX	Intelligence Exchange
IoT	Internet of Things
IR4.0	Fourth Industrial Revolution (Revolusi Industri 4.0)
ISTAR	Perisikan, Pengawasan, Perolehan Sasaran dan Peninjauan (Intelligence, Surveillance, Target Acquisition and Reconnaissance)
KESBAN	Keselamatan dan Pembangunan
KFR	Kidnap-For-Ransom

KPP	Kertas Putih Pertahanan
KSU	Ketua Setiausaha
LCA	Pesawat Tempur Ringan (Light Combat Aircraft)
LCS	Kapal Tempur Pesisir (Littoral Combat Ship)
LMS	Kapal Misi Pesisir (Littoral Mission Ship)
MALE	Aras Sederhana Ketahanan Tinggi (Medium Altitude Long Endurance)
MAT	Majlis Angkatan Tentera
MCSS	Strategi Keselamatan Siber Negara (Malaysia Cyber Security Strategy)
MDA	Kesedaran Domain Maritim (Maritime Domain Awareness)
MINDEF	Kementerian Pertahanan (Ministry of Defence)
MK AB	Markas Angkatan Bersama
MOOTW	Operasi Ketenteraan Selain Peperangan (Military Operations Other Than War)
MPA	Pesawat Ronda Maritim (Maritime Patrol Aircraft)
MRCA	Pesawat Tempur Pelbagai Guna (Multi Role Combat Aircraft)
MRO	Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (Maintenance, Repair and Overhaul)
MRSS	Kapal Sokongan Pelbagai Guna (Multi Role Support Ship)
MSP	Malacca Straits Patrol
MSSP	Malacca Straits Sea Patrol
NACSA	Agensi Keselamatan Siber Negara (National Cyber Security Agency)
NCO	Network Centric Operations
NGPV	Kapal Ronda Generasi Baru (New Generation Patrol Vessel)
OBUA	Operasi di Kawasan Terbina (Operations in Built-Up Areas)
OEM	Pengeluar Peralatan Asal (Original Equipment Manufacturer)
PAT	Panglima Angkatan Tentera
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PKS	Perusahaan Kecil Dan Sederhana
PSE	Pemerintahan Siber Elektromagnetik
R&D	Penyelidikan dan Pembangunan (Research and Development)
RKAT	Rumah Keluarga Angkatan Tentera
RTKP	Rangka Tindakan Kapasiti Pertahanan
SAR	Mencari dan Menyelamat (Search and Rescue)
SATCOM	Komunikasi Satelit (Satellite Communication)
SKRL	Singapore-Kunming Rail Link
SLOC	Laluan Perhubungan Laut (Sea Line of Communication)
STRIDE	Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (Science and Technology Research Institute for Defence)
TCA	Trilateral Cooperative Arrangement
TDM	Tentera Darat Malaysia
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia
UK	United Kingdom
UN PKO	Operasi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Peacekeeping Operations)
UNHRD	United Nations Humanitarian Response Depot
UNIFIL	United Nations Interim Force in Lebanon
WFP	World Food Programme
WMD	Senjata Pemusnah Besar-Besaran (Weapons of Mass Destruction)
ZEE	Zon Ekonomi Eksklusif
ZMM	Zon Maritim Malaysia
ZOPFAN	Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (Zone of Peace, Freedom and Neutrality)










Kementerian Pertahanan Malaysia

ISBN 978 967 15437 5 4



9 789671 643754 >